



كومثيلاسي خطبه جمعة

KOMPILASI KHUTBAH JUMAAT

2016



## **Kompilasi Khutbah Jumaat Tahun 2016**

Muka

### **Keluaran Januari:**

2-1-2016	: Pasukan Polis tonggak utama keselamatan negara	Muka 7
9-1-2016	: Derma anak yatim	Muka 12
16-1-2016	: Adab menziarahi orang sakit	Muka 16
23-1-2016	: Perbanyakkan mengingati mati	Muka 21
30-1-2016	: Hindari dari menjadi muflis di Akhirat	Muka 26

### **Keluaran Februari:**

6-2-2016	: Judi dalam pertandingan	Muka 32
13-2-2016	: Sentiasa berzikir mengingati Allah	Muka 37
20-2-2016	: Generasi berwawasan	Muka 41
27-2-2016	: Menjaga kebersihan tuntutan Islam	Muka 46

### **Keluaran Mac:**

5-3-2016	: Sentiasa bersangka baik	Muka 52
12-3-2016	: Berhemah urus rezeki	Muka 56
19-3-2016	: Bidang perniagaan mampu menjana ekonomi	Muka 60
26-3-2016	: Syukuri nikmat, elakkan pembaziran	Muka 65

### **Keluaran April:**

2-4-2016	: Amar ma'ruf nahi munkar	Muka 70
9-4-2016	: Bersegeralah dalam beramal soleh	Muka 74
16-4-2016	: Kawal kemarahan dengan kesabaran	Muka 79
23-4-2016	: Ciri-ciri orang mukmin	Muka 84
30-4-2016	: Tanggungjawab dalam keluarga	Muka 88

### **Keluaran Mei:**

7-5-2016	: Israk Mikraj sebagai iktibar dan pengajaran	Muka 94
----------	---	---------

14-5-2016 :	Takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala	Muka 98
21 -5-2016 :	Mencari ketenangan jiwa	Muka 102
28-5-2016 :	Mempertahankan negara tugas mulia	Muka 106

### **Keluaran Jun:**

4-6-2016 :	Persediaan menjelang bulan Ramadan	Muka 111
11-6-2016 :	Tingkatkan amalan di bulan Ramadan	Muka 115
18-6-2016 :	Nuzul Al Quran	Muka 119
25-6-2016 :	Lailatul Qadar	Muka 123

### **Keluaran Julai:**

2-7-2016 :	Adab ziarah kubur	Muka 128
9-7-2016 :	Suasana hari raya	Muka 132
16-7-2016 :	Sempena Hari Keputeraan	Muka 136
23-7-2016 :	Pendidikan anak kewajipan ibu bapa	Muka 139
30-7-2016 :	Amalan pemakanan sihat tanggungjawab semua	Muka 143

### **Keluaran Ogos:**

6-8-2016 :	Berwaspada dalam perniagaan	Muka 148
13-8-2016 :	Ibadah haji wajib dikerjakan umat Islam	Muka 152
20-8-2016 :	Elakkan permainan melalaikan	Muka 156
27-8-2016 :	Dekatkan diri kepada Allah dengan banyak berdoa	Muka 159

### **Keluaran September:**

3-9-2016 :	Selamatkan belia dari dadah	Muka 164
10-9-2016 :	Virus Zika cara mencegahnya	Muka 168
17-9-2016 :	Ibadah Korban	Muka 171
24-9-2016 :	Sedekah amalan terpuji	Muka 175

### **Keluaran Oktober:**

1-10-2016 :	Islam memandang mulia tugas seorang guru	Muka 180
8-10-2016 :	Berhijrah dari baik kepada lebih baik	Muka 183
15-10-2016:	Hormati dan sayangi warga emas	Muka 186
22-10-2016:	Transformasi ke arah Perkhidmatan Awam yang progresif	Muka 190
29-10-2016:	Belia Berwawasan: Pemangkin Tansformasi	Muka 193

### **Keluaran November:**

5-11-2016 :	Bahaya penyakit hati	Muka 199
12-11-2016:	Kesusahan,kesenangan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala	Muka 203
19-11-2016:	Adab berkomunikasi	Muka 207
26-11-2016:	Melakukan perubahan untuk kejayaan	Muka 211

### **Keluaran Disember:**

3-12-2016 :	Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa	Muka 215
10-12-2016:	Hayati sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam	Muka 219
17-12-2016:	Sabar menghadapi ujian	Muka 223
24-12-2016:	Bersama menjaga keselamatan di jalan raya	Muka 227
31-12-2016:	Bersedekah dan berhemat dalam berbelanja	Muka 231

## **Khutbah Jumaat Bulan Januari 2016**

## Pasukan Polis tonggak utama keselamatan negara

Keluaran Pelita Brunei 2 Januari 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita di negara ini hidup dalam keadaan selamat, aman, damai dan tenteram. Kehidupan yang selamat yang penuh keadaan damai dan tenteram ini merupakan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya. Keselamatan dan keamanan adalah asas dalam membina masyarakat dan negara yang inginkan kemajuan, kerana tanpa adanya keselamatan, keamanan dan ketenteraman, kemajuan tidak akan dapat dicapai.

Oleh sebab itu, setiap negara mempunyai undang-undang yang mesti dipatuhi sebagai salah satu cara bagi mengekalkan keselamatan dan keamanan itu, ini termasuklah juga undang-undang yang berkaitan dengan jenayah yang jika tidak dibendung sudah setentunya boleh mengugat keselamatan sesebuah negara. Menjaga keselamatan itu adalah satu tanggungjawab dan jika dilakukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala, maka akan dibalas oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan ganjaran pahala.

Untuk itu, mewujudkan pasukan keselamatan yang terlatih dan berwibawa bagi menjaga keselamatan dan keamanan sesuatu negara itu adalah perkara yang penting bagi sesebuah negara. Ini jelas sebagaimana Firman Allah Subhanu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal ayat 60 yang tafsirnya:

*“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh) yang menceroboh dengan apa jua kekuatan yang kamu termampu dan daripada kedua-dua yang*

*disediakan untuk berperang, supaya kamu dapat menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta orang-orang lain selain daripada mereka itu yang kamu tidak mengetahuinya sedangkan Allah mengetahui mereka. Dan apa jua yang kamu belanjakan pada jalan Allah, akan disempurnakan ganjaran pahalanya kepada kamu dan kamu pula tidak dianiaya (tidak dikurangkan pahala).”*

Sememangnya pasukan keselamatan telah wujud sejak zaman Khulafa Al-Rashidin lagi. Sayidina Omar bin Al-Khatib umpamanya telah membuat penyusunan pentadbiran bagi memastikan kelicinan jentera pemerintahannya dan antara perkara yang dilakukannya ialah mewujudkan sebuah pasukan keselamatan bagi menjaga keamanan orang awam. Sayidina Omar bin Al-Khatib sendiri telah turut serta menjalankan tugas tersebut apabila beliau sendiri menjalankan rondaan pada waktu malam untuk melihat keadaan rakyatnya dan menjaga keselamatan serta kebajikan mereka.

Pada zaman keRajaan Umayyah dan keRajaan Abasiyah pula, telah wujud jawatan ketua polis, iaitu Sahibhus Shurtah. Di Andalusia pula digelar Sahibul Madinah dengan pasukan polisnya Shurtatul Kubra dan Shurtatus Syukra.

Tugas menjaga keselamatan adalah tugas kita bersama, oleh itu marilah kita sama-sama berganding bahu dalam menjaga keamanan dan mencegah jenayah dari berlaku dengan bekerjasama dengan Pasukan Polis DiRaja Brunei sebagai tonggak utama menguatkuasakan undang-undang dan mengekalkan keselamatan negara.

Peranan orang ramai adalah perlu bagi melaporkan sebarang kejadian jenayah yang berlaku di sekitar mereka. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan berwaspada serta ingat-mengingati sesama kita agar tidak menjadi mangsa penjenayah. Jenayah boleh saja berlaku dalam hal-hal tertentu antaranya disebabkan kelalaian, kecuaiian dan sebagainya, namun jika orang ramai bekerjasama dalam mencegah jenayah, maka jenayah akan boleh dikurangkan. Apa yang penting kita terapkan budaya bekerjasama dalam mencegah kejadian jenayah serta tidak camah mata.



Ini bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa' ayat 85, tafsirnya:

*“Sesiapa yang memberikan pertolongan dengan baik nescaya dia akan memperoleh bahagian (pahala) daripada-Nya, dan sesiapa yang memberikan pertolongan dengan buruk nescaya dia akan mendapat bahagian (dosa) daripada-Nya. Dan Allah adalah maha kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”*

Pasukan Polis DiRaja Brunei sekarang sudah berusia hampir satu kurun lamanya, sudah setentunya mempunyai banyak pengalaman dan telah mengalami banyak perubahan dalam menghadapi pelbagai cabaran. Pada zaman dunia tanpa sempadan ini, negara kita tidak ketinggalan dalam mengalami arus komunikasi yang canggih. Dalam arus komunikasi yang canggih inilah penyaluran maklumat begitu penting diterima.

Sememangnya teknologi adalah memudahkan kita untuk berhubung dan mendapat maklumat dengan cepat dan mudah. Walau bagaimanapun perlu diingat teknologi tersebut juga boleh mendatangkan kesan yang tidak baik jika disalahgunakan seperti menyebarkan maklumat yang tidak tepat, menyebarkan fitnah, mengaibkan orang lain dan sebagainya.

Dalam hal ini, pasukan polis telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan trend komunikasi itu tidak akan menjejaskan ketenteraman awam dan demi memastikan hak-hak individu terjamin. Apa yang membimbangkan kebelakangan ini ada di antara kita yang menjadi mangsa penyebaran berita palsu dengan tujuan mengaibkan seseorang itu. Di dalam hal ini peruntukkan undang-undang di bawah seksyen 499 kanun keseksaan, ada menyatakan :

*“Barang siapa dengan perkataan sama ada dituturkan atau dimaksudkan untuk dibaca atau dengan isyarat atau dengan perlambangan yang zahir, membuat atau menyiarkan apa-apa tohmahan mengenai mana-mana orang, dengan maksud hendak merosakkan atau dengan mengetahui atau dengan mempunyai sebab*

*untuk mempercayai bahawa tohmahan itu akan merosakkan maruah orang itu dikatakan, memfitnah orang itu.....”*

Pada masa yang sama pasukan polis bersama dengan agensi-agensi keRajaan yang lain bersedia dan mengatur strategi-strategi dalam penyiasatan jenayah seperti menubuhkan IT forensik dalam mengesan jenayah seperti ini, dengan harapan supaya si pelaku jenayah itu tidak akan sewenang-wenangnya mendatangkan keburukan kepada orang lain.

Akhir-akhir ini kes tipu menggunakan internet juga sering berlaku. Oleh itu, kita hendaklah mengambil langkah berhati-hati dari ancaman jenayah trend baru ini seperti mengawal data-data peribadi dilaman-laman daripada dicerobohi, dan yang penting jangan mudah terpedaya dengan tipu helah dari pihak yang sentiasa mengambil kesempatan di atas kelalaian orang lain. apa yang penting juga ibu bapa mestilah menguasai anak-anak mereka kerana mangsa jenayah siber pada masa ini kebanyakannya melibatkan anak-anak remaja.

Dalam menjaga keamanan dan keselamatan sesebuah tempat seperti kampung dan mukim, pengawasan kejuranan kampung juga berperanan penting dalam membasmi sebarang jenayah serta berganding bahu dengan pasukan polis. Pengawasan kejuranan kampung boleh membantu pihak polis jika mendapati kes jenayah seperti curi atau pecah rumah dengan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis atau membawa penjenayah tersebut ke balai-balai polis, di samping menjadi mata telinga pasukan polis untuk melaporkan sebarang kegiatan anti sosial dan apatah lagi kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara.

Marilah kita sama-sama berusaha dalam memastikan undang-undang di negara ini di patuhi dan dilaksanakan serta bekerjasama dalam memastikan keselamatan terus dapat dinikmati di negara ini. Marilah kita berganding bahu bersama dengan Pasukan Polis DiRaja Brunei dalam membasmi jenayah demi agama dan demi kesejahteraan serta keamanan negara yang kita cintai. Mudah-mudahan negara

kita sentiasa dirahmati dan dilindungi dari perkara-perkara yang tidak diingini.  
Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Maidah ayat 2 tafsirnya:

*“.....dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah Subhanahu Wata’ala). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya.”*

## Derma anak yatim

Keluaran Pelita Brunei 9 Januari 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam adalah agama yang mementingkan hubungan yang baik di kalangan umatnya sehingga dengannya dapat menjadikan umat Islam sebagai umat yang kuat dan bersatu padu. Oleh itu, Islam menyuruh umatnya untuk hidup saling bantu-membantu dan tolong-menolong kerana dengan cara demikian akan dapat menimbulkan perasaan hormat-menghormati dan sayang-menyayangi tanpa mengira keluarga, kaum kerabat, rakan, jiran mahupun orang yang tidak dikenali. Salah satu cara untuk melaksanakan konsep tolong-menolong atau bantu-membantu ialah dengan amalan bersedekah.

Sebenarnya melalui amalan sedekah dapat melatih jiwa seseorang itu untuk menjadi orang yang belas kasihan, berkasih sayang, jauh dari bersifat pentingkan diri sendiri dan sebagainya. Bersedekah juga adalah salah satu cara membelanjakan harta pada jalan Allah. Ini kerana tujuan seseorang bersedekah itu adalah atas dasar untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bersedekah sama ada dengan wang ringgit atau lainnya merupakan amalan mulia yang memberi keuntungan kepada orang yang mengeluarkannya dan orang yang menerimanya. Orang yang bersedekah mendapat balasan pahala, sementara bagi orang yang menerimanya pula dapat menggunakan sedekah tersebut bagi memenuhi keperluan hidupnya. Pada hakikatnya, harta yang disedekahkan bukannya berkurang, malahan Allah Subhanahu Wata'ala akan menggantikan dan menambah hartanya dengan berlipat kali ganda.

Perbandingan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan kemudian tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Baqarah ayat 261, tafsirnya:

*“Bandingan derma orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas rahmat Kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.”*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda, bermaksud:

*“Daripada Adi bin Hatim katanya: Saya telah mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesiapa di antara kamu berkemampuan untuk berlingdung daripada neraka dengan melakukan sedekah walaupun hanya dengan setengah biji buah kurma, maka lakukanlah.”* (Riwayat Al-Imam Muslim).

Bersedekah merupakan salah satu cara untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan dan yang memerlukan bantuan seperti golongan fakir dan miskin, dan termasuklah juga anak-anak yatim. Agama Islam sangat mengambil berat tentang hal ehwal dan kebajikan anak-anak yatim. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengambil berat terhadap anak-anak yatim lebih-lebih lagi orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim tersebut. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengkhabarkan tentang kedudukan yang mulia di syurga bagi orang yang menjaga anak yatim. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadisnya yang bermaksud:

*“Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Penjaga anak yatim daripada kerabat atau bukan kerabatnya, saya dan penjaga itu adalah seperti dua jari ini di dalam syurga. Malik (periwayat hadis) mengisyaratkan dengan jari telunjuk dan jari hantu.”*

Selain itu, kita juga diperintahkan untuk bersikap lemah lembut dan berbuat baik kepada anak yatim. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83 bermaksud:

*“Dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin.”*

Sesungguhnya ganjaran yang diberikan terhadap perlakuan baik kepada mereka amat besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Adapun salah satu daripada perlakuan baik terhadap anak yatim itu ialah dengan menghulurkan bantuan kepada mereka lebih-lebih lagi bagi anak-anak yatim yang hidup susah dan tidak mendapat penjagaan yang sewajarnya. Bantuan yang dihulurkan sama ada berupa wang ringgit atau barang-barang keperluan bukan sahaja dapat mengurangkan bebanan mereka, bahkan juga dapat menimbulkan kebahagiaan dan kegembiraan di hati mereka.

Sememangnya dalam masyarakat kita masih kaya dengan sifat kasih sayang, simpati dan bertanggungjawab terhadap anak-anak yatim. Banyak pihak telah berusaha untuk mengumpulkan dana bagi memberi bantuan kepada mereka sama ada dari pihak kerajaan, swasta ataupun persendirian seperti Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim, Tabung Kutipan untuk Anak-Anak Yatim di masjid-masjid, persatuan-persatuan, projek-projek amal dan sebagainya.

Oleh itu, hulurkanlah dengan seikhlas hati, lebih-lebih lagi di negara kita banyak kemudahan untuk kita menghulurkan sedekah atau derma seperti melakukan khidmat pesanan ringkas (SMS), iaitu yang dibukakan pada masa ini projek SMS Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim yang telah bermula pada 25 November 2015 yang lalu sehingga 31 Januari 2016.

Projek tahunan ini merupakan salah satu usaha dana bagi memudahkan orang ramai untuk menghulurkan sumbangan mereka melalui perkhidmatan SMS

bagi sama-sama membantu anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan bagi menjadikan mereka warganegara yang berguna.

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga amal jariah kita diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan kita mendapat naungan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan negara kita dihindari dari apa jua musibah. Amin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 264 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman jangan kamu rosakkan pahala amal sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan kelakuan yang menyakiti seperti rosaknya pahala amal sedekah orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak). Dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat.”*

## Adab menziarahi orang sakit

Keluaran Pelita Brunei 16 Januari 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sebagai hamba Allah kita tidak akan dapat lari daripada menerima ujian Allah Subhanahu Wata'ala. Di antara ujian Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya ialah ujian sakit. Dalam menghadapi ujian sakit itu kita hendaklah bersabar, reda, berusaha untuk merawat penyakit serta berdoa dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah bahawa sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala yang menyembuhkan segala penyakit sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syu'ara' ayat 80 tafsirnya:

*“Dan jika aku sakit maka Dialah yang menyembuhkan aku.”*

Apabila saudara mara, jiran tetangga dan sahabat handai kita sedang sakit maka adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai Muslim untuk mengambil berat dengan menziarahi mereka. Itulah salah satu cara yang dianjurkan oleh agama Islam untuk kita mengeratkan hubungan persaudaraan atau silaturahim. Menziarahi orang sakit adalah salah satu hak seorang Muslim ke atas Muslim yang lain. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis maksudnya:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu katanya, aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Hak seorang Muslim ke atas Muslim yang lain ada lima perkara, iaitu menjawab salam, menziarahi orang yang sakit, mengiringi jenazah, menjawab (menghadiri) undangan, dan mendoakan orang bersin.”*



Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada bersabda tentang anjuran dan kelebihan menziarahi orang sakit, maksudnya :

*“Sesiapa yang menziarahi orang sakit atau menziarahi saudaranya kerana Allah nescaya penyeru (malaikat) akan berseru kepadanya: Alangkah bagusnya engkau, alangkah bagusnya perjalananmu, telah tersedia untuk mu sebuah rumah di dalam syurga.”* (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Hukum menziarahi orang sakit adalah sunat muakad, iaitu sunat yang sangat dituntut. Menziarahi orang sakit tidak hanya terbatas kepada sahabat atau jiran tetangga yang sakit sahaja, bahkan disunatkan juga menziarahi saudara Islam yang tidak dikenali hatta musuh atau orang yang pernah menyakiti kita. Manakala hukum menziarahi kafir zami yang sakit pula pada dasarnya adalah harus, namun disunatkan menziarahinya jika dia dari kalangan ahli keluarga atau jiran, atau kerana berharap supaya dia memeluk Islam.

Dalam menziarahi orang sakit, adakalanya kita lupa akan adab-adab yang perlu diikuti sehingga niat yang baik hanya akan membebankan orang sakit dan bukan seperti yang diharapkan. Oleh itu, kita hendaklah menjaga adab-adab ketika menziarahi orang sakit, antaranya :

Pertama: Hendaklah tujuan melakukan ziarah itu ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan niat yang baik seperti kerana rasa kasih sayang, persaudaraan dan tanggungjawab kita sebagai orang Islam, bukan disebabkan niat dan tujuan yang lain seperti ingin memiliki harta warisnya, kemewahan dan seumpamanya.

Kedua: Melakukan ziarah pada waktu yang sesuai. Jangan terlalu lama melakukan ziarah kerana dikhuatiri akan mendatangkan kesusahan dan gangguan kepada orang sakit, malah juga boleh mengganggu orang sakit yang berhampiran jika sekiranya berada di rumah sakit.

Makruh hukumnya melakukan ziarah jika mendatangkan kesusahan atau gangguan kepada orang sakit, menghalang pergerakannya atau membuatnya

berasa tidak selesa. Dianjurkan untuk melakukan ziarah secara berselang agar tidak mendatangkan sebarang kesulitan atau gangguan kepada orang sakit. Namun sebaliknya, digalakkan untuk sering melakukan ziarah bagi yang mempunyai hubungan rapat dengan orang sakit itu serta yang disenangi kehadirannya seperti keluarga atau sahabat karib selama mana tidak ada tegahan atau tidak menimbulkan gangguan. Begitu juga digalakkan untuk sering melakukan ziarah jika dengan tidak melawat tiap-tiap hari akan mendatangkan kesusahan kepada orang sakit itu apabila tidak menjenguknya.

Ketiga: Ucapkanlah kata-kata yang elok dan baik yang dapat menyenangkan, menggembirakan dan mententeramkan hati orang sakit, bukannya kata-kata yang tidak disukainya dan yang boleh merisaukannya, melemahkan semangat serta menambahkan kesakitannya. Jika ia kelihatan takut atau gelisah, adalah elok untuk bercakap mengenai kelebihan yang ada padanya, jasa atau kebajikan yang pernah dibuatnya agar perasaan takut itu hilang.

Disunatkan untuk memberikannya nasihat agar banyak bersabar dan tabah menghadapi penderitaan yang dialaminya, sentiasa bersangka baik terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Orang yang berziarah hendaklah memberi harapan sembuh dengan mengatakan kepadanya bahawa apa yang ditanggungnya ini merupakan ujian dari Allah Subhanahu Wata'ala dan insyaaAllah akan membersihkan dirinya daripada dosa serta mendapat ganjaran pahala yang besar.

Antara ucapan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang memberi keyakinan dan harapan sekali gus menjadi doa ialah, maksudnya:

*“Penyakit ini tidak apa-apa, malah membersihkan daripada dosa, insyaaAllah.”*  
(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Kelima: Disunatkan untuk mendoakan orang sakit supaya cepat sembuh, sama ada ketika melakukan ziarah ataupun tidak dan sama ada besar harapan untuk sembuh ataupun sebaliknya. Antara doa yang afdhal ialah membaca doa-doa yang diajarkan oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak tujuh kali kepada

pesakit, nescaya Allah Subhanahu Wata'ala menyembuhkannya, maksudnya:

*“Aku memohon kepada Allah Yang Maha Agung, Tuhan yang memiliki Arasy Yang Agung, semoga dia menyembuhkan mu.”*

Di samping pengambilan ubat dan penggunaan peralatan perubatan, pengobatan secara rukyah yang merupakan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga boleh dilakukan apabila berziarah. Antara rukyah atau dipanggil juga menawari dalam kalangan masyarakat kita adalah dengan membacakan ayat-ayat dari Al-Quran seperti membaca “Bismillahir Rahmanir Rahim”, membaca Muawwizat (Surah Al-Ikhlash, Surah-Al-Falaq dan Surah An-Nas) atau doa-doa perlindungan. Saidatina Aisyah Radhiallahuanha ada meriwayatkan yang bermaksud:

*“Bahawasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah meniup badan Baginda sambil membaca Al-Muawwizat di kala Baginda mengalami sakit yang membawa kepada kewafatannya.”*

Selain itu juga, pesakit dianjurkan membaca doa pelindung ini dengan meletakkan tangan pada tempat yang sakit sebanyak tujuh kali yang bersumber daripada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Imam Muslim, maksudnya:

*“Aku berlindung dengan kemuliaan Allah dan kekuasaan-Nya daripada kejahatan yang aku dapat dan aku waspadai.”*

Keenam: Dianjurkan untuk meminta orang sakit itu mendoakan kesejahteraan dan kebaikan kita kerana doa-doa orang sakit adalah mustajab berdasarkan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya :

*“Apabila engkau datang mengunjungi orang yang sakit, maka mintalah agar dia mendoakan mu, kerana doa-doanya makbul seperti doa-doa para malaikat.”*

Ketujuh: Jangan bercerita tentang perkara buruk atau aib orang sakit kepada orang lain. Hendaklah disembunyikan sebarang keburukan atau keaiban yang dilihat.

Kelapan: Bagi orang sakit yang tiada harapan sembuh atau sedang nazak, dituntut ke atas ahli terdekat untuk mengajarkannya ucapan “La illaha Ilallah” agar kalimah tauhid tersebut menjadi ucapan terakhir sebelum ia meninggal dunia, serta menghadapkannya ke arah kiblat, iaitu dengan membaringkannya pada rusuk sebelah kanannya dan menghadapkan mukanya ke arah kiblat. Sunat dibacakan di sisi orang sakit itu Surah Ya Sin dengan suara yang dapat didengar oleh orang lain dan Surah Ar-Ra’d dengan suara perlahan yang hanya didengar oleh dirinya sendiri.

Amalan menziarahi orang sakit ini sangat dituntut kerana ia boleh mengingatkan kita kepada kematian dan mengajak kepada keinsafan. Tuntutan tersebut mempunyai peranan dalam menghidupkan sifat berkasih sayang, ambil peduli dan tidak camah mata yang merupakan tanggungjawab kita dalam kehidupan bermasyarakat. Di samping menghibur dan meringankan penderitaan orang sakit, dengan saling ziarah menziarahi, ikatan persaudaraan dan silaturahim akan menjadi lebih erat. InsyaaAllah dengan mengikut dan menjaga adab-adab ditetapkan, amalan menziarahi orang sakit ini akan menjadi lebih berkah dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata’ala.

Surah Asy-Syu’ara’ ayat 78 - 80 tafsirnya:

*“Tuhan yang menciptakan daku dari tiada kepada ada, maka Dialah yang memimpin dan memberi petunjuk kepadaku. Dan Tuhan yang Dialah jua memberiku makan dan memberi minum. Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku.”*

## Perbanyakkan mengingati mati

Keluaran Pelita Brunei 23 Januari 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran ayat 185, tafsir-Nya :

*“Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati. Dan sesungguhnya pada hari kiamat sahalalah akan disempurnakan balasan kamu. Oleh itu, sesiapa yang dihindarkan daripada neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah kesenangan yang memperdayakan.”*

Sesungguhnya kehidupan di dunia ini hanyalah sementara dan akhirat jugalah tempat yang kekal abadi. Bagi mendapatkan yang baik di akhirat kelak, kita hendaklah membuat persiapan sebagai bekal semasa hidup di dunia ini. Apabila kematian sudah tiba, maka terputuslah peluang tersebut. Oleh itu kita hendaklah memanfaatkan usia yang telah diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk meningkatkan amal ibadat, melakukan amal-amal soleh dan berkebajikan, serta memperbanyakkan mengingati mati agar kita tidak leka dengan kehidupan di dunia yang melalaikan dan mengasyikkan ini.

Dalam Islam kita disunatkan untuk memperbanyakkan mengingati mati. Dalam Kitab Mau'izhatul Mu'minin min Ihya' Ulumiddin ada menyatakan manusia itu terbahagi kepada tiga golongan.

Golongan pertama ialah golongan yang tidak mengingati mati, bahkan sangat jauh daripada mengingatinya dan lebih sibuk dengan urusan keduniaan.

Golongan kedua pula ialah golongan yang banyak mengingati mati untuk menimbulkan rasa takut dan gerun supaya dia lebih banyak bertaubat. Golongan ini kadang-kadang dikatakan tidak menyukai mati kerana merasa takut kalau-kalau dia tidak sempat untuk bertaubat sepenuhnya, di samping mahu menambah kebaikan dan meningkatkan bekalan ke akhirat.

Golongan ketiga pula ialah mereka yang sangat menantikan saat-saat kematian itu, kerana merasa rindu untuk bertemu dengan Tuhan Yang Maha Pencipta, Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketahuilah bahawa mengingati mati mempunyai banyak kelebihannya, antaranya dapat menimbulkan keinsafan dalam jiwa dan seterusnya menjadikan seseorang itu semakin tekun beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan apa jua perbuatan mungkar dan berdosa. Mereka inilah yang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam katakan sebagai orang yang bijak, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda ditanya oleh orang-orang Ansar berkenaan siapakah di kalangan orang Mukmin yang lebih bijak (jauh pandangannya)? Baginda menjawab yang maksudnya :

*“Mereka yang paling banyak mengingati mati dan yang paling baik persediaannya untuk menghadapi perkara sesudah mati. Mereka itulah yang paling bijak.”* (hadis riwayat Ibnu Majah).

Kematian adalah perkara yang sangat besar dan dahsyat serta menakutkan. Merenungkannya pasti dapat membuat manusia menjauhkan diri dari dunia, tidak banyak bersenang-senang dan mendorongnya untuk segera bersiap-siap menghadapi kematian. Kematian adalah pemutus, yang memisahkan manusia dari kehidupan, meninggalkan segala yang dimiliki, tiada harta dan tiada teman, dibalut dengan kain putih dan tinggallah mereka itu di dalam tanah yang penuh dengan kegelapan dan bersendirian. Adakah kita sudah bersedia untuk menghadapi kematian?

Kematian boleh datang menjemput pada bila-bila masa, entah esok atau lusa, tiada siapa yang tahu kecuali Allah Subhanahu Wata'ala. Jangan sangka dengan kesihatan yang baik, umur masih muda maka ajal belum akan tiba. Berapa ramai orang yang kita kenal telah meninggal dunia, ada yang mati kerana sakit, ada yang mati kerana kemalangan, ada yang mati dalam tidur, bahkan ada yang masih muda usianya. Oleh itu janganlah kita lalai dengan dunia, leka dengan kesenangan dan sentiasalah mengingati mati.

Dalam Kitab Mau'izhatul Mu'minin min Ihya' Ulumiddin bahawasanya Tsaabit Al-Bunani ada berkata: Pada masa yang lalu, tatkala kami menyaksikan jenazah di situ ada sahaja orang-orang yang terharu dan menangis. Sebab yang demikian ialah kerana mereka amat takut akan mati. Tetapi sekarang bila kami menyaksikan sekumpulan orang yang hadir di rumah-rumah yang ada kematian, kami kerap pula menyaksikan orang-orang itu bergelak ketawa, berbual-bual kosong atau membicarakan tentang harta kekayaan orang yang mati itu dan berapa banyak pula ahli waris yang ditinggalkannya. Para ahli waris turut memikirkan cara-cara bagaimana mereka akan mendapatkan harta yang ditinggalkan oleh orang yang mati itu. Tiada ada seorang pun yang mahu memikirkan tentang dirinya bila pula ia akan mati dan diletakkan di dalam keranda seperti orang yang mati itu, lalu di usung menuju kubur.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Imam Al-Baihaqi ada menceritakan bahawa pada suatu hari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam keluar dari masjid dan Baginda mendapati sekelompok orang sedang berbicara dan tertawa gembira. Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan mereka tentang kematian, bahawa jika mereka mengetahui seperti apa yang Baginda ketahui tentang kematian, sudah tentu mereka akan lebih banyak menangis daripada ketawa.

Oleh yang demikian, ambillah iktibar daripada kisah-kisah tersebut agar kita sentiasa ingat kepada kematian dan tidak lalai dengan kehidupan di dunia.

Sakaratul maut itu adalah suatu perkara yang sangat menyakitkan. Diceritakan dalam Kitab Mukhtashar Ihya Ulumuddin bahawa ketika seseorang mengalami sakaratul maut, teriakan dan suaranya tersekat-sekat disebabkan rasa sakit yang begitu dahsyat yang telah menjalar ke hati dan bersemayam di sekujur tubuh sehingga melemahkan seluruh kekuatannya, dan pada akhirnya ia tidak mampu lagi untuk memohon pertolongan. Saat itu, kemampuan akal telah lumpuh dan kacau bilau, lidah menjadi kelu dan kaku, seluruh organ tubuh menjadi lemah terkulai. Dadanya telah berubah warna dan terbungkus kaku, lalu mulailah roh dicabut dari seluruh persendiannya kemudian semua anggota tubuh menjadi mati perlahan-lahan. Mula-mula kedua kakinya menjadi dingin, lalu betis dan pehanya. Apabila roh sampai ketenggorokannya, ketika itu terputuslah pandangannya dari dunia dan penghuninya serta tertutuplah pintu taubat baginya.

Oleh itu segeralah bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebelum ajal tiba.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 18:

*“Dan tidak diterima taubat orang-orang yang selalu melakukan kejahatan hingga apabila salah seorang daripada mereka hampir mati, berkatalah ia: Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini. Sedang taubatnya itu sudah terlambat. Dan tidak pula diterima taubat orang-orang mati sedang mereka di dalam kekafiran bagi mereka kami sediakan azab yang pedih.”*

Wahai saudara-saudara sekalian, sentiasalah mengingati mati. Terdapat berbagai langkah yang boleh dilakukan agar kita mengingati mati itu berkesan di dalam hati sehingga dapat menjadikannya Mukmin yang lebih beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Antaranya ialah dengan muhasabah diri, membayangkan saat-saat kematian, membayangkan keadaan diri apabila berada di dalam kubur, membayangkan seksaan-seksaan dan azab ketika di dalam kubur, membaca kisah-kisah atau cerita berkaitan dengan kematian, menziarahi kubur dan sebagainya. Selain itu sentiasalah kita berdoa semoga mendapat Husnul Khatimah iaitu pengakhiran yang baik dan semoga dijauhkan dari Suul Khatimah



iaitu pengakhiran yang buruk. Orang Mukmin yang mendapat Husnul Khatimah sangatlah beruntung.

Ajal datang tanpa amaran, tanpa mengira waktu dan usia, oleh itu berusaha untuk menjadi umat Islam yang beriman dan bertakwa dengan mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan perintahnya dengan ikhlas dan sempurna seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya. Memperbanyakkan amalan yang sunat seperti berzikir, berdoa, bersedekah dan sebagainya serta jauhilah dari perbuatan yang dilarang dan berdosa.

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa semoga hidup kita dan keluarga kita terhindar dari kelalaian dan kemaksiatan serta semoga kita semua mendapat Husnul Khatimah dan amal ibadat kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Ali-'Imran, ayat 145, tafsirnya :

*“Dan setiap yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah sebagai satu ketetapan yang tertentu masanya. Dan sesiapa yang menghendaki ganjaran dunia, Kami berikan kepadanya sebahagian ganjaran dunia itu dan sesiapa yang menghendaki ganjaran akhirat, Kami berikan pula kepadanya ganjaran akhirat itu. Dan kami akan memberi ganjaran pahala kepada orang-orang yang bersyukur.”*

## Hindari dari menjadi muflis di akhirat

Keluaran Pelita Brunei 30 Januari 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sebagai seorang Islam kita hendaklah bijak memilih jalan kehidupan ke arah yang benar mengikut petunjuk yang telah digariskan oleh Al-Quran dan Al-Hadis. Untuk menuju ke alam yang kekal, iaitu Akhirat, kita hendaklah melakukan amal kebajikan seberapa banyak yang kita mampu semasa hidup di dunia ini. Sesungguhnya dunia ini umpama sebagai tempat bercucuk tanam. Hasilnya akan kita nikmati di akhirat nanti.

Amal kebajikan itu ialah menunaikan sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji, bersedekah dan sebagainya. Begitu juga dengan berusaha bagi memenuhi keperluan hidup dengan menuntut ilmu, bekerja dan berkhidmat kepada keluarga, jiran, masyarakat dan lain-lain.

Segala amalan yang kita lakukan di dunia ini sama ada baik atau buruk akan dibentangkan di akhirat, tidak ada yang terkecuali walaupun sekecil zarah. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az-Zalzalah, ayat 7 - 8, tafsirnya:

*“Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat ganjarannya. Dan sesiapa yang mengerjakan kejahatan sekalipun seberat zarah nescaya dia akan melihat balasannya.”*

Pada ketika itu kita akan melihat segala amalan kita semasa hidup ini dalam kitab-kitab amal, ada yang berpahala, ada juga yang berdosa. Mereka yang

berdosa itu akan merasa takut dengan keadaan sedemikian, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kahfi, ayat 49, tafsirnya :

*“Dan diletakkanlah kitab (catatan amal perbuatan setiap orang) maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu ketakutan terhadap apa yang tercatat di dalamnya dan mereka berkata: “Aduhai celakalah kami. Kitab apakah ini? Ia tidak meninggalkan yang kecil dan tidak juga yang besar melainkan semua dihitungnya.” Dan mereka mendapati apa yang mereka telah kerjakan itu sedia tercatat di dalamnya. Dan Tuhanmu tidak menzalami seorang jua pun.”*

Oleh yang demikian, hindarkanlah diri kita dari tergolong dalam kalangan orang yang muflis di akhirat nanti. Siapakah yang muflis di akhirat itu? Orang yang muflis di akhirat itu ialah mereka yang melakukan kebaikan dan kebajikan tetapi dalam masa yang sama mereka juga melakukan kejahatan dan dosa sesama manusia. Maka segala ganjaran pahala kebaikan diambil oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi membayar segala hutang kejahatan semasa hidup di dunia ini sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, maksudnya:

*“Siapa yang muflis? Manusia yang muflis itu bukanlah mereka yang tidak berharta dan tempat tinggal. Sesungguhnya orang yang muflis itu ialah mereka yang tidak menunaikan hak-hak orang lain seperti mencaci dan merampas harta tanpa hak, memukul tanpa sebab dan sebagainya.”*

Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam lagi, yang bermaksud:

*“Tahukah kamu siapakah orang yang muflis? Para sahabat menjawab: Bagi kami orang yang muflis ialah orang yang tidak memiliki wang mahupun harta benda. Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda lagi: Sebenarnya orang yang muflis dalam kalangan umatku ialah mereka yang pada Hari kiamat datang dengan membawa pahala amal solat, puasa, zakat dan haji, tetapi semasa di dunia mereka pernah mencaci maki orang, menuduh tanpa bukti, memakan harta dengan zalim, membunuh dan memukul sesuka hati. Lalu pada Hari kiamat,*

*orang yang dizalimi akan menerima pahala si penzalim. Jika pahala amalnya telah habis (diberikan) sedangkan kesalahan dan dosanya masih banyak, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi pula dosa orang yang dizalimi itu kepadanya sehingga semakin berat bebannya, lalu Allah Subhanahu Wata'ala campakkan dia ke dalam neraka.”* (Hadis riwayat Imam Muslim).

Berdasarkan hadis tersebut, dapatlah kita fahami wahai kaum Muslimin, bahawa golongan yang menjadi muflis di akhirat adalah berasal daripada mereka yang memiliki pahala yang banyak. Bagaimanapun, semua pahala ibadat mereka itu habis kerana digunakan sebagai bayaran ganti rugi kepada insan yang pernah disakiti, dihina, dibunuh atau dizalimi. Bahkan mereka juga akan dibebankan dengan dosa orang yang dizalimi. Alangkah ruginya golongan muflis ini. Ganjaran pahala yang dikumpulkan dengan mengerjakan bermacam-macam kebaikan dan ibadah akhirnya menjadi sebagai tukaran yang perlu dibayar terhadap kesalahan yang telah dilakukannya terhadap orang lain.

Oleh itu, ingatlah dengan melakukan ibadat yang banyak tetapi pada masa yang sama masih lagi melakukan penganiayaan, penindasan dan kezaliman kepada orang lain, tidak akan menjamin terpeliharanya seseorang itu daripada azab Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam pergaulan hidup sehari-hari sudah tentu akan berlaku kesilapan sama ada disengajakan ataupun tidak. Kesilapan itu boleh mengundang dosa terutama jika ia menyentuh pelanggaran hak yang berkaitan dengan tubuh, maruah diri dan harta benda orang lain. Apabila kesalahan berkaitan dengan manusia, maka wajib bagi kita meminta maaf dan mengembalikan haknya. Jika kita tidak sempat memohon kemaafan semasa hidup di dunia ini maka dosa-dosa itu akan dibayar dengan pahala-pahalanya di akhirat kepada orang yang tidak sempat dia meminta maaf di dunia.

Kerana itulah pahala kita akan berkurangan sehingga kita miskin di akhirat nanti. Jika kita miskin di dunia masih ada lagi orang yang bersympati dan dapat membantu kita. Tetapi bagaimana pula hal keadaan kita apabila miskin di akhirat?

Siapakah yang akan bersimpati? Siapakah yang akan menolong kita dan siapakah pula yang akan menyelamatkan kita dari azab seksa neraka Allah Subhanahu Wata'ala?

Dalam banyak-banyak anggota, lidahlah yang paling banyak kesalahan yang melibatkan sesama manusia. Dosa lidah boleh menyebabkan seseorang itu menjadi muflis di akhirat. Imam Ghazali pernah berkata:

*“Menerusi lidah akan berlakulah pendustaan atau pembohongan, buruk sangka, permusuhan, fitnah, mencerut, mencela, mengutuk, bertelingkah, mengumpat, melaknat dan membicarakan sesuatu dalam keadaan kesat, kasar dan penuh dengan kesombongan.”*

Untuk hidup dalam suasana yang tenteram, aman dan damai, lidah hendaklah dijaga daripada menuturkan kata-kata yang boleh membawa atau menimbulkan keburukan kepada hubungan sesama manusia yang mengakibatkan seseorang itu menjadi muflis di akhirat.

Sememangnya hidup di dunia ini kita menginginkan kekayaan. Begitu juga halnya di akhirat, kita juga menginginkan kekayaan. Sesungguhnya kekayaan di akhirat inilah yang diharap-harapkan oleh orang-orang yang beriman kerana inilah kekayaan yang kekal abadi. Dengan kekayaan inilah yang akan dapat meluaskan dan menerangkan alam kubur, berada di Padang Mahsyar dengan selesa, meniti titian Siratul Mustaqim sepantas kilat, memasuki pintu syurga dan hidup bersenang lenang di syurga abadi. Dengan kekayaan inilah kita akan mendapat rahmat dan nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak.

Sama-samalah kita muhasabah diri kita, adakah kita ini sudah cukup amalan untuk bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak, adakah segala amalan kita di dunia ini dijamin pahala di akhirat. Ingatlah segala amalan kita akan diperhitungkan sama ada berpahala atau berdosa dan semuanya itu terserah kepada neraca keadilan yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah wahai kaum Muslimin bahawa setiap pergerakan kita sentiasa diawasi oleh dua

malaikat, iaitu Rakib dan Atid. Elakkanlah daripada terjerumus melakukan dosa dan maksiat, sama-sama lah kita berdoa agar kita semua tidak tergolong dalam golongan mereka yang kaya di dunia tetapi miskin di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Qaf, ayat 18, tafsirnya :

*“Tidak ada perkataan yang dilafazkan atau perbuatan yang dilakukan seseorang melainkan di sisinya ada malaikat pengawas yang sedia mencatatnya.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan Februari 2016**

## Judi dalam pertandingan

Keluaran Pelita Brunei 6 Februari 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan manusia untuk beribadat kepada-Nya dan mengurniakan nikmat untuk kita gunakan di jalan yang diredai-Nya. Manusia diberikan akal fikiran supaya tidak tunduk kepada hawa nafsu. Manusia juga dianugerahkan panca indera untuk mencari rezeki serta menikmati kehidupan di muka bumi ini. Islam memerintahkan kita berusaha mengikut landasan yang benar, menjauhi perkara-perkara haram seperti kekerasan, penindasan, penipuan, rasuah, riba, judi dan bermacam-macam lagi kemungkaran. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Maidah, ayat 90 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman, bahawasanya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semuanya kotor keji dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya, moga-moga kamu berjaya.”*

Adapun yang dimaksudkan dengan judi itu ialah tiap-tiap perkara yang ada di dalamnya beradu nasib atau pertarungan baik sedikit atau banyak, kecil atau besar, sama ada melalui permainan, hiburan dan sebagainya.

Di antara permainan berunsur judi yang dapat dilihat secara terang-terangan ialah permainan daun terup, loteri, main katam, nombor ekor dan apa sahaja pertarungan seperti pertarungan di dalam pertandingan sukan, perlumbaan dan yang seumpamanya.



Selain itu juga, pada zaman sekarang ini, judi menjadi semakin mudah untuk dilakukan umpamanya melalui internet dan melalui telefon bimbit seperti permainan judi *online* termasuklah aplikasi telefon bimbit yang ada unsur-unsur judi di dalamnya. Kadang-kadang tanpa kita sedari, terdapat perbuatan yang kita lakukan terkandung di dalamnya unsur judi.

Apapun jua jenis pertandingan atau peraduan yang berbentuk pertaruhan wang atau harta dari pihak-pihak yang menyertai pertandingan atau peraduan itu dan mereka semuanya sama-sama mempunyai peluang untuk mendapat habuan atau keuntungan dan sama-sama juga mempunyai risiko menanggung kerugian, sementara pihak yang menang akan mengambil habuan daripada pihak yang kalah, maka pertandingan atau peraduan seperti itu adalah dikategorikan sebagai judi.

Tanpa kita sedari terdapat pertandingan atau peraduan masa kini yang berunsur judi. Dalam pertandingan atau peraduan masa kini kebanyakannya ada mensyaratkan bayaran penyertaan. Contohnya dalam pertandingan sukan dan sebagainya. Jika hadiah pertandingan tersebut diperolehi dari bayaran penyertaan para peserta, maka pertandingan itu adalah judi.

Oleh itu, hendaklah kita berhati-hati dan peka dengan pertandingan atau peraduan yang ada mensyaratkan bayaran kerana ia boleh jatuh kepada perjudian tanpa kita sedari. Semua pihak lebih-lebih lagi para penganjur terutama sekali mereka yang terdiri daripada orang Islam hendaklah sentiasa peka terhadap hukum syarak.

Perlu difahami bahawa permainan berunsur judi ialah setiap permainan yang di dalamnya mengandungi unsur taruhan (harta atau *material*) di mana pihak yang menang atau untung berhak mengambil (merampas) harta atau *material* dari pihak yang kalah. Secara amnya dapatlah dijelaskan bahawa dalam judi ada tiga unsur utama, iaitu:

Pertama: Adanya pertaruhan harta yang berasal daripada pihak yang sedang berjudi.

Kedua: Ada suatu permainan untuk menentukan pihak yang menang dan kalah.

Ketiga: Pihak yang menang akan mengambil harta yang menjadi taruhan dan pihak yang kalah akan kehilangan hartanya.

Sesungguhnya judi sangat berbahaya dan boleh mengancam negara dan seterusnya menjadikan kita tidak lagi berada di landasan yang betul. Oleh itu, ada beberapa langkah yang boleh diambil dalam menghindarkan diri dari terjerumus dengan kegiatan judi, antaranya ialah:

Pertama: Meneguhkan keimanan.

Iman adalah salah satu kekuatan yang dapat menjaga manusia daripada melakukan perkara-perkara mungkar. Iman juga mengangkat manusia ke jalan kemuliaan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Thaha ayat 75, tafsirnya:

*“Dan sesiapa yang datang kepada-Nya dalam keadaan beriman lagi telah mengerjakan amalan-amalan soleh maka mereka itulah yang beroleh darjat-darjat yang tinggi di sisi Allah.”*

Jika iman seseorang itu teguh, maka dia akan dapat menahan diri dari tunduk kepada pujukan dan hasutan syaitan dan dapat menjaga hawa nafsu.

Kedua: Meningkatkan pengetahuan dan penghayatan agama Islam bagi memastikan tahap kefahaman dan penghayatan umat Islam terhadap agama terus meningkat khususnya tentang haramnya dan bahayanya judi. Pendidikan agama hendaklah dititikberatkan dan diberi keutamaan oleh semua pihak terutama ibu bapa, penjaga, pendidik dan pemimpin masyarakat.

Ketiga: Melaksanakan ‘Amar Ma’aruf Nahi Mungkar’.

Berlakunya kemungkaran dan pelbagai gejala sosial hari ini adalah disebabkan oleh pudarnya semangat umat Islam untuk menegakkan dan melaksanakan ‘Amar Ma’aruf’ di antara sesama mereka. Sikap camah mata dan tidak ambil peduli serta takut untuk menegur kemungkaran segelintir daripada kita boleh menjejaskan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan dalam keluarga, masyarakat dan negara.

Sebagai seorang Mukmin, kita adalah bersaudara dengan Mukmin yang lain. Jika seorang Mukmin melihat kemungkaran yang dilakukan oleh saudaranya yang lain, mereka hendaklah sama-sama membetulkan kesilapan tersebut. Jika saudaranya bertindak melampaui batasan, hendaklah dia segera menahannya. Mereka hendaklah saling tolong-menolong agar tidak menganiaya diri sendiri dan juga saudaranya yang lain.

Ingatlah wahai kaum Muslimin, bahawa berjudi itu perbuatan maksiat. Wang yang diperolehi daripada judi adalah haram. Tidak boleh digunakan, apatah lagi jika digunakan untuk makan minum anak dan isteri.

Oleh itu, berhati-hatilah dalam mencari rezeki. Jauhkan diri dari perkara-perkara yang haram dan syubhah. Bersyukurlah walaupun rezeki hanya sedikit, asalkan halal dan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata’ala.

Sesungguhnya kita hidup di dunia ini hanya sementara dan penuh dengan ujian, cubaan dan godaan. Maka kita sebagai umat Islam janganlah sampai terjerumus ke lembah judi kerana inginkan kemewahan.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita semua terhindar dari mengikut kehendak dan hasutan syaitan yang sentiasa mengajak kita melakukan dosa dan maksiat. Mudah-mudahan kita semua tergolong ke dalam golongan orang-orang yang sentiasa melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata’ala dan meninggalkan segala larangannya. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Maidah ayat 91, tafsirnya:

*“Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab meminum arak dan bermain judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang, maka tidakkah kamu mahu berhenti daripada melakukan perbuatan keji itu?”*

## Sentiasa berzikir mengingati Allah

Keluaran Pelita Brunei 13 Februari 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Ketenangan jiwa adalah nikmat yang sangat berharga yang diidamkan oleh setiap insan. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan di dalam Al-Quran kepada hamba-hamba-Nya bahawa ketenangan dan ketenteraman jiwa itu boleh diperolehi dengan cara berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Berzikir atau Zikrullah adalah ibadat untuk kita mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dengan memuji kebesaran-Nya seperti bertasbih, bertahmid, bertakbir dan sebagainya sama ada dilakukan dengan hati ataupun dengan lisan. Ia merupakan ibadat yang dituntut melakukannya pada setiap masa.

Adapun pengertian zikir dari segi bahasa bermaksud mengingati, manakala dari segi istilah pula zikir ialah mengingati Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa dan tempat dengan cara-cara yang diharuskan oleh syarak sama ada dengan ucapan, perbuatan atau dengan hati. Mengingati Allah Subhanahu Wata'ala mendorong seseorang melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

Mengingati Allah Subhanahu Wata'ala juga adalah salah satu usaha yang berkesan untuk mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dan Allah Subhanahu Wata'ala juga memerintahkan kepada hamba-Nya untuk sentiasa mengingati-Nya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 41 yang tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya.”*

Sesungguhnya banyak kelebihan bagi orang yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata’ala di antaranya ialah:

Pertama: Dapat mententeramkan jiwa, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Ar-Ra’d ayat 28, tafsirnya:

*“Iaitu orang-orang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingati Allah Subhanahu Wata’ala). Ketahuilah, dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram.”*

Kedua: Menjauhi dari perangkap dan hasutan syaitan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Az-Zukhruf ayat 36, tafsirnya:

*“Dan sesiapa yang berpaling daripada pengajaran Allah yang maha pemurah itu (Al-Quran), kami akan adakan baginya syaitan lalu syaitan itu menjadi teman karibnya.”*

Ketiga: Mendapat pertolongan Allah Subhanahu Wata’ala, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 152, tafsirnya:

*“Maka ingatlah kamu kepada Ku dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada Ku dengan taat mengerjakan suruhan Ku dan janganlah kamu mengingkari Ku dengan berbuat derhaka dan maksiat.”*

Terdapat banyak zikir yang boleh kita amalkan, namun seafdal zikir itu ialah “La Ilah Ha Illallah”, sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: riwayat Imam At-Termizi yang maksudnya:

Dari Jabir bin Abdullah Radhiallahu anhuma katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: zikir yang paling afdal ialah “La illaha illallah” dan doa yang mulia ialah Alhamdulillah.

Kalimah “La illaha illallah” adalah kalimah yang besar ertinya di sisi agama Islam. Ia adalah suatu kalimah yang mengandungi makna yang menafikan terhadap segala bentuk penyembahan selain daripada Allah Subhanahu Wata’ala dan ia juga menetapkan bahawa penyembahan itu wajib ditujukan kepada Allah Subhanahu Wata’ala semata-mata. Firman Allah Subhanahu Wata’ala di dalam Surah Muhammad ayat 19, tafsirnya:

*“Maka ketahuilah wahai Muhammad bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.”*

Ketahuilah bahawa kalimah tauhid “La illaha illallah” ini mempunyai banyak fadhilat, antaranya ialah:

Pertama: Mendapat syafaat dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh imam Al-Buhkari, maksudnya:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahu anhu, ia berkata: telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: yang akan mencapai kebahagiaan dan keuntungan melalui syafaatku ialah orang yang mengucapkan kalimah “La illaha illallah” dengan hati yang ikhlas.”*

Kedua: Dapat memperbaharui iman.

Ketiga: Dimasukkan ke dalam syurga barang siapa yang akhir kalamnya mengucapkan “La illaha illallah.”

Sebagai hamba Allah marilah kita berusaha untuk memperbanyakkan mengingati Allah walau dimanapun kita berada sama ada di waktu senang ataupun susah, di waktu suka ataupun duka, kerana segala sesuatu yang berlaku di dunia

ini adalah dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala. Hanya dengan mengingat Allah hati kita akan menjadi tenang.

Akhirnya, marilah kita berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala semoga amal ibadat kita diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat syafaat dari Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Muhammad ayat 19, tafsirnya:

*“Maka ketahuilah wahai Muhammad bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mohonlah keampunan kepadanya bagi kekhilafanmu dan dosa orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan. Allah maha mengetahui tempat kamu berusaha di dunia dan tempat kediaman kamu di akhirat.”*



## Generasi berwawasan

Keluaran Pelita Brunei 20 Februari 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan berbagai nikmat kepada negara kita ini, antaranya nikmat kemerdekaan, keamanan, keharmonian dan kestabilan negara yang kita nikmati selama ini. Kita juga patut bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mentakdirkan kita hidup dalam sebuah negara di bawah kepimpinan pemerintahan beRaja.

Maka adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mempertahankan dan mengekalkan nikmat tersebut dengan sentiasa mensyukurinya dan sentiasa taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya dan juga kepada pemimpin negara, iaitu Raja kita, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa' ayat 59 yang tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul Allah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”*

Alhamdulillah, negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 32 tahun, dan hari kebangsaan pada tahun ini disambut dengan tema 'Generasi Berwawasan'. Sesungguhnya generasi berwawasan tidak akan terbentuk dalam sekelip mata, akan tetapi pembentukan generasi berwawasan memerlukan beberapa perubahan yang dimulai dari individu itu sendiri.

Perubahan untuk membentuk generasi berwawasan dalam diri individu ialah mempunyai kesedaran diri dengan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, muhasabah diri serta istiqamah dalam beribadat. Kita perlu memiliki empat ciri-ciri penting untuk membentuk generasi yang berwawasan, iaitu:

Pertama: Mempunyai kesedaran diri.

Sesungguhnya mempunyai kesedaran diri bermakna seseorang itu mampu melaksanakan segala perancangan matlamat hidup dan tindak-tanduk perbuatannya dan mempunyai jati diri serta keperibadian yang luhur agar terhindar dari kemunduran dan kerosakan.

Persoalannya, bagaimanakah caranya untuk mempunyai kesedaran diri sendiri, dan bagaimana mempunyai kesedaran diri sendiri boleh membentuk generasi berwawasan? Ada pun mempunyai kesedaran diri sendiri itu ialah dengan cara mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr, ayat 19 tafsinya:

“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang lupa kepada Allah lalu Allah membiarkan mereka lupa kepada diri mereka sendiri. Mereka ialah orang fasik.”

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan kita supaya sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mempunyai kesedaran diri dengan cara mengingati Allah Subhanahu Wata'ala ini adalah sangat penting. Mengingati Allah Subhanahu Wata'ala bererti kita sentiasa mengikut perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan segala larangan-Nya, dan dapat menjaga hubungan sesama manusia dengan baik.

Generasi yang berwawasan ialah mereka yang berjaya mendidik jiwanya ke arah kebaikan, sentiasa menjaga kehormatan dirinya, memelihara keperibadiannya, dalam masa yang sama dapat mengawal penampilannya berlandaskan ajaran agama Islam.

Kedua: Didikan dan asuhan ibu bapa, pada kebiasaannya, setiap ibu bapa mempunyai nilai yang telah diwarisi dari keluarga mereka dan nilai itulah yang akan diwariskan kepada anak-anak mereka.

Ibu bapa adalah orang yang paling bertanggungjawab dalam kehidupan anak-anak mereka. Didikan dan asuhan dari ibu bapa bukan hanya memberi kesan kepada anak-anak, akan tetapi mencerminkan agama, budaya dan corak kehidupan sesebuah masyarakat.

Maka untuk menyempurnakan pembentukan generasi yang berwawasan perlu ada kasih sayang dari ibu bapa, menerapkan nilai-nilai keimanan dan takwa ke dalam diri anak-anak dan meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak.

Ketiga: Pendidikan. Menuntut ilmu adalah perkara yang dituntut di dalam Islam, kerana dengan ilmulah akan meninggikan martabat seseorang di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Mujadalah ayat 11 tafsirnya:

*“Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”*

Pendidikan awal kanak-kanak adalah tanggungjawab utama ibu bapa. Tanggungjawab mereka bukan hanya untuk menyediakan keperluan harian seperti makan minum dan pakaian, akan tetapi didikan akhlak yang sempurna juga hendaklah dititikberatkan. Ibu bapa yang berwawasan setentunya mempunyai harapan kepada anak-anak mereka untuk menjadikan anak-anak yang bermanfaat dan berguna kepada agama, bangsa dan negara. Apabila anak-anak menerima pendidikan formal di sekolah, inilah tahap terpenting dalam meneruskan pembentukan generasi yang berwawasan.

Alhamdulillah, dengan adanya sistem pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan, anak-anak kita dapat memeprolehi pendidikan yang sempurna dan

seimbang, iaitu pendidikan yang berteraskan kepada akademik dan juga kepada pendidikan agama.

Keempat: Penghayatan nilai-nilai keperibadian, nilai-nilai kekeluargaan dan nilai-nilai kenegaraan. Di antara nilai-nilai keperibadian ialah sifat-sifat yang mulia yang mesti dimiliki oleh setiap individu seperti bersifat baik, adil, jujur, tidak mudah terpengaruh hasutan dengan berita-berita yang tersebar di laman-laman sosial yang belum tentu betulnya, tidak mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang boleh memesongkan akidah dan tatasusila, berfikir secara positif, berprasangka baik, bertimbang rasa dan banyak lagi nilai-nilai yang merupakan akhlak yang baik.

Nilai-nilai kekeluargaan pula, bagi kita di negara ini, Alhamdulillah, masih mengamalkan budaya ikatan kekeluargaan yang kuat. Sama ada yang tinggal berjauhan atau berhampiran, ‘kaitan beindung’, ‘beperadian’ dan ‘bedangsanak’ menguatkan silaturahim dalam keluarga itu.

Manakala nilai-nilai kenegaraan pula, di negara kita ini kita mengamalkan kehidupan yang berpaksikan kepada falsafah negara yang berkonsepkan Melayu Islam BeRaja. Falsafah negara ini akan menghasilkan rasa cinta kepada tanah air dan akan melahirkan semangat patriotik dan rasa kenegaraan. Rasa cintakan negara inilah yang akan mendorong seseorang untuk berjasa kepada tanah air, saling menjaga keamanan negara, tidak berbelah sesama rakyat, tidak mudah terpengaruh dengan gejala-gejala yang boleh menghuru-harakan masyarakat dan boleh mempengaruhi keamanan masyarakat. Inilah nilai-nilai kenegaraan yang patut ada pada setiap individu.

Penghayatan nilai ini sangat penting kerana nilai-nilai ini akan diwarisi oleh generasi yang akan datang dan seterusnya. Maka adalah sangat rugi jika sesuatu nilai itu tidak lagi dihayati mahupun diamalkan oleh generasi seterusnya, selagi tidak bercanggah dengan agama Islam.

Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kita hendaklah peka dan berusaha merealisasikan hasrat negara, iaitu melahirkan Generasi Berwawasan untuk mencapai Wawasan 2035, di samping merealisasikan aspirasi negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Generasi Berwawasan tidak akan hanya menunggu apa yang negara akan berikan kepadanya, akan tetapi generasi yang berwawasan adalah mereka yang bersiap siaga untuk menyumbangkan sesuatu kepada negara sama ada dari sumbangan idea, *material*, fizikal mahupun melalui profesion dan profesional mereka.

Maka bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan negara kita yang Ke-32 tahun ini, marilah kita sama-sama hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat diseluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien pada petang hari Isnin, 22 Februari 2016 bagi menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak berjemaah, sembahyang hajat, membaca Surah Ya Sin dan membaca Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun. Sama-samalah kita berdoa semoga rakyat dan penduduk negara kita ini terus maju, bersatu padu dan dilimpahi dengan rahmat serta berkat dari Allah Subhanahu Wata’ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-A’raf ayat 96 tafsirnya:

*“Dan kalaulah penduduk sesebuah negara itu beriman dan bertakwa, tentulah kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan Rasul-Rasul kami lalu kami timpakan mereka dengan azab disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”*

## Menjaga kebersihan tuntutan Islam

Keluaran Pelita Brunei 27 Februari 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 tafsirnya:

*“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri.”*

Agama Islam sangat mementingkan soal kebersihan dan kesihatan. Kerana itu, agama sangat menitikberatkan tentang penjagaan kebersihan dan mewujudkan suasana yang selesa di dalam semua keadaan sama ada ketika beribadat ataupun tidak. Islam amat menyukai orang yang cintakan kebersihan serta sentiasa menjaganya kerana kebersihan adalah asas kepada kesihatan.

Perlu diketahui bahawa menjaga kebersihan ini termasuk di dalam ciri-ciri orang yang beriman, sebagaimana dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

*“Dari Abu Malik al-As’hari berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Kebersihan itu sebahagian daripada iman.”* Riwayat Imam Muslim.

Para ulama fiqah telah memberikan perhatian tentang kebersihan apabila memulakan perbincangan dalam kitab-kitab fiqah dengan bab taharah, iaitu kebersihan terlebih dahulu. Ini membuktikan bahawa kebersihan itu sangat dititikberatkan dalam semua hal khususnya dalam ibadat.

Apabila seseorang yang hendak mendirikan sembahyang perlulah terlebih dahulu memastikan diri, pakaian dan tempat sembahyang bersih dan terhindar dari segala najis dan kotoran. Sekiranya soal tersebut diabaikan, sudah tentulah akan menjelaskan kesempurnaan sembahyangnya.

Umat Islam juga hendaklah peka dan bertanggungjawab untuk menjadikan tempat-tempat ibadat seperti masjid dan surau agar sentiasa dalam keadaan bersih, tidak dicemari dengan kotoran atau berbau busuk dan begitu juga dengan segala kemudahan yang disediakan seperti tandas perlulah dijaga dengan baik dan memastikan kebersihannya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu Yang bermaksud:

*“Bahawasanya masjid ini tidak boleh dicemari oleh najis dan kotoran kerana ia adalah tempat berzikir kepada Allah Subhanahu Wata’ala dan membaca Al-Quran.”*

Agama Islam juga sangat mementingkan tentang kebersihan diri dan tubuh badan. Ketahuilah bahawa membersihkan badan seperti mandi, mencukur misai, memotong kuku serta mencukur bulu adalah amalan-amalan sunat yang dituntut dalam Islam. Amalan-amalan ini mempunyai hikmah, antaranya, boleh mengekalkan kesihatan, mengelakkan diri daripada mendapat pelbagai penyakit, lambang kecantikan, kekemasan, kebersihan, nilai personaliti orang Islam dan yang paling penting mengamalkan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Menjaga kebersihan ini dapat diperolehi dengan melakukan ibadat-ibadat khususnya seperti berwuduk, sembahyang, berpuasa dan sebagainya.

Ibadat wuduk memiliki kedudukan yang tersendiri di sisi Allah Subhanahu Wata’ala. Ia merupakan kunci permulaan bagi satu ibadat yang paling mulia dalam Islam, iaitu sembahyang. Sewajarnya sebelum kita mendirikan sembahyang, hendaklah badan kita dibersihkan dan jiwa dikosongkan dari memikirkan apa jua perkara berkaitan dengan kehidupan seharian. Dengan mengambil wuduk

secara sempurna dapat menenangkan jiwa seseorang dan dapat membantu untuk menumpukan sepenuh perhatian terhadap ibadah sembahyang.

Air yang digunakan untuk berwuduk bukan sekadar akan menyegarkan tubuh badan tetapi ia juga dapat mengembalikan tenaga sehingga membolehkan melakukan ibadat sembahyang dengan sempurna. Dengan berwuduk dapat membersihkan anggota-anggota badan dan juga boleh menghilangkan jangkitan kuman dan habuk-habuk daripada terus melekat di badan.

Bagi mereka yang sentiasa berwuduk dan mengambil wuduk dengan sempurna akan mendapat banyak kelebihan dari Allah Subhanahu Wata'ala, antaranya dapat meningkatkan darjat seseorang di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan akan diberi ganjaran syurga di akhirat. Mereka yang berwuduk dengan sempurna akan dihapuskan segala dosa-dosa yang lalu selagi tidak termasuk di dalam kategori dosa-dosa besar. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, bermaksud:

*“Bila seorang berwuduk lalu berkumurKumur maka keluarlah dosa-dosa dari mulutnya, juga dia membersihkan hidung, dosa-dosa akan keluar pula dari hidungnya, begitu juga tatkala dia membasuh muka, dosa-dosa akan keluar dari muka sampai dari bawah kelopak matanya. Jika dia membasuh kedua tangan, dosa-dosanya akan turut keluar sampai dari bawah kukunya, demikian pula halnya dia menyapu kepala, dosa-dosanya akan keluar dari kepala bahkan dari kedua telinganya. Begitu juga tatkala dia membasuh kedua kakinya keluarlah pula dosa-dosa tersebut dari dalamnya, sampai bawah kukuKuku jari kakinya. Kemudaian tinggallah perjalanannya ke masjid dan solatnya menjadi pahala yang bersih baginya.”*

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi dalam sebuah hadisnya, Riwayat Al-Imam Muslim, maksudnya:



*“Dari Othman bin Affan katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barang siapa yang berwuduk, kemudian dia menyempurnakan wuduknya, maka keluarlah dosa-dosa dari jasadnya hingga dari kukuKukunya.”*

Begitu juga dalam menunaikan sembahyang lebih-lebih lagi sembahyang berjemaah, kita disarankan supaya membersihkan badan dan memakai pakaian yang bersih serta memakai harum-haruman. Ini bertujuan agar jemaah yang berada di sebelah kita akan sama-sama khushyuk dalam menunaikan sembahyang.

Berhias ialah perkara yang sunat dilakukan ketika sembahyang berjemaah lebih-lebih lagi pada hari Jumaat bagi orang lelaki yang akan hadir ke masjid untuk berjemaah Sembahyang Fardu Jumaat. Berhias itu ialah dengan memakai pakaian yang elok dan terbaik. Inilah yang dianjurkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang maksudnya:

*“Dari Abu Sa’id al-Khudri dan Abu Hurairah Radhiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: sesiapa yang mandi pada hari Jumaat, lalu dia memakai yang terbaik daripada pakaian-pakaiannya dan memakai wangian (haruman), sekiranya dia ada, setelah itu dia pergi ke tempat menunaikan Fardu Jumaat tanpa melangkahi kepala orang lain, lalu mengerjakan mana-mana sembahyang sunat yang dikehendakinya, kemudian dia berdiam diri sebaik sahaja imam muncul untuk menyempurnakan khutbah sehinggalah dia selesai daripada sembahyangnya, maka kesemua yang dilakukannya ini menjadi penghapus dosanya yang berlaku antara Jumaat tersebut dan Jumaat yang sebelumnya.”*  
(Riwayat Al-Imam Abu Daud).

Adapun berpakaian yang elok dan sempurna itu bukan sahaja dituntut pada hari Jumaat, bahkan pada setiap kali kita menghadap Allah Subhanahu Wata’ala sebagaimana yang disebutkan dalam firman-Nya dalam Surah Al-A’raf, ayat 31 tafsirnya:

*“Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mengerjakan sembahyang dan tawaf.”*

Jika ada kemampuan untuk menyediakan pakaian yang khusus untuk digunakan pada hari Jumaat, maka adalah lebih elok. Perkara ini pernah disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang bermaksud:

*“Dari Muammah bin Yahya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tidak ada salahnya jika salah seorang daripada kamu, atau kamu sekaliannya, jika ada kemampuan untuk menyediakan dua pakaian khusus untuk dipakai pada hari Jumaat, iaitu sebagai tambahan selain daripada dua pakaian kerjanya yang sehari-hari.”* (Riwayat Al-Imam Abu Daud)

Sama-samalah kita menjaga diri, pakaian dan juga persekitaran kediaman kita. Sebuah kediaman yang bahagia ialah yang sentiasa menjaga keindahan dan kebersihan di dalam dan di luar rumah agar ia kelihatan cantik dan menarik serta dapat memberi ketenteraman dan kenikmatan kepada penghuninya. Sesungguhnya amalan menjaga keindahan dan kebersihan adalah satu amalan yang baik dan mulia yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Surah Al-Maidah ayat 6, tafsirnya:

*“Allah tidak menghendaki untuk menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan tetapi Allah berkehendak untuk membersihkan kamu dan mencukupkan nikmat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan Mac 2016**

## Sentiasa bersangka baik

Keluaran Pelita Brunei 5 Mac 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Dalam menempuh kehidupan seharian yang penuh dengan cabaran, dugaan dan rintangan, kita sebagai umat Islam dituntut untuk sentiasa berfikiran positif dengan semangat waja dan tidak mudah berputus asa serta sentiasa menjauhi dari berprasangka buruk dan negatif serta bersabar. Ini kerana segala dugaan yang kita hadapi merupakan fitrah atau lumrah di dalam kehidupan manusia. Ia juga merupakan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengenal pasti siapakah di kalangan hamba-Nya yang terbaik dari segi amal ibadat mereka di dunia. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjelaskan kepada hamba-Nya kenapa manusia itu dituntut agar berfikiran positif dan menjauhi dari bersangka buruk sesama manusia sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Pengasih.”*

Berfikiran positif lebih dikenali sebagai husnuzon yang membawa maksud bersangka baik. Bersangka baik atau berfikiran positif boleh mencipta kejayaan dalam kehidupan. Oleh itu, agama Islam amat menganjurkan umatnya bersangka

baik dalam kehidupan sepertimana ulama' pernah berpesan kepada kita dengan katanya : jika engkau bertemu dengan seseorang, maka yakinlah bahawa dia lebih baik darimu. Ucapkanlah dalam hatimu :

“Mungkin kedudukannya di sisi Allah Subhanahu Wata’ala jauh lebih baik dan lebih tinggi dariku.” Jika bertemu anak kecil, maka ucapkanlah dalam hatimu: “Anak ini belum bermaksiat kepada Allah, sedangkan diriku telah banyak bermaksiat kepada-Nya. Tentu anak ini jauh lebih baik dariku.” Jika bertemu orang tua, maka ucapkanlah dalam hatimu: “Dia beribadat kepada Allah jauh lebih lama dariku, tentu dia lebih baik dariku.” Jika bertemu dengan seseorang yang berilmu, maka ucapkanlah dalam hatimu: “Orang ini memperolehi, mencapai kedudukan yang tidak akan pernah ku capai, mengetahui apa yang tidak aku ketahui dan dia mengamalkan ilmunya, tentu dia lebih baik dariku.”

Jika bertemu dengan seorang yang bodoh, maka katakanlah dalam hatimu:

“Orang ini bermaksiat kepada Allah kerana dia bodoh (tidak tahu), sedangkan aku bermaksiat kepadanya padahal aku mengetahui akibatnya. Aku tidak tahu bagaimana akhir umurku dan umurnya kelak. Dia tentu lebih baik dariku.” Jika bertemu dengan orang kafir, maka katakanlah dalam hatimu: “Aku tidak tahu bagaimana keadaannya kelak, mungkin di akhir usianya dia memeluk Islam dan beramal soleh. Dan mungkin boleh jadi di akhir usia diriku kufur dan berbuat buruk.”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menyanjung seorang mukmin yang berfikiran positif dalam segala aspek kehidupannya. Bahkan itu sikap dan ciri-ciri mukmin sejati yang dituntut oleh agama kita sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Riwayat Al-Imam Muslim, maksudnya:

*“Dari Syuib katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Amat menakjubkan sikap seorang Mukmin yang sentiasa memandang baik terhadap segala sesuatu di sekelilingnya. Sikap ini sebenarnya tidak pernah wujud pada umat lain kecuali kepada golongan Mukmin. Jika dia mendapat kebaikan, ia*

*bersyukur, jika dia ditimpa keburukan, maka dia pun bersabar menghadapinya dan ini pun baik baginya.”*

Berdasarkan hadis ini jelas menunjukkan antara ciri-ciri seorang Mukmin yang sebenar itu ialah bersyukur dan bersabar dalam menghadapi segala ancaman dan dugaan dalam kehidupan demi mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, kerana sesungguhnya hanya keredaan Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang diimpikan dan hajati dalam kehidupan kita di dunia ini.

Sesungguhnya bersangka buruk adalah menjadi penghalang kepada hubungan sesama manusia, kerana bersangka buruk itu boleh mencetuskan pelbagai masalah, seperti hasad dengki, cemburu dan sebagainya, contohnya dengan ada perasaan hasad dengki dalam diri seseorang itu menyebabkan dia tidak merasa selesa dengan kejayaan orang lain, walaupun mereka itu jiran tetangga ataupun rakan sekerja sehingga menyebabkan timbulnya perselisihan dan fitnah yang akhirnya memecahbelahkan silaturahim sesama manusia dengan bersangka buruk juga boleh mengakibatkan seseorang itu bertindak di luar batas kemanusiaan, sehingga kadang-kadang sanggup melakukan penganiayaan dan lebih dahsyat lagi sanggup melakukan jenayah.

Oleh yang demikian, buanglah sifat bersangka buruk tersebut dari diri kita dengan kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar. Salah satu caranya ialah dengan memperbanyakkan istighfar dan memohon taubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana manusia tidak pernah terlepas dari melakukan kesilapan dan dosa, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Riwayat Al-Imam At-Termizi, maksudnya:

*“Dari Anas katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Setiap anak adam itu ada kesilapan (dosa) dan orang yang berdosa yang terbaik adalah mereka yang bertaubat.”*

Seandainya setiap daripada diri kita menghayati dan mengamalkan hidup secara berfikiran positif dan terbuka serta menerima sesuatu itu dengan berlapang dada,

insyaaAllah segala permasalahan di dalam kehidupan kita seharian akan dapat kita lalui dan hadapi dengan tenang dan mudah. Dengan cara ini umat Islam akan terus menuju kepada matlamat untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Justeru, marilah kita bersama-sama menanamkan azam yang tinggi untuk mengukuhkan jati diri yang positif yang sememangnya wujud di dalam diri kita sebagai umat Islam. Marilah kita sama-sama berdoa semoga kita dijauhkan dari bersifat dengan sifat-sifat yang buruk dan sentiasa bersifat dengan sifat-sifat yang baik dan terpuji, Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Ali-'Imran, ayat 110, tafsirnya:

*“Kamu wahai umat Nabi Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia kerana kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah. Dan kalau ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. Tetapi sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka ialah orang fasik.”*

## Berhemah urus rezeki

Keluaran Pelita Brunei 12 Mac 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kehidupan kita di dunia ini merupakan satu amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, kita hendaklah memanfaatkan kehidupan ini dengan baik mengikut panduan yang telah diajarkan oleh Islam antaranya ialah bekerja sebagai usaha untuk mencari rezeki. Setiap manusia berkewajipan mencari rezeki bagi memenuhi keperluan kehidupan seharian seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain, sama ada untuk diri sendiri mahupun orang yang berada di bawah tanggungannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jumu'ah, ayat 10 tafsirnya:

*“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah serta ingatlah akan Allah banyak-banyak dalam segala keadaan supaya kamu berjaya di dunia dan di akhirat.”*

Sesungguhnya bekerja mencari rezeki itu juga merupakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Kerana pengertian ibadah itu sebenarnya amat luas, bukan hanya khusus terhadap ibadat sembahyang, puasa, zakat dan haji sahaja, akan tetapi ibadat itu merangkumi segala bidang dalam aspek kehidupan dengan syarat semuanya itu didasarkan atas landasan iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebenarnya terdapat banyak cara atau jalan yang boleh dilakukan dalam mencari rezeki, tidak semestinya hanya bergantung untuk bekerja dengan pihak



keRajaan atau swasta, tetapi seseorang itu boleh berusaha untuk bekerja sendiri kerana sumber rezeki itu sangat luas.

Alhamdulillah pada masa ini kita dapati ramai orang yang terus berusaha dengan gigih untuk berdikari sehingga sanggup bekerja keras walaupun dengan pendapatan yang rendah atau pekerjaan itu tidak bersesuaian dengan kelulusan yang ada. Apa yang penting ialah gaji yang diperolehi itu halal hasil dari usaha mereka sendiri dan tidak bergantung kepada orang lain. Inilah sikap positif yang perlu dipuji dan menjadi contoh kepada semua orang.

Ketahuiilah bahawa orang yang bekerja mencari rezeki itu bukan hanya akan mendapat hasil dari usahanya, malah mereka akan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala berupa kasih sayang serta pengampunan dari-Nya jua. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

*“Dari Anas Radhiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: barang siapa yang merasa penat kerana bekerja untuk mencari rezeki yang halal, nescaya terampun segala dosanya.”* (Riwayat Al-Imam as-Suyuti)

Setelah kita berusaha dan memperolehi rezeki dan kekayaan, adakah kita telah mensyukuri nikmat kekayaan dan rezeki tersebut? Adakah kita telah membelanjakannya pada tempat yang betul? Ataupun kita terlupa untuk bersyukur di atas limpahan nikmat tersebut.

Sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala, Kita hendaklah bersyukur dan memanfaatkan rezeki yang dikurniakan kepada kita dengan cara yang betul dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Kita pasti ramai di antara kita yang tahu melafazkan dan mengucapkan syukur di atas limpahan rezeki yang diperolehi, seperti para peniaga merasa bersyukur apabila barang jualannya habis terjual dan membawa keuntungan, para petani dan pekebun mengucapkan syukur apabila tanam-tanaman tumbuh dengan subur begitu juga kepada para pekerja yang mengucapkan syukur apabila menerima gaji dari majikannya.

Ketahuiilah bahawa menzahirkan rasa terima kasih dengan ucapan syukur atau Alhamdulillah melalui lisan belumlah cukup dan memadai, tetapi ia hendaklah juga disertai dengan perbuatan dan tindakan, antaranya ialah dengan memanfaatkan rezeki yang diperolehi itu dengan cara yang betul dan sewajarnya.

Agama Islam telah mengajarkan kepada kita cara mengurus harta dengan betul, iaitu membelanjakannya untuk keperluan hidup seperti nafkah kepada orang yang berada di bawah tanggungannya. Selain itu, adalah juga digalakkan untuk membelanjakannya pada perkara-perkara yang berkebakikan seperti bersedekah, berwakaf, membantu fakir miskin dan orang yang ditimpa bencana dan sebagainya. Manakala jika rezeki atau harta yang kita perolehi itu telah memenuhi syarat-syarat untuk mengeluarkan zakat harta, seperti hasil dagangan, tanaman, ternakan dan sebagainya maka bersegeralah kita untuk mengeluarkan zakat, kerana di dalam harta yang kita miliki itu terdapat hak-hak orang lain yang mesti kita segera tunaikan.

Selain itu, dalam kita berbelanja mestilah seimbang di antara kadar pendapatan dan perbelanjaan. Sebagai contoh tidak wajar jika seseorang yang mempunyai pendapatan sebanyak \$50 sehari tetapi berbelanja lebih daripada pendapatan yang diterima. Amalan tersebut boleh menyebabkan krisis kedudukan ekonomi keluarga yang tidak terkawal, di mana kadang-kadang boleh menyebabkannya sampai berhutang. Memang tidak salah berhutang, tetapi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri tidak menggalakkan umatnya berhutang, dan selalu meminta perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala agar dijauhkan diri dari beban hutang. Sebenarnya, berhutang itu adalah perkara yang senang dan mudah, akan tetapi adalah perkara yang sukar ketika hendak membayar balik hutang tersebut.

Sesungguhnya agama Islam telah mengajar kita cara berbelanja sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu hendaklah dengan cara yang sederhana, tidak berlebih-lebihan atau membazir, apatah lagi sampai berhutang melebihi had kemampuan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqan, ayat 67, tafsirnya:

*“Dan juga mereka yang diredai Allah itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”*

Mengamalkan sikap bersederhana dalam kehidupan dapat mengelakkan diri dari bersikap boros dan membazir dan kita juga akan dapat menyimpan atau menabung pendapatan yang diperolehi. Amalan menabung adalah tindakan orang yang bijak merancang perbelanjaan mereka.

Sebenarnya banyak faedah yang dapat diperolehi dari tabiat menyimpan atau menabung, antaranya ialah untuk meningkatkan ekonomi dan sebagai persediaan menghadapi keadaan-keadaan yang tertentu terutama ketika menghadapi sebarang kesusahan, kecemasan dan juga sebagai persediaan di masa hadapan.

Sama-samalah kita mengurus harta-harta kita mengikut lunas-lunas Islam demi mencapai kebahagiaan, kesenangan dan kesejahteraan hidup. Amalkanlah sikap sederhana dalam berbelanja dan mensyukuri nikmat-nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata’ala. Mudah-mudahan dengan cara demikian kita akan dapat mengukuhkan ekonomi keluarga, menjamin masa hadapan yang lebih baik dan sekali gus dapat memantapkan ekonomi negara. Dan sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata’ala akan sentiasa melimpahkan rahmat dan nikmat yang berkekalan dan memberikan petunjuk serta hidayah-Nya supaya kita dapat hidup dengan bahagia dan selamat, di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

Surah Al-Hadid, ayat 7, tafsirnya:

*“Berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah pada jalan Allah sebahagian daripada harta kurniaan-Nya yang dijadikan-Nya kamu sebagai penguasanya. Maka orang-orang yang beriman antara kamu dan membelanjakan sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah, mereka beroleh pahala yang besar.”*

## **Bidang perniagaan mampu menjana ekonomi**

Keluaran Pelita Brunei 19 Mac 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sebagaimana dimaklumi bahawa di negara kita pada masa ini masih berlangsung Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12, Majlis Mesyuarat Negara 2016. Ini bererti sudah 12 tahun persidangan ini berlangsung yang merupakan satu platform membincangkan pelbagai perkara yang banyak memfokuskan ke arah kemajuan negara, termasuklah sesi membincangkan peruntukan belanjawan negara bagi tahun kewangan 2016/2017.

Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pemurah, kerana KeRajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih dapat menyediakan peruntukan belanjawan untuk kemaslahatan, pembangunan dan kemajuan rakyat dan penduduk negara ini. Walaupun keadaan ekonomi pada masa ini sedikit sebanyak menjejaskan hasil pendapatan keRajaan dan negara, namun kita masih dapat menikmati keamanan, kemakmuran, ketenteraman dan kesejahteraan hidup. Kita berdoa semoga nikmat tersebut akan dapat berterusan dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang.

Bersyukur adalah sifat orang yang beriman, dan menzahirkan kesyukuran itu hendaklah turut disertakan dengan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan amalan bersyukur kita akan dapat terus menikmati limpahan kurnia dari Allah Subhanahu Wata'ala. Itulah janji Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ibrahim, ayat 7, yang tafsirnya :

*“Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmatKu tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azabKu sangat keras.”*

Kita sedia maklum kejatuhan harga minyak global yang merundum sehingga lebih 70 peratus benar-benar telah menjejaskan hasil pendapatan ke semua negara pengeluar minyak termasuklah negara kita. Inilah ujian dari Allah Subhanahu Wata’ala. Ketahuilah bahawa ujian yang berupa kesukaran dan kesusahan adalah kerana Allah Subhanahu Wata’ala kasih kepada hamba-hamba-Nya agar mereka tidak lalai dan leka, dan seterusnya akan dapat mendorong mereka untuk terus ingat kepada Allah Subhanahu Wata’ala, redha dengan ketentuan-Nya, berserah dan memohon hanya kepada-Nya. Yakinlah bahawa setiap kesusahan itu akan berakhir dengan kesenangan sepertimana firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Asy-Syarah/Al-Insyirah, ayat 5 - 6, yang tafsirnya :

*“Maka sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan. Sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan.”*

Jelaslah ayat tersebut memberikan gambaran kepada umat Islam bahawa tidak selamanya kesusahan itu akan menjadi kesusahan, pasti akan diakhiri dengan kesenangan. Ketahuilah bahawa Allah Subhanahu Wata’ala tetap memberikan umat Islam jalan keluar daripada kesusahan dengan syarat kembali kepada cara hidup yang sebenar, iaitu dengan meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Ath-Thalaq, ayat 2 - 3, yang tafsirnya:

*“...dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar dalam urusannya. Dan Dia mengurniakannya rezeki dari arah yang tidak terlintas di fikirannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada*

*Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan-Nya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.”*

Perlu disadari bahawa ujian kesukaran dan kepayahan tersebut mengandungi pelbagai hikmah. Apa yang penting ujian itu dihadapi dengan sabar. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata’ala telah menjanjikan kepada mereka ganjaran pahala yang berlipat ganda, akan dikasihi oleh-Nya, mendapat pengampunan, rahmat dan petunjuk dari Allah Subhanahu Wata’ala. Bukankah ganjaran tersebut merupakan nikmat dan rahmat dari Allah kepada hamba-hamba-Nya yang dikasihi?

Allah Subhanahu Wata’ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155 - 157, yang tafsirnya:

*“Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah mereka berkata Inna lillahi wa inna ilaihi raji’un (Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali). Mereka itulah orang yang mendapat keampunan daripada Tuhan mereka dan mendapat rahmat-Nya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat hidayat.”*

Sebenarnya jika dilihat dari sudut positif, ujian yang dihadapi masa kini juga telah mendorong kita untuk menjadi orang yang lebih gigih berusaha dan berdikari, mendidik kita menjadi orang yang lebih berwaspada, kreatif, siap siaga dan berhemah.

Cuba kita imbas kembali kisah yang pernah berlaku pada zaman Nabi Yusof, di mana negara tersebut telah menghadapi krisis ekonomi yang amat mencabar berpunca dari kemarau yang berpanjangan sehingga menjejaskan tanaman mereka selama bertahun-tahun lamanya. Namun atas nasihat dan kebijaksanaan Nabi Yusof Alaihissalam, akhirnya penduduk negara itu berjaya mengharungi kesukaran

tersebut. Kisah tersebut ada disebutkan dalam Surah Yusuf, ayat 47 - 48, yang tafsirnya:

*“Nabi Yusuf berkata: hendaklah kamu bercucuk tanam seperti biasa selama tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya (supaya ia tidak cepat rosak) kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian akan datang sesudah itu tujuh tahun musim kemarau yang dahsyat yang akan menghabiskan bekalan makanan yang kamu sediakan untuk menghadapinya kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).”*

Dari kisah tersebut kita dapat lihat langkah-langkah persediaan yang dilakukan dalam menghadapi masa-masa susah, iaitu dengan membuat perancangan yang teratur, berjimat cermat dan terus berusaha. Inilah pengajaran dari Al-Quran yang wajar kita teladani dan ambil iktibar khususnya dalam kita menghadapi situasi masa kini.

Dalam persidangan majlis mesyuarat negara baru-baru ini, di antara perkara yang turut ditekankan ialah agar rakyat dan penduduk di negara ini tidak melihat pihak keRajaan sebagai satu-satunya tempat bergantung dalam pembangunan ekonomi serta dalam pemberian pekerjaan. Oleh itu, masyarakat hendaklah menyahut seruan tersebut dengan lebih berdikari dan lebih gigih berusaha dalam mencari sumber pendapatan, antaranya melalui bidang perniagaan.

Bidang tersebut dilihat berpotensi dan mampu untuk menjana perkembangan ekonomi rakyat di negara ini. Ini juga yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 pada tahun ini yang menjelaskan betapa keRajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur perundangan yang pro-bisnes. Selain itu, baginda juga berharap dengan adanya pusat perusahaan kecil

dan sederhana, maka dapatlah perusahaan-perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana untuk berkembang maju sehingga ke peringkat antarabangsa.

Melihat kepada banyaknya peluang dan kemudahan yang telah disediakan, maka sudah sewajarnya kita merebut dan memanfaatkannya dengan sebaik mungkin. Berniaga adalah pekerjaan yang mulia untuk mendapatkan sumber rezeki yang baik dan halal. Selain itu, berniaga juga merupakan sunnah Nabi. Oleh itu, masyarakat hendaklah mengubah minda supaya tidak hanya bergantung kepada sektor awam khususnya dalam mata pencarian.

Inilah peluang untuk kita meningkatkan potensi diri dengan menyahut seruan keRajaan dalam mengembangkan ekonomi. Bahkan dengan berkembang kepelbagaian aktiviti perekonomian di negara ini akan dapat menjana sumber pendapatan negara dari terus bergantung kepada sumber asli semata-mata.

Akhirnya marilah kita sama-sama terus menyokong, mendukung dan melaksanakan hasrat dan aspirasi negara dengan penuh iltizam dan keazaman dalam meningkatkan kestabilan dan keamanan negara. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus mengurniakan nikmat dan rahmat-Nya kepada kita semua. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-A'raf, ayat 96, tafsirnya:

*“Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (Rasul-Rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”*



## Syukuri nikmat, elakkan pembaziran

Keluaran Pelita Brunei 26 Mac 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia-Nya kita dapat merasai segala nikmat yang telah dianugerahkan-Nya kepada kita. Segala kenikmatan itu sama ada kita sedari atau tidak, telah mendatangkan kemanfaatan atau faedah untuk kehidupan kita di dunia ini.

Sememangnya jika hendak dikira satu persatu nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kita sudah tentu tidak akan terhitung banyaknya. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 34 yang tafsirnya:

*“Dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya.”*

Adapun salah satu nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita ialah air. Air bukan sahaja menjadi sumber asasi kepada manusia, bahkan ia juga adalah sumber kehidupan kepada makhluk lain ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Tanpa air, bumi akan menjadi gersang dan tandus dan semua yang hidup akan menderita dan binasa.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl ayat 10 - 11 yang tafsirnya:

*“Dialah yang menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman kamu dan sebahagiannya menyuburkan tumbuh-tumbuhan yang padanya kamu mengembalakan ternakan kamu. Dialah juga yang menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang mahu berfikir.”*

Pentingnya air untuk kehidupan manusia bukan setakat untuk keperluan harian sahaja, bahkan air juga diperlukan untuk beribadat, untuk pertanian, pengangkutan dan mampu membawa pembangunan di sesebuah tempat. Kita imbas kembali kepada kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam meninggalkan isterinya Siti Hajar dan puteranya Ismail di sebuah tempat yang kering dan tandus, tiada air dan kehidupan dan tidak berpenghuni. Baginda meninggalkan mereka berdua kerana melaksanakan perintah Allah Suubhanahu Wata'ala yang sudah setentunya mempunyai rahsia yang tersirat.

Ketika bekalan makanan dan air habis, Siti Hajar berusaha mencari air dengan berlari-lari anak dari Bukit Safa ke Bukit Marwah sambil memohon pertolongan kepada Allah. Dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala, air memancar di antara kedua kaki Ismail. Apabila diketahui bahawa tempat gersang itu telah mempunyai sumber air, secara perlahan-lahan manusia mula datang ke tempat tersebut dan tinggal di situ. Sejarah ini jelas membuktikan betapa sumber air itu sangat penting sehingga mampu menjana pembangunan di sesebuah tempat.

Perlu diketahui bahawa masih terdapat lebih dari satu bilion orang yang belum dapat menikmati kemudahan air yang bersih, bahkan terdapat juga orang yang terpaksa bersusah payah mengangkat sendiri air dari telaga atau sungai ke rumah masing-masing. Oleh itu, kita amat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak keRajaan yang telah membekalkan air yang bersih untuk keperluan kita semua.

Air yang bersih adalah nikmat yang besar kepada kehidupan kita. Cuba kita bayangkan, apa akan terjadi jika tidak ada air bersih untuk kegunaan kita sehari-hari. Sememangnya jika kita meminum dan menggunakan air yang tidak bersih, kesannya boleh menyebabkan masalah kepada kesihatan dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita wajib bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpah kurnia tersebut, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Waqi'ah ayat 68 - 70 yang tafsirnya:

*“Tidakkah kamu perhatikan air yang kamu minum? Adakah kamu yang menurunkan dari awan sebagai hujan atau Kami yang menurunkannya? Kalau Kami kehendaki Kami jadikan ia masin maka mengapakah kamu tidak bersyukur?”*

Sebagai pengguna juga kita perlu bijak dalam menggunakan air, iaitu dengan berjimat cermat dan tidak membazir, lebih-lebih lagi sebagaimana yang kita maklumi pada masa ini bahawa negara kita sedang mengalami cuaca kering dan panas berikutan adanya fenomena El-Nino. Keadaan ini sedikit sebanyak boleh mengakibatkan penurunan hujan yang sedikit dan boleh mengurangkan kapasiti simpanan ampungan air di negara ini. Oleh itu, kita hendaklah menggunakan air dengan kadar yang berpatutan dan yang diperlukan sahaja.

Selain itu, kita hendaklah juga mengambil langkah positif dengan menanamkan sikap untuk lebih menghargai nikmat air. Ini kerana menurut kajian daripada Jabatan Perkhidmatan Air bahawa kadar penggunaan air di negara ini adalah yang tertinggi di rantau ini. Kita sangatlah beruntung kerana kadar tarif air di negara ini adalah rendah, namun itu bukanlah alasan untuk kita menggunakan air secara berlebihan, kerana agama Islam juga melarang kita dari melakukan pembaziran.

Ingatlah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala berkuasa menurunkan hujan dan berkuasa pula untuk melenyapkannya. Bayangkanlah jika Allah Subhanahu Wata'ala melenyapkan nikmat yang telah dianugerahkan kepada kita, maka apakah yang akan terjadi kepada kita semua? Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'minin ayat 18 yang tafsirnya:

*“Dan Kami menurunkan air hujan dari langit dengan kadar yang tertentu serta Kami menyimpannya (tersimpan) di bumi, dan sesungguhnya Kami tentu berkuasa menghilangkannya.”*

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata’ala akan terus melimpahkan nikmat kurnia-Nya ke atas kita dan negara kita dengan rezeki yang luas lagi diberkati secara berpanjangan. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Mulk ayat 30 yang tafsirnya:

*“Katakanlah: Terangkanlah kepadaKu jika sumber air kamu menjadi kering meresap ke dalam bumi maka siapakah pula selain Allah yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa mengalir?”*

## **Khutbah Jumaat Bulan April 2016**

## **Amar ma'ruf nahi munkar**

Keluaran Pelita Brunei 2 April 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam adalah agama yang sempurna. Islam bukan sahaja menyuruh umatnya untuk beribadat seperti sembahyang, puasa dan naik haji. Malahan Islam juga menyuruh umatnya untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan hidup sesama umat manusia agar dapat membangun ukhuwah yang teguh dan bersatu, bekerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain. Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut, Islam mengajar umatnya untuk saling nasihat-menasihati dan tegur-menegur yang antaranya boleh dicapai melalui amalan “amar ma'ruf nahi munkar”, iaitu menyuruh membuat perkara kebaikan dan menegah dari perbuatan munkar.

Ini bermakna didikan, bimbingan, nasihat dan teguran hendaklah dijadikan sebagai budaya yang diamalkan oleh setiap Muslim. Sesungguhnya melaksanakan “amar ma'ruf nahi munkar” adalah ciri-ciri orang yang beriman dan perkara tersebut juga adalah sangat penting untuk diamalkan kerana ia menyebabkan umat Islam dikenali sebagai umat terbaik sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 110 yang tafsirnya:

*“Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia kerana kamu menyuruh berbuat yang ma'ruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah.”*

Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan kita untuk melaksanakan “amar ma'ruf nahi munkar” namun sejauh manakah perintah tersebut kita laksanakan

dalam kehidupan kita? Ketahuilah melaksanakan “amar ma’ruf nahi munkar” ini mempunyai banyak manfaat, antaranya agar umat Islam sentiasa berada di landasan yang benar dan mengikut ajaran yang telah ditetapkan oleh agama Islam dan dapat menjamin keselamatan kehidupan manusia dari bahaya perbuatan mungkar dan maksiat. Selain itu juga dapat menghindarkan diri dari mendapat azab Allah Subhanahu Wata’ala.

Perlulah diketahui bahawa apabila kemungkaran telah dilakukan secara terang-terangan dalam sesebuah masyarakat dan tidak ada orang yang berusaha untuk mencegahnya, maka kemungkaran akan semakin menjadi-jadi dan bermahaRajalela. Kemungkaran itu pula apabila sudah biasa dilihat dan didengar, maka perkara tersebut akan mula dianggap remeh dan ringan atau biasa-biasa sahaja. Masyarakat tidak akan melihat kemungkaran itu sebagai dosa. Dan inilah yang perlu kita sedari dan ubah kerana setiap kemungkaran akan mengundang kepada dosa, dan setiap dosa itu akan mengundang kepada kemurkaan Allah. Dalam keadaan tersebut adalah tidak mustahil Allah Subhanahu Wata’ala akan menurunkan azab berbentuk bala bencana, di mana bencana itu bukan hanya menimpa orang yang berbuat maksiat, tetapi juga kepada seluruh masyarakat yang tinggal di tempat itu walaupun mereka tidak melakukan perbuatan maksiat tersebut.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 25 tafsirnya:

*“Dan peliharalah diri kamu daripada berlakunya fitnah yang membawa bala bencana yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim antara kamu secara khusus, tetapi akan menimpa kamu kesemuanya. Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksa-Nya.”*

Adapun maksud fitnah dalam ayat tersebut ialah ujian yang berupa bala bencana seperti kemarau, bencana alam, penyakit dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita hendaklah mencegah kemungkaran, dan semoga dengan demikian kita akan diselamatkan dari mendapat azab Allah Subhanahu Wata’ala.

Sesungguhnya Allah melaknat kepada orang yang mengabaikan daripada melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mencegah kemungkaran sedangkan mereka berkuasa atau mampu untuk melakukannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 78 hingga ayat 79 yang tafsirnya:

*“Orang-orang kafir daripada Bani Israel telah dilaknat melalui lisan Nabi Daud dan Nabi Isa ibnu Mariam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu melampaui batas. Mereka itu tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang mereka lakukan. Sesungguhnya sangat buruk apa yang mereka lakukan.”*

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Bani Israel telah melakukan banyak kemungkaran, dan tidak ada pula golongan yang mahu menegakkan amar ma'ruf dan nahi munkar di dalam masyarakatnya sehingga menjadikan mereka kaum yang dimurkai dan dilaknat Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam sebuah hadis dari Abu Said Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

*“Barang siapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, dan jika tidak mampu maka ubahlah dengan hatinya, dan yang demikian adalah selemah-lemah iman.”* (Riwayat Imam Muslim).

Mencegah kemungkaran dengan hati hukumnya fardu ain bagi setiap kamu Muslimin dalam seluruh keadaan kerana tidak ada seseorang pun yang mampu menghalang hati orang lain untuk membenci kemungkaran. Andainya seseorang yang melihat kemungkaran kemudian hatinya tidak juga terdetik untuk membenci kemungkaran tersebut, dan lebih buruk lagi jika dia selesai dengan kemungkaran yang terjadi itu, maka tidaklah sempurna imannya.

Bagi mencapai keberkesanan dalam usaha untuk mencegah kemungkaran ini, perlu diambil kira juga tatacara untuk melaksanakannya, antaranya ialah dengan berhikmah dan sabar ketika menegur dan tidak putus asa. Kerana tidak mustahil



orang yang berusaha mencegah kemungkaran itu akan berhadapan dengan pelbagai kerenah manusia seperti degil, marah, cacian dan sebagainya.

Akhirnya marilah kita berdoa agar kita diberi kekuatan untuk melaksanakan perintah Allah tersebut dengan menyeru keluarga dan masyarakat untuk berbuat kebaikan dan melarang dari perbuatan mungkar. Semoga dengan demikian, kita dapat menikmati kehidupan yang aman dan sentosa di bawah rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Luqman, ayat 17 tafsirnya:

*“Wahai anakku! Dirikanlah sembahyang dan suruhlah manusia berbuat yang ma'ruf serta laranglah daripada melakukan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala-bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang mesti diambil berat untuk dilaksanakan.”*

## Bersegeralah dalam beramal soleh

Keluaran Pelita Brunei 9 April 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya kehidupan manusia di dunia ini tidak kekal, kehidupan ini akan berakhir, iaitu sama ada dengan kesudahan yang baik atau sebaliknya. Bagi mendapatkan kehidupan yang baik di akhirat kelak, setiap manusia hendaklah beriman dan beramal soleh. Kerana jika tidak, maka kesudahan kehidupannya di akhirat akan berakhir dengan kesudahan yang buruk, penuh dengan seksaan dan penderitaan. Oleh itu, kita sering diingatkan untuk menghargai nikmat umur dan mememanfaatkannya dengan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperbanyakkan amal soleh.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya: *“Dari Abdurrahman bin Abi Bakrah dari ayahnya, seorang lelaki telah berkata: Wahai Rasulullah siapakah sebaik-baik manusia? Rasulullah bersabda: Sebaik-baik manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya dan umurnya itu dipergunakan untuk berbuat kebajikan. Berkata lelaki itu lagi: Siapakah sejahat-jahat manusia? Rasulullah bersabda: Sejahat-jahat manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahatan.”*

Di dalam Al-Quran terdapat banyak firman Allah Subhanahu Wata'ala yang menggandingkan sebutan yakni orang-orang yang beriman dan beramal soleh di mana mereka itu telah dijanjikan dengan ganjaran yang amat tinggi nilainya daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Gandingan tersebut juga membuktikan betapa orang yang beriman hendaklah juga beramal soleh bagi mendapatkan ganjaran-ganjaran tersebut. Oleh itu, tidak cukup jika seseorang itu hanya mengaku beriman, iaitu

melafazkan dua kalimah syahadah dan melaksanakan rukun-rukun Islam sahaja, tetapi hendaklah juga melakukan amal soleh.

Namun siapakah orang yang beriman dan beramal soleh tersebut? Mereka ialah seorang mukmin yang sebenar, iaitu sentiasa mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, beribadat hanya kepada-Nya, melaksanakan suruhan-Nya, memelihara dan menjauhkan dirinya daripada apa jua perbuatan yang boleh mendatangkan dosa. Orang yang beriman akan sentiasa kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bertaubat kepada-Nya dan memohon keampunan setiap waktu dan masa. Orang yang beriman juga akan sentiasa mengerjakan amal soleh dengan penuh keikhlasan, sentiasa mengharapkan agar amalannya diterima dan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Amal soleh itu sangat luas maknanya. Amal soleh ialah apa jua perbuatan yang baik, bermanfaat dan berguna sama ada bagi dirinya mahupun kepada orang lain. Antara perbuatan amal soleh itu ialah orang yang memperbanyakkan doa dan zikir, membaca Al-Quran, melaksanakan tanggungjawabnya dengan amanah seperti kepada ibu bapa, keluarga dan masyarakat, mengamalkan sikap yang mulia seperti tolong-menolong dan melaksanakan 'amar makruf nahi mungkar, mencari rezeki dengan cara yang jujur, menuntut, memberi dan mengamalkan ilmu yang bermanfaat, membelanjakan hartanya dengan jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala seperti bersedekah, berwakaf, menderma dan sebagainya.

Orang-orang yang beriman dan beramal soleh telah dijanjikan dengan ganjaran yang besar dari Allah Subhanahu Wata'ala antaranya mendapat ganjaran pahala, tiada dukacita baginya, tergolong orang-orang yang soleh, dihapuskan kesalahannya bahkan dan dikurniakan ganjaran apa yang telah mereka kerjakan itu dengan sebaik-baik ganjaran. Adapun antara sebaik-baik ganjaran itu ialah syurga sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Ankabut ayat 58 tafsirnya:

*“Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, kami tentu akan menempatkan mereka di tempat-tempat yang tinggi (mahligai)*

*di dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya, itulah sebaik-baik ganjaran bagi orang-orang yang beramal.”*

Oleh itu, beruntunglah orang-orang yang menghabiskan umurnya untuk taat dan beribadat kepada Allah Subhanahu Wata’ala dan memperbanyakkan amalan soleh, dan alangkah ruginya orang-orang yang mensia-siakan umur dengan menderhaka kepada Allah Subhanahu Wata’ala, melakukan perbuatan yang berdosa dan maksiat, berbuat kejahatan dan kemungkaran, kerana apa yang diterima hanyalah kemurkaan Allah Subhanahu Wata’ala.

Sememangnya semua manusia mengimpikan agar kehidupan di akhirat kelak berakhir dengan kebaikan dan kebahagiaan, iaitu hidup kekal di dalam syurga yang penuh dengan kesenangan dan kelazatan. Semua itu boleh dicapai dengan menjadi orang yang beriman dan beramal soleh. Terdapat sebilangan orang yang bercita-cita agar Allah Subhanahu Wata’ala akan memuliakannya dan mengangkat darjatnya dalam syurga bersama-sama dengan orang yang beramal soleh. Tetapi mereka tidak melakukan amal soleh, leka dan sibuk dengan urusan dunia, hakikatnya itu hanyalah angan-angan kosong.

Allah Subhanahu Wata’ala telah berfirman dalam Surah Shad ayat 28 tafsirnya:

*“Patutkah kami menjadikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh itu sama seperti orang-orang yang berbuat kerosakan di bumi? Atau patutkah kami menjadikan orang-orang yang bertakwa itu sama seperti orang-orang yang berdosa?”*

Hari akhirat atau Hari kiamat, adalah hari di mana manusia akan dihisab mengikut amal perbuatan mereka semasa hayat di dunia. Dalam Surah Al-Jatsiah ayat 28-30 ada menjelaskan bahawa pada Hari kiamat setiap manusia akan berlutut dalam keadaan cemas dan menunggu panggilan. Setiap dari mereka itu akan dipanggil untuk menerima buku catatan amalnya serta dikatakan kepada mereka, “Pada hari ini kamu dibalas menurut apa yang kamu telah kerjakan.”

Sesungguhnya Allah telah memerintahkan malaikat mencatat apa sahaja yang telah manusia kerjakan semasa mereka hidup di dunia di dalam buku catatan amal. Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh maka mereka akan dimasukkan oleh Tuhan ke dalam rahmat-Nya, iaitu syurga. Manakala bagi orang-orang yang tidak beriman, maka balasan mereka ialah neraka.

Ingatlah wahai saudara-saudara sekalian, pohonlah pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar kita bersungguh-sungguh, sabar dan istiqamah dalam melaksanakan amal soleh. Manfaatkanlah peluang hidup ini sebelum ajal tiba. Jangan sampai umur kita tersisa pada sesuatu yang tidak bermanfaat agar tiada penyesalan dan berdukacita setelah mati. Apabila kematian telah tiba, barulah kita sedar bahawa kita telah mensia-siakan umur di masa hidup di dunia dahulu. Oleh itu, kita hendaklah bersegera dalam beribadat dan beramal soleh, dan jangan sekali-kali menanggukannya ke masa yang lain.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah As-Sajdah ayat 12 tafsirnya:

*“Dan alangkah ngerinya kalau engkau wahai Nabi Muhammad melihat orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepala mereka di hadapan Tuhan mereka sambil merayu-rayu: Ya Tuhan kami! Kami telah melihat dan mendengar maka kembalikanlah kami (ke dunia) supaya kami mengerjakan amalan soleh, sesungguhnya kami sekarang telah yakin.”*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengingatkan kita tentang masa dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas Radiallahuanhu ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda menasihatinya yang bermaksud:

*“Rebutlah lima perkara sebelum kami didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa muda mu sebelum tua mu, masa sihat mu sebelum sakit mu, masa kaya mu sebelum fakir mu, masa lapang mu sebelum kesibukan mu dan masa hidup mu sebelum mati mu.”*

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan petunjuk, hidayah dan rahmat-Nya kepada kita dan semoga kehidupan kita di dunia ini sentiasa berada di landasan yang benar dan diredai Allah agar kita mendapat kehidupan yang selamat dan bahagia di hari akhirat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Surah Al-Kahfi ayat 107 - 108 tafsirnya:

*“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh adalah bagi mereka syurga-syurga Firdaus sebagai tempat tinggal mereka. Mereka kekal di dalamnya, mereka tidak ingin berpindah daripadanya.”*

## **Kawal kemarahan dengan kesabaran**

Keluaran Pelita Brunei 16 April 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam mengajar umatnya untuk berakhlak mulia. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan contoh tauladan yang terbaik untuk diikuti kerana Baginda memiliki keperibadian yang tinggi dan mempunyai sifat-sifat mahmudah, iaitu terpuji, seperti bersifat tawaduk, penyayang, sabar, suka menolong orang dan sebagainya. Itulah ciri-ciri mukmin sejati yang wajar kita amalkan dalam kehidupan ini.

Namun tidak dinafikan kadangkala timbul juga sifat-sifat mazmumah, iaitu sifat-sifat keji dalam diri manusia seperti bersifat dengki, membangga diri, bakhil, marah dan sebagainya. Itulah sifat semula jadi manusia, apa yang penting ialah kita berusaha bersungguh-sungguh untuk memelihara dari sifat mazmumah yang bukan hanya akan merugikan diri sendiri bahkan mendapat dosa akibat dari perbuatan tersebut.

Memperkatakan tentang sifat mazmumah, salah satu sifat yang selalu ada pada diri seorang itu ialah sifat marah. Dalam Islam, marah secara amnya terbahagi kepada dua, iaitu marah yang terpuji dan marah yang dikeji. Marah yang dipuji itu ialah apabila seseorang yang marah untuk mempertahankan sesuatu kebenaran dan perkara yang hak. Oleh itu, adalah tidak salah jika berasa marah apabila melihat berlaku kemungkaran di depan mata, tetapi cara menzahirkan marah itu biarlah dengan cara yang betul, bukan dengan bertindak ganas dan sebagainya.

Contohi bagaimana Rasulullah marah apabila berlaku sesuatu yang Baginda tidak senangi, antaranya sepertimana yang diceritakan dalam sebuah hadis riwayat Imam Bukhari bahawasanya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika berada di dalam masjid Baginda melihat ada dahak di arah qiblat. Baginda merasa marah atas hal yang demikian itu lalu Baginda menjelaskan bahawa sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala berada di hadapan mereka, iaitu ketika mereka sedang mendirikan sembahyang, lalu Baginda menasihati mereka untuk tidak sekali-kali ada di antara mereka meludah ke arah qiblat. Kemudian Baginda pun bangkit dan membuang dahak itu dengan tangan Baginda sendiri.

Pengajaran dari kisah hadis tersebut menunjukkan betapa eloknya budi pekerti Baginda walaupun dalam keadaan marah, Baginda tidak menyumpah atau berkata keji atau melakukan sesuatu yang keras sebaliknya Baginda memberikan nasihat dan tunjuk ajar agar perkara yang tidak elok itu tidak dilakukan lagi.

Manakala marah yang keji pula seperti marah untuk mempertahankan perkara batil. Sifat marah kadangkala boleh juga terjadi apabila kehendak dan kemahuan seseorang itu tidak tercapai atau tidak dituruti, atau berlaku perkara yang tidak diingini menimpa dirinya, seperti mendapat kerugian, kecelakaan, kesakitan, kekalahan dan sebagainya. Perkara seumpama ini hendaklah dihadapi dengan sabar kerana itu adalah sifat orang-orang yang bertakwa.

Allah Subhanahu Wata'ala memuji orang-orang yang bersifat sabar sebagaimana firman-Nya dalam Surah Asy-Syura, ayat 43 tafsirnya:

*“Dan orang yang bersabar serta memaafkan kesalahan orang lain terhadapnya, sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang sangat utama untuk dilaksanakan (digalakkan oleh syariat).”*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umatnya supaya tidak menjadi seorang yang pemaarah seperti yang disebutkan dalam sebuah hadis Baginda dari Abu Hurairah Radiallahuanhu maksudnya:



*“Sesungguhnya seorang lelaki telah berkata kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: berikanlah kepadaku nasihat. Nabi bersabda: Janganlah marah! Kemudian orang tadi mengulang lagi, lalu Baginda menjawab: janganlah marah!”*

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat sabar dan cuba sedaya upaya mengawal kemarahan. Orang yang pemarah sehingga gagal mengawal emosinya boleh menyebabkan banyak perkara buruk yang berlaku seperti mengeluarkan kata-kata keji seperti mencela, menyumpah, melaknat dan sebagainya. Ada sesetengah ulama menganggap ucapan keji seperti celaka dan seumpamanya sebagai doa yang boleh mendatangkan akibat buruk, kerana ada sebuah hadis daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang melarang perbuatan seperti itu.

Sebab dikhuatiri jika ungkapan itu kebetulan dengan masa pengabulan doa, nescaya akibat apa yang diungkapkannya itu akan menimpa orang yang ditujukan, iaitu jika sekiranya dia memang patut menerima bencana itu pada ukuran Allah Subhanahu Wata'ala. Tetapi sekiranya dia tidak patut menerimanya, maka bencana itu akan kembali menimpa ke atas orang yang menunjukan ucapan itu.

Bayangkan sekiranya yang dimarahi itu ialah anak sendiri, hanya kerana tidak mengawal kemarahan lalu anak dikata-katai dengan perkataan ‘bodoh’, ‘tidak berguna’ dan sebagainya, sedangkan doa ibu bapa adalah makbul, maka tidak mustahil anak akan menjadi seperti yang didoakan oleh orang tuanya.

Tidak dinafikan juga, terdapat sebilangan orang yang terlalu menurut perasaan marah sehingga sanggup menyebarkan fitnah, melakukan kerosakan pada harta benda dan tidak mustahil juga timbul perkelahian sehingga mencederakan diri atau orang lain. Andainya kejadian tersebut berlaku dalam keluarga, sudah tentu hubungan kekeluargaan boleh menjadi renggang, dan tidak mustahil timbul pula perasaan benci dan dendam. Ketahuilah bahawa orang yang tidak dapat mengawal kemarahan dan gagal menanganinya adalah tergolong dalam orang yang melampaui batas dan orang yang lemah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Bukanlah orang yang kuat itu dinilai dengan kekuatan dalam pergelutan, sesungguhnya orang yang kuat ialah orang yang dapat menguasai dirinya ketika marah.”

Perlulah diketahui bahawa kebanyakan ulama fiqah berpendapat bahawa orang yang sedang marah dipertanggungjawabkan segala perbuatannya. Contohnya jika seseorang melafazkan talak kepada isterinya dalam keadaan marah, maka jatuhlah talak tersebut. Begitu juga jika orang yang marah itu merosakkan harta benda kepunyaan orang lain, maka harta tersebut di bawah jaminannya dan dia hendaklah membayar ganti rugi hasil dari perbuatannya itu.

Membunuh seseorang dengan sengaja walau dari dalam keadaan marah, maka dia tetap dikenakan Qisas, atau sekiranya dia melafazkan kekufuran, maka dia dihukum murtad sehinggalah dia terbunuh, atau sekiranya dia bersumpah untuk melakukan sesuatu, maka sumpahnya mestilah dilaksanakan yakni sumpahnya tersebut adalah dikira sah.

Oleh itu, kita semua hendaklah mengawal emosi, mengawal tutur kata, mengawal tingkah laku agar tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Terdapat beberapa amalan yang boleh dilakukan untuk mengawal atau memadamkan api kemarahan sepertimana yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri dan juga para sahabat Radiallahuanhum, antaranya dengan membaca ta'awwuz, iaitu yang maknanya: “*Aku berlindung kepada Allah daripada syaitan yang direjam.*” Selain itu, sunat juga orang yang marah itu mengambil wudhu dan dianjurkan juga untuk membaca doa: memohon kepada Allah supaya diampunkan dosa, dihilangkan kemarahan-kemarahan dan dilepaskan daripada fitnah atau ujian yang menyesatkan. Jika seseorang yang marah itu dalam keadaan berdiri, maka hendaklah dia duduk, dan jika dia marah dalam keadaan duduk, maka hendaklah dia berbaring.

Kehidupan ini penuh dengan cabaran, kita berhadapan dengan sikap dan kerenah manusia yang pelbagai ragam sehingga ada di antaranya boleh menimbulkan

perasaan marah. Perasaan marah adalah sifat semula jadi manusia. Tetapi sebagai manusia yang dikurniakan akal, kita hendaklah berusaha mengawal kemarahan tersebut agar tidak merosakkan diri dan maruah sendiri. Sentiasalah mengamalkan sifat sabar dan pemaaf. Perbanyakkanlah juga zikrullah agar hati menjadi tenang dan tabah. Ingatlah bahawa kita hidup di dunia ini dalam keadaan berkeluarga, berjiran tetangga, bermasyarakat dan bernegara. Hubungan tersebut hendaklah diikat dengan mahabbah dan kasih sayang agar dapat hidup dengan bahagia dan aman damai. Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan limpahan rahmat dan kasih sayang-Nya kepada kita semua. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah 'Ali-Imran, ayat 133-134 yang tafsirnya:

*“Dan bersegeralah kamu mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang membelanjakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya serta memaafkan kesalahan orang. Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan.”*

## Ciri-ciri orang mukmin

Keluaran Pelita Brunei 23 April 2016

**M**ARILAH kita sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh setiap orang Islam untuk menjadi seorang Mukmin yang sejati.

Adapun orang Mukmin yang kuat dan teguh imannya itu ialah orang Mukmin yang bukan sahaja beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan hati dan mengakui dengan lisan, bahkan melaksanakan segala perintah Allah serta menjauhi segala larangan dan tegahan-Nya.

Manakala orang Mukmin yang lemah imannya pula ialah orang Mukmin yang sekadar percaya (beriman) kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan hatinya, mempercayai dan membenarkan adanya Allah, mengakui dengan lisan dengan mengucap dua kalimah syahadat, tetapi cara hidup dan tingkah laku mereka bercanggah dengan akhlak dan syariat Islam.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Anfal ayat 2 - 4 tafsirnya:

*“Sesungguhnya orang-orang yang benar-benar beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambah kuat iman mereka dan hanya kepada tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal. Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dengan sempurnanya dan membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang kami telah kurniakan kepada mereka. Mereka itulah orang yang*

*beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat beberapa darjat ketinggian di sisi tuhan mereka dan keampunan serta rezeki nikmat yang mulia yang tidak putus-putus di syurga.”*

Berdasarkan ayat Al-Quran tersebut dapatlah kita ambil kesimpulan bahawa di antara ciri-ciri atau sifat yang perlu ada bagi orang-orang mukmin sejati itu ialah:

Pertama: Sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala (zikrullah): Orang-orang yang beriman itu: apabila mereka mendengar nama Allah disebut, maka gementarlah hati mereka kerana diliputi oleh perasaan takut. Perasaan takut itulah yang dapat mencegah mereka daripada melakukan sesuatu perbuatan yang jahat (mungkar) dan akan mendorong mereka untuk melaksanakan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang yang hatinya sentiasa ingat kepada Allah tidak akan melupakan Allah di waktu senang mahupun di waktu susah, kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi jaminan akan memberikan bimbingan dan perlindungan kepada mereka, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 tafsirnya:

*“Maka ingatlah kamu kepadaKu dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepadaKu dengan taat mengerjakan suruhanKu dan janganlah kamu mengingkariKu dengan berbuat derhaka dan maksiat.”*

Kedua: Mendirikan sembahyang, sembahyang merupakan benteng dan perisai yang amat kuat dan kukuh bagi seorang mukmin yang boleh mencegah daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45 tafsirnya:

*“Bacalah wahai Muhammad apa yang diwahyukan kepadamu daripada Al-Quran dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar, dan sesungguhnya mengingati Allah*

*adalah lebih besar manfaat dan kesannya dan Allah mengetahui apa yang kamu perbuat.”*

Ketiga: Bertambah kuat imannya apabila mendengar dan memahami ayat-ayat Al-Quran yang dibacakan yang mana di dalamnya mengandung hikmah, peringatan dan berita-berita mengembirakan, pengajaran yang sebenar lagi berkesan serta menjanjikan ganjaran dan sebagainya.

Keempat: Tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Tawakal ialah berserah diri secara mutlak kepada Allah Subhanahu Wata'ala setelah segala usaha dan ikhtiar dijalankan di dalam menghadapi sesuatu perkara atau keadaan. Sifat tersebut hendaklah dijadikan sebagai prinsip di dalam kehidupan seharian kerana ianya menanamkan semangat keteguhan hati, ketenangan, keberanian dan sebagainya.

Kelima: Membelanjakan sebahagian daripada rezekinya (hartanya) ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Bagi mereka yang mempunyai rezeki hendaklah membelanjakan sebahagian daripada rezeki mereka itu untuk amal kebajikan, menolong orang yang susah, orang yang kurang bernasib baik dan membelanjakannya ke jalan yang direcai Allah Subhanahu Wata'ala.

Setelah kita mengetahui di antara ciri-ciri orang mukmin sejati, maka hendaklah kita muhasabah diri kita dan berazam serta berusaha untuk menjadi seorang mukmin yang sejati. Sebagai seorang Islam, kita mestilah mempunyai iman yang kuat dan mantap. Bagi menguatkan dan meningkatkan iman kita serta untuk mencapai dan menjadikan diri kita mukmin sejati, ada beberapa amalan yang boleh kita lakukan, antaranya ialah dengan membaca dan tadabur (merenung atau memikirkan) isi kandungan Al-Quran. Sesungguhnya orang yang membaca dan memperhatikan isi kandungan Al-Quran akan mendapatkan ilmu dan pengetahuan yang menjadikan imannya kuat dan bertambah. Selain itu, ialah dengan mengenal Asma'ul Husna dan sifat-sifat Allah Subhanahu Wata'ala yang menunjukkan kesempurnaan Allah Subhanahu Wata'ala secara mutlak. Apabila seorang hamba mengenal Allah Subhanahu Wata'ala dengan jalan yang benar, maka ia diberi

taufik dalam mendapatkan iman yang kuat dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita juga boleh meningkatkan iman kita dengan memerhatikan sirah atau perjalanan hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu dengan mengamati dan mempelajari sirah Baginda dan sifat-sifatnya yang baik serta perangnya yang mulia.

Itulah beberapa amalan yang dengannya insyaaAllah akan dapat menyebabkan bertambahnya keimanan. Adapun hal-hal yang dapat melemahkan iman seseorang adalah sebaliknya, di antaranya, kejahilan terhadap syariat Islam, lalai, lupa dan berpaling dari ketaatan, melakukan kemaksiatan dan dosa-dosa besar, mengikut hawa nafsu dan sebagainya.

Oleh yang demikian, wahai kaum Muslimin, sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan kita semua tergolong dalam golongan orang-orang yang sentiasa bertambah iman dan dijauhkan dari kelemahan dan kehinaan serta tergolong dalam golongan orang-orang yang benar-benar beriman dengan keimanan yang teguh dan tulen. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Hujurat, ayat 15 tafsirnya:

*“Sesungguhnya orang-orang yang benar-benar beriman hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu serta mereka berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.”*

## Tanggungjawab dalam keluarga

Keluaran Pelita Brunei 30 April 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

“Maha suci Allah yang telah menciptakan semuanya berpasang-pasangan sama ada yang tumbuh di bumi atau daripada mereka sendiri ataupun daripada yang mereka tidak mengetahuinya.”

Perkahwinan adalah satu ibadat yang dituntut oleh syarak. Perkahwinan boleh mendatangkan keberkatan dan keharmonian dalam kehidupan dan juga mengeratkan hubungan antara sesama manusia. Bagaimanapun, untuk membentuk dan mengekalkan sesebuah keluarga bahagia itu bukanlah suatu perkara yang mudah, kerana ia memerlukan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam mengajarkan umatnya agar menjadikan rumah tangga sebagai sebuah institusi yang aman, selamat, sihat, harmoni dan bahagia buat seluruh keluarga. Oleh itu, pembinaan keluarga yang bahagia ini perlu dilihat kepada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh setiap isi rumah, merangkumi ibu bapa dan anak-anak. Tanggungjawab ini haruslah disemai sejak di awal perkahwinan lagi supaya ibu bapa menjadi orang pertama memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang betul kepada anak-anak.

Suami atau ayah sebagai ketua keluarga adalah orang yang berperanan penting dan bertanggungjawab dalam menjaga kemaslahatan, memberikan bimbingan, pimpinan serta didikan kepada isteri, anak-anak dan keluarga agar mereka menjadi orang-orang Mukmin yang bertakwa serta hidup bahagia lagi sempurna



di dunia dan di akhirat. Ini tidak akan dapat dicapai melainkan suami atau ayah itu sendiri terlebih dahulu menghayati dan mengamalkan ajaran agama Islam, kerana pimpinan dan ikutan yang berkesan itu adalah melalui contoh dan teladan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 34 yang tafsirnya:

*“Laki-laki adalah pemimpin terhadap kaum perempuan kerana Allah telah melebihkan laki-laki dengan beberapa keistimewaan atas kaum perempuan, dan juga kerana laki-laki memberi nafkah dari harta mereka.”*

Kita menyedari bahawa fenomena keluarga masa kini sangat mencabar berbanding zaman dahulu. Sebagai ketua keluarga, suami perlu menjadikan konsep ‘mawadah warahmah’ (kasih sayang dan belas kasihan) sebagai asas yang penting dalam kekeluargaan. Para suami hendaklah memiliki sifat mesra, menyayangi, mengasihi dan balas kasihan terhadap isteri. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ar-Rum ayat 21, tafsirnya:

*“Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya bahawa dia menciptakan bagi isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa senang kepada-Nya dan dijadikan-Nya di antara kamu suami isteri perasaan kasih sayang dan rahmat (balas kasihan).”*

Dalam kehidupan berumah tangga, perlu ada sikap saling bantu-membantu antara suami isteri. Semangat dan sikap bantu-membantu adalah nilai-nilai yang luhur dan mulia yang boleh membahagiakan keluarga dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Para suami digalakkan untuk menolong dan membantu isteri bagi meringankan tugas isteri, di samping tidak meninggalkan tanggungjawab yang telah diberikan. Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan membantu isterinya membuat kerja-kerja rumah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh teladan kepada umat manusia. Baginda telah menunjukkan peribadi yang baik terhadap keluarga sebagai seorang suami, bapa dan sekali gus ketua keluarga. Selain sebagai seorang Rasul, Nabi dan ketua negara, Baginda juga telah berjaya menjadi seorang suami mithali.

Manakala peranan isteri pula wajiblah mentaati suami dan bertanggungjawab menjaga rumah tangga dengan membantu dan bekerjasama dalam usaha mewujudkan rumah tangga yang bahagia. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadisnya yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari yang maksudnya:

*“Dari Abdullah bin Umar Radhiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan kamu semua bertanggungjawab terhadap orang di bawah jagaanmu. Seorang pemerintah adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap rakyatnya, seorang lelaki adalah pemimpin kepada keluarganya dan bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya, seorang perempuan adalah penjaga kepada rumah suaminya dan dia bertanggungjawab terhadapnya.”*

Selain ayah dan ibu, anak-anak juga mempunyai peranan dalam sesebuah keluarga, peranan dan tanggungjawab anak-anak ialah mentaati kedua ibu bapa mereka, bersikap dan bercakaplah dengan berlemah lembut dan bersopan santun. Sesungguhnya kedudukan ibu bapa di dalam Islam amat tinggi sehingga seorang anak diwajibkan menghormati dan memuliakan ibu bapanya. Pengorbanan dan jasa kedua ibu bapa amat besar, mereka merupakan insan mulia dan berjasa dalam mengasuh, membesarkan, mendidik dan melengkapkan setiap keperluan anak dengan kesabaran, keikhlasan dan rasa kasih sayang yang tidak berbelah bagi. Sebagai seorang anak hendaklah menanamkan rasa cinta dan kasih sayang kepada ibu bapa untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata’ala.

Dalam era globalisasi ini peralatan moden sememangnya boleh merapatkan hubungan, namun apa yang menyedihkan, kegunaannya telah disalahgunakan oleh sebilangan orang menyebabkan hubungan mesra bersama keluarga menjadi renggang. Masing-masing sibuk dengan telefon bimbit, komputer, televisyen dan sebagainya. Ini boleh diatasi dengan beberapa cara bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan, antaranya ialah dengan menggunakan segala peralatan tersebut dengan bijak. Selain itu, untuk merapatkan hubungan kekeluargaan ialah dengan mengamalkan sembahyang berjemaah bersama keluarga. Sembahyang berjemaah

mempunyai fadhilat dan ganjaran pahala yang amat besar. Oleh itu, dirikanlah sembahyang berjemaah bersama keluarga secara rutin kerana mendirikan sembahyang secara berjemaah bersama isteri, anak-anak dan keluarga itu boleh menjadikan sebuah keluarga yang sakinah ‘mawadah warahmah’, iaitu keluarga yang aman, penuh kasih sayang dan balas kasihan.

Seterusnya ialah mengadakan aktiviti kerohanian di rumah seperti membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya. Al-Quran adalah kalamullah yang mempunyai hikmah dan fadilat bagi setiap yang membacanya sekalipun hanya mendengarnya. Suami isteri dan keluarga dianjurkan mendampingi, membaca dan beramal dengan Al-Quran. Sesungguhnya rumah yang dibacakan Al-Quran akan mendapat keluasan rezeki, sentiasa dihadiri oleh malaikat, menjauhkan syaitan dan sentiasa mendapat kebaikan serta keberkatan. Manakala rumah yang tidak dibacakan di dalamnya Al-Quran, boleh menjauhkan para malaikat dan dihampiri oleh syaitan serta tidak mendapat keberkatan kepada ahlinya.

Amalan makan bersama atau berjemaah juga boleh mengukuhkan keakraban dan kemesraan sesama ahli keluarga. Melalui amalan ini akan memberi peluang ahli keluarga berinteraksi dan beramah mesra. Sesungguhnya makan secara berjemaah boleh mendatangkan berkat, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadisnya, riwayat Al-Imam Ibnu Majah yang bermaksud:

*“Dari Umar bin Al-Khatib katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: makanlah kamu bersama-sama dan janganlah kamu makan sendiri-sendiri maka sesungguhnya berkat itu adalah dalam berjemaah.”*

Sama-samalah kita mengambil tahu serta melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab masing-masing di dalam sesebuah keluarga. Mudah-mudahan kita akan memperolehi keluarga yang bahagia, harmoni serta sentiasa dalam rahmat Allah Subhanahu Wata’ala. Berdoalah kita semoga menjadi orang yang sentiasa menunaikan tanggungjawab dalam keluarga dan semoga keluarga kita menjadi sebuah keluarga yang sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata’ala

serta mendapat kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

Surah Al-Furqan ayat 74 tafsirnya:

*“Dan juga mereka yang berdoa: Ya Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami isteri-isteri kami dan zuriat-zuriat keturunan kami sebagai penyenang hati dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan Mei 2016**

## ‘Keluarga Berwawasan’

Keluaran Pelita Brunei 7 Mei 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Bulan Rejab adalah bulan yang mencatatkan sejarah yang sentiasa diingati setiap tahun khususnya seluruh umat Islam, kerana dalam bulan yang mulia inilah berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Peristiwa Israk dan Mikraj adalah mukjizat terbesar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selepas Al-Quran dan merupakan peristiwa agung yang penuh pengajaran dan iktibar. Dalam peristiwa ini Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah di Israkkan (diperjalankan) dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid Aqsa di Palestin dan telah di Mikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju ke Sidratul Muntaha.

Dalam peristiwa tersebut Baginda telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata’ala dan Baginda juga diperlihatkan dengan berbagai-bagai kejadian dan peristiwa aneh yang menunjukkan keadaan perilaku manusia dengan balasan-balasan yang bakal mereka terima. Di kemuncak peristiwa inilah Allah Subhanahu Wata’ala telah memfardukan sembahyang lima waktu kepada umat Islam.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Isra’ ayat 1 tafsirnya:

*“Maha suci Allah yang telah memperjalankan hambanya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid Aqsa (Baitul Muqadis di Palestin), yang kami berkati sekelilingnya supaya kami memperlihatkan kepadanya sebahagian*

*daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”*

Pada setiap tahun, kita meraikan sambutan Israk dan Mikraj sebagai sebahagian daripada usaha mensyiarkan agama, kita meraikannya dengan mengadakan pelbagai majlis ilmu dan keagamaan, supaya dengan kita memperingatinya itu, kita mengambil iktibar atau pengajaran dan seterusnya mengukuhkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata’ala. Dengan demikian kita akan lebih taat menunaikan kewajipan-kewajipan agama dan menjauhi perkara-perkara dan hal-hal yang di larang oleh Allah Subhanahu Wata’ala dan Rasul-Nya.

Sesungguhnya ibadat sembahyang itu terlalu istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata’ala kerana Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri telah menerimanya secara langsung daripada Allah Subhanahu Wata’ala di ‘Sidratul Muntaha’ dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Perintah ibadat sembahyang ini adalah berbeza dengan ibadat-ibadat yang lain seperti ibadat puasa, zakat, haji dan lain-lain yang diterima melalui wahyu dengan perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam. Ini menunjukkan bahawa ibadat sembahyang itu terlalu istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata’ala.

Oleh itu, ibadat sembahyang tidak boleh diremeh-remehkan seperti juga tidak boleh menurut hawa nafsu melakukan maksiat kerana meremehkan sembahyang itu adalah dicela oleh Allah Subhanahu Wata’ala, mereka itu adalah golongan yang sesat. Allah Subhanahu Wata’ala berfirman dalam Surah Maryam ayat 59 yang tafsirnya:

*“Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu dengan melakukan maksiat, maka mereka akan menghadapi azab dalam neraka.”*

Abdullah bin Abbas Radhiallahu ‘anhuma berkata, maksud mensia-siakan sembahyang bukanlah meninggalkan sembahyang sama sekali, tetapi melewatkan dari waktunya, umpamanya mereka melaksanakan Sembahyang Zuhur dalam

waktu Asar, Sembahyang Asar di dalam waktu Maghrib, Sembahyang Isyak ditanggihkan sehingga masuk waktu Subuh serta Sembahyang Subuh dilaksanakan selepas matahari terbit. Sesiapa yang mati dalam keadaan ini tanpa bertaubat dia akan dihumbankan ke dalam sebuah lembah yang bernama al-Ghai'a di dalam neraka dan diberikan makanan yang amat jijik. Jika mengerjakan sembahyang fardu di luar waktu sudah sebegini hukumnya, bayangkanlah azab yang bakal menimpa mereka yang tidak bersembahyang fardu sama sekali.

Justeru itu, melaksanakan sembahyang fardu dalam waktu yang ditetapkan merupakan sebahagian daripada disiplin Islam yang wajib dilaksanakan.

Dalam peristiwa Israk dan Mikraj juga, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melihat segolongan manusia yang masing-masing menghadapi dua bekas, bekas yang satu berisi daging yang sudah masak dan yang satu lagi berisi daging yang mentah. Tetapi yang anehnya, mereka memilih untuk makan daging yang mentah. Lalu Baginda pun bertanya kepada Jibril Alaihissalam: Siapakah mereka itu? Jibril menjawab: mereka adalah gambaran antara umatmu yang suka berzina. Mereka sebenarnya masih suka melepaskan nafsu syahwatnya dengan perempuan-perempuan lain walaupun mereka telah beristeri. Begitulah pula halnya dengan perempuan yang telah bersuami secara sah, akan tetapi mereka juga melakukan zina dengan lelaki lain yang bukan suaminya. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah mengingatkan hamba-hamba-Nya untuk tidak mendekati zina sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 32, tafsirnya:

*“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu ialah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk.”*

Ingatlah, zina merupakan perbuatan keji dan hina yang merosakkan diri, akhlak, keturunan dan masyarakat. Antara keburukan zina adalah keruntuhan moral dan akhlak, mengandungkan anak luar nikah, yang akibatnya seseorang itu boleh bertindak di luar batasan dan di luar naluri seseorang manusia seperti berusaha untuk menggugurkan anak dalam kandungan dan lebih dahsyat lagi sanggup



membuang anak yang baru dilahirkan. Perbuatan itu dilakukan kerana malu dan juga kerana hendak menyembunyikan perbuatan keji yang telah dilakukan. Begitu juga keruntuhan akhlak yang berhubung kait dengan perbuatan zina ialah kejadian sumbang mahram. Nauzubillahi min zalik.

Sebagai orang Islam kita hendaklah mematuhi ajaran dan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh agama Islam, bukan mengingkarinya dan hanya menurut kehendak hawa nafsu tanpa memikirkan akibat perbuatan yang dilakukan. Itulah pentingnya akal dan fikiran yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada manusia supaya manusia berfikir dan bertindak dengan waras dan betul, iaitu melalui kesedaran beragama.

Akhirnya, marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil iktibar dari peristiwa Israk dan Mikraj sebagai pengajaran yang dapat menguatkan dan meningkatkan iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan kita akan sentiasa mendapat hidayah dan petunjuk ke jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta selamat di dunia dan di akhirat.

Surah Al-Isra' ayat 60, tafsirnya:

*“Dan ingatlah ketika Kami wahyukan kepada mu wahai Nabi Muhammad: sesungguhnya Tuhanmu, ilmu dan kekuasaannya meliputi sekalian manusia. Dan Kami tidak menjadikan pandangan pada malam Mikraj yang Kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai ujian bagi manusia dan demikian juga pokok Zakkum yang di laknat dalam Al-Quran.”*

## Takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala

Keluaran Pelita Brunei 14 Mei 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan manusia itu adalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Sebagai seorang hamba Allah kita hendaklah memiliki rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat menyebutkan tentang takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, contohnya firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 39 yang tafsirnya:

*“Nabi-Nabi yang terdahulu itu ialah orang-orang yang menyampaikan risalah-  
risalah (syariat) Allah dan mereka takut kepada-Nya dan mereka pula tidak takut  
kepada sesiapaupun melainkan hanya kepada Allah. Dan cukuplah Allah sebagai  
pengawas.”*

Dari ayat tersebut jelas menunjukkan betapa kita wajib berperasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan memiliki rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita akan memperoleh keberuntungan yang besar apabila mematuhi perintah dan menjauhi larangan-Nya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur ayat 52 yang tafsirnya:

*“Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, dan takut kepada Allah,  
serta bertakwa kepada-Nya maka mereka itulah orang yang mendapat kejayaan.”*

Dalam hubungan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah tanggungjawab terhadap kehidupan beragama. Jika tanggungjawab itu diabaikan

seperti meninggalkan ibadat sembahyang, melakukan pergaulan bebas, pendedahan aurat dan sebagainya tentulah berakibat buruk. Kesemua itu adalah disebabkan kurangnya rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Memandangkan rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah suatu yang sangat penting dalam kehidupan kita maka sudah seharusnya kita menyemai dan menanamkan rasa takut itu ke dalam jiwa dan perasaan kita. Namun bagaimanakah caranya untuk kita menimbulkan perasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu? Terdapat beberapa cara yang boleh kita lakukan untuk berbuat demikian, antaranya ialah:

Pertama: Mengambil iktibar daripada kisah-kisah yang telah diceritakan dalam Al-Quran dan Al-Hadis tentang perbuatan-perbuatan yang mendatangkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala yang dilakukan oleh orang-orang terdahulu yang ingkar dan tidak patuh kepada perintah-Nya, baik yang diterima semasa di dunia mahupun ketika di akhirat kelak. Antaranya sebagaimana diceritakan dalam Surah Al-Ankabut ayat 39 - 40, tafsirnya:

*“Dan demikian juga Kami telah membinasakan Karun dan Firaun serta Haman, dan demi sesungguhnya Nabi Musa telah datang kepada mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata (mukjizat) tetapi mereka menyombongkan diri di bumi dan mereka tidaklah terlepas daripada kebinasaan itu. Maka masing-masing mereka itu Kami binasakan disebabkan dosa mereka. Maka antara mereka ada yang kami hantarkan angin ribut yang mengandungi batu-batu kecil yang membinasakan, dan antara mereka ada yang dibinasakan oleh satu tempikan suara yang kuat, dan antara mereka ada yang Kami benamkan ke dalam bumi, dan antara mereka ada yang Kami tenggelamkan. Dan Allah sekali-kali tidak menganiaya mereka tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri.”*

Kedua: Untuk menimbulkan perasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita hendaklah menyedari dan membayangkan betapa seksa dan pedihnya azab Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat sehingga tidak dapat digambarkan betapa dahsyatnya derita yang akan ditanggung kelak. Salah satu gambaran yang pernah disabdakan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tentang betapa

dahsyatnya seksa neraka adalah perbandingan panasnya api dunia dengan api di akhirat.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis riwayat Al-Imam At-Termizi yang maksudnya:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: Api mu yang kamu semua menyalakan di dunia ini adalah satu bahagian dari 70 bahagian panasnya Neraka Jahanam. Para sahabat berkata: demi Allah, api di dunia ini saja sudah amat panas Ya Rasulullah, Baginda lalu bersabda: memang, api neraka itu masih lebih panas lagi dengan 69 kali bahagian panasnya, setiap bahagian sama suhu panasnya dengan api dunia ini.”*

Selain merasa bahang panas dan azab seksa Neraka Jahanam yang sangat dahsyat itu, orang-orang yang ingkar dan berdosa itu juga akan berada di dalamnya dalam jangka waktu yang berabad-abad lamanya, bahkan ada pula yang kekal di dalamnya. Allah Subhanahu Wata’ala berfirman dalam Surah An-Naba’ ayat 21-28 yang tafsirnya:

“Sesungguhnya Neraka Jahanam adalah tempat memerhati bagi penjaga neraka. Tempat kembali bagi orang-orang yang melampaui batas. Mereka tinggal di sana selama-lamanya. Mereka tidak akan merasai udara sejuk di dalamnya dan tidak pula ada minuman. Kecuali air panas yang mendidih dan danur yang mengalir. Sebagai balasan yang setimpal dengan perbuatan buruk mereka. Kerana sesungguhnya mereka dahulu tidak takutkan hisab. Dan mereka telah mendustakan ayat-ayat keterangan kami dengan sebenar-benarnya.”

Jika kita berperasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata’ala pada diri kita sudah tentu akan menggerakkan hati kita untuk berbuat kebaikan. Mentaati perintah Allah Subhanahu Wata’ala dan menolak segala kejahatan, dan bertaubat memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata’ala kerana kita sedar bahawa azab dan seksa Allah Subhanahu Wata’ala itu amat pedih. Dengan itu jika akan berbuat kejahatan pun seperti mencuri, berzina, menipu dalam perniagaan, tidak

jujur dalam pekerjaan dan sebagainya, kita akan berfikir panjang, tidak mudah atau segera melakukan kejahatan-kejahatan itu. Dan perasaan takut itu akan mendorong kita menghindarinya. Dan juga terlanjur mengikut hawa nafsu berbuat jahat maka kita segera bertaubat, menyesali keterlanjuran itu. Kerana kita percaya Allah Subhanahu Wata'ala melihat apa jua yang kita lakukan dan percaya setiap perbuatan dosa dan maksiat akan mendapat azab seksa dari Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Insan ayat 10-11, tafsirnya:

*“Sesungguhnya kami takut akan azab tuhan kami pada hari orang berwajah masam penuh kesukaran. Maka Allah menyelamatkan daripada kesengsaraan hari itu dan mengurniakan mereka keceriaan dan kegembiraan.”*

Dan seterusnya kita juga percaya sambil berharap akan mendapat keampunan serta pahala dengan menaruh perasaan takutkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap keadaan dan tempat.

Surah Al-Mulk ayat 12, tafsirnya:

*“Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhan walaupun mereka tidak melihatnya, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.”*

## Mencari ketenangan jiwa

Keluaran Pelita Brunei 21 Mei 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Setiap insan yang hidup di atas muka bumi ini pasti mahukan kesenangan, kesejahteraan, kenikmatan dan keselesaan. Tidak ada sesiapa pun yang mahu hidupnya penuh dengan kesusahan, kesengsaraan dan masalah yang berpanjangan yang mana kesemuanya ini adalah ketentuan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Dan Dia jugalah yang menganugerahkan pelbagai nikmat kepada kita termasuklah nikmat ketenangan dan kedamaian jiwa, kerana tanpanya sudah tentu kehidupan manusia itu akan menghadapi bermacam-macam masalah penyakit jiwa seperti tekanan perasaan, iaitu stress, rungsing, resah gelisah dan yang lebih parah lagi boleh menyebabkan seseorang tidak dapat membuat pertimbangan dengan betul. Mengapakah gejala ini terjadi kepada manusia?

Sebenarnya di dalam Al-Quran memang terdapat jawapan yang jelas tentang sebab-sebab penyakit tersebut terjadi. Antaranya disebabkan seseorang itu tidak tahan diuji contohnya apabila seseorang itu diberikan ujian oleh Allah Subhanahu Wata'ala sama ada berbentuk kesusahan, bala bencana dan malapetaka seperti kemiskinan, banjir, kemarau, kebakaran maka akan gundah gulanalah dan berkeluh kesahlah jiwanya.

Begitu juga apabila Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan nikmat yang berupa kekayaan kepadanya, maka timbullah sikap bakhil atau kikir pada dirinya untuk menolong orang yang memerlukan bantuan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ma'arij, ayat 19 - 23 yang tafsirnya:

*“Sesungguhnya manusia itu diciptakan bersifat gelisah lagi bakhil. Apabila dia ditimpa kesusahan, dia berkeluh kesah. Dan apabila dia mendapat kebaikan, dia kedekut. Kecuali orang-orang yang mendirikan sembahyang. Iaitu orang-orang yang tetap mendirikan sembahyang.”*

Tekanan perasaan ini juga berlaku adalah disebabkan tidak mengingati Allah Subhanahu Wata’ala dan kurang menghayati dan melaksanakan ajaran agama. Mereka lebih mementingkan tuntutan hawa nafsu sahaja seperti nafsu syahwat, makan minum, pakaian yang berlebihan dan perhiasan yang mahal serta hiburan yang melampau dan melalaikan tanpa memperdulikan keperluan rohaniah yang berupa amal soleh yang menjurus kepada takwa seperti sembahyang, membaca Al-Quran, zikrullah dan amal yang lainnya. Maka tidak mustahil manusia sebegini akan dihinggapi penyakit penderitaan jiwa atau tekanan perasaan tersebut. Allah Subhanahu Wata’ala berfirman dalam Surah Thaha, ayat 124 tafsirnya:

*“Dan sesiapa yang berpaling ingkar daripada peringatan Ku (petunjuk Ku), maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan menghimpunkannya pada Hari kiamat dalam keadaan buta.”*

Apa yang amat kita kesali pada masa ini terdapat di kalangan umat Islam telah mengabaikan pendidikan Al-Quran, tidak menggunakan Al-Quran sebagai petunjuk dan pembimbing dalam kehidupan mereka, apatah lagi untuk menggunakannya sebagai penawar dalam mengubati penyakit penderitaan jiwa yang mereka hadapi. Sebagai contoh, ada yang cuba menyelesaikan masalah mereka dengan cara yang salah seperti meminum arak dan menyalahgunakan dadah. Bahkan ada pula yang melampiaskan masalah mereka kepada orang lain seperti melakukan penderaan kepada isteri atau anak-anak. Semua itu dilakukan kerana beranggapan hanya dengan cara begitu sahajalah permasalahan mereka akan selesai. Akan tetapi pada hakikatnya, kelakuan sebegitu hanya akan menambahkan lagi kekusutan jiwa atau tekanan perasaan mereka kelak.

Sesungguhnya untuk mendapatkan suasana aman damai, sejahtera, harmoni dan ketenangan jiwa, agama Islam telah pun menggariskan panduan yang sangat berkesan dalam merawat penyakit jiwa atau tekanan perasaan itu, antaranya:

Pertama: Membanyakkan zikrullah (mengingati Allah) sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat ke-28 tafsirnya:

*“Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingati) Allah Subhanahu Wata'ala. Ketahuilah! Dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram.”*

Kedua: Melaksanakan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu mengerjakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang jua larangan-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Lail, ayat 5 - 10 tafsirnya:

*“Adapun orang yang memberikan hartanya pada jalan Allah dan bertakwa. Dan dia mengakui kebenaran adanya ganjaran yang baik (syurga). Maka kami akan memudahkannya untuk mendapat kesenangan. Dan adapun orang yang bakhil dan merasa dirinya cukup. Dan dia mendustakan adanya ganjaran yang baik. Maka kami akan memudahkannya untuk mendapat kesusahan.”*

Ketiga: Mensucikan jiwa, iaitu dengan cara menjauhi diri daripada segala perbuatan dosa dan maksiat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ash-Shams, ayat 9-10 tafsirnya:

*“Sesungguhnya berjayalah orang yang mensucikan jiwanya. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya.”*

Sesungguhnya kekuatan iman adalah berperanan sebagai benteng dalam mengharungi cabaran kehidupan di dunia ini. Oleh itu, hanya dengan kembali kepada ajaran agama dan mempraktikkannya sahajalah jiwa manusia itu akan terselamat dari kegelisahan dan kekusutan. Ingatlah! Jangan hanya disebabkan



kesibukan kita mengejar kesenangan, kemewahan atau kemegahan di dunia mengakibatkan kita lupa kepada agama.

Ketahuiilah Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan jaminan bahwa manusia yang ikhlas dalam melaksanakan ajaran agama Islam sahalah yang hanya akan mempunyai hati yang tenteram, aman dan sentosa. Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberikan ketenangan jiwa kepada kita semua agar dapat menjalani kehidupan ini dengan aman bahagia. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Az-Zumar, ayat 23, tafsirnya:

*“Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan, iaitu kitab Al-Quran yang serupa mutu ayat-ayatnya lagi berulang-ulang isi kandungannya. Apabila mendengar atau membaca ayat-ayat azab, bergetarlah kulit orang-orang yang takutkan Tuhan mereka, kemudian sesudah mendengar atau membaca ayat-ayat rahmat tenanglah kulit dan hati mereka lalu cenderung kepada mengingati Allah.”*

## Mempertahankan negara tugas mulia

Keluaran Pelita Brunei 28 Mei 2016

**M**ARILAH kita sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, iaitu istiqamah dalam mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan demikian, mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik dan unggul serta mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Tarikh 31 Mei adalah tarikh yang bersejarah dan menjadi ristaan bagi Negara Brunei Darussalam dan generasi yang akan datang, iaitu tarikh Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata DiRaja Brunei (ABDB). Angkatan bersenjata mempunyai tugas yang sangat murni, iaitu mempertahankan negara daripada segala ancaman dan pencerobohan musuh yang boleh mengugut keamanan dan kedaulatan negara.

Alhamdulillah Negara Brunei Darussalam mempunyai pasukan angkatan bersenjata yang berkemampuan menjadi benteng utama kepada pertahanan negara. Kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini patutlah bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berbangga terhadap sumbangan ABDB yang tidak ternilai harganya kepada keamanan dan juga kesejahteraan negara kita yang tercinta ini.

Tugas mempertahankan agama dan negara amat besar ganjarannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, seandainya kita gugur dalam menjalankan tugas tersebut insyaaAllah, Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan ganjaran pahala yang setimpal dengannya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 169 yang tafsirnya:

*“Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka bahawa orang-orang yang terbunuh (mati syahid) di jalan Allah itu mati, bahkan sebenarnya mereka itu hidup di sisi tuhan mereka dengan dikurniakan rezeki.”*

Islam adalah agama yang mencintai kedamaian dan keamanan, dan membenci permusuhan. Keamanan, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyat merupakan harapan dan hasrat setiap negara, baik negara kecil mahupun besar, sama ada ia negara Islam ataupun bukan Islam, semuanya mengharapkan keamanan dan kemakmuran.

Di dalam Islam diwujudkan pasukan bersenjata bukanlah niat untuk melakukan pencerobohan dan penganiayaan terhadap sesiapa, tetapi digunakan bagi mempertahankan diri dan negara dari ancaman, pengkhianatan dan pencerobohan.

Dalam hal inilah berlakunya salah faham sehingga timbul tuduhan dan tanggapan sinis yang mengatakan Islam itu disebar dengan kekerasan, kezaliman dan Islam itu menggalakkan peperangan. Mereka mendakwa Islam tersebar adalah dengan peperangan.

Bagi membetulkan salah faham yang berlaku ini, perlulah diketahui dan difahami prinsip sebenar peperangan dalam Islam. Islam tidak akan memerangi sesiapa, tetapi akan berjihad (berjuang) jika diperangi. Peperangan dalam Islam tidak boleh berlaku dan tidak boleh dicetuskan melainkan atas sebab-sebab tertentu seperti mempertahankan diri dan menentang pencerobohan, mempertahankan diri dari penganiayaan dan kezaliman dan menegakkan keadilan. Islam melarang peperangan untuk tujuan meluaskan kuasa, pengaruh atau jajahan takluk, begitu juga melarang peperangan kerana membalas dendam, sehingga membuat permusuhan dan kehancuran.

Islam membolehkan jihad bersenjata dilakukan apabila orang Islam diperangi dan dizalimi, dihalau dari kampung halaman dan rumah mereka, harta dirampas, ditegah dari beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berlaku pencerobohan terhadap masjid. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 39-40 tafsirnya:

*“Telah diizinkan berperang bagi orang-orang Islam yang diperangi disebabkan mereka itu telah dizalimi dan sesungguhnya Allah Maha Berkuasa untuk menolong*

*mereka mencapai kemenangan, iaitu mereka yang diusir dari kampung halaman mereka dengan tidak berdasarkan suatu alasan yang benar. Mereka itu diusir hanya disebabkan mereka berkata: Tuhan kami ialah Allah.”*

Jelas kepada kita bahawa Islam mengharuskan perang apabila dalam keadaan terpaksa bagi mempertahankan diri, menegakkan keadilan dan mempertahankan akidah. Islam menggariskan batas-batas yang mesti dipatuhi dan diikuti ketika perang. Jika musuh ingin berdamai, maka orang Islam wajib menghentikan peperangan.

Orang Islam diperintahkan supaya tidak melakukan permusuhan dan mencabul hak orang lain. Peperangan bukanlah cara hidup orang Islam. Peperangan adalah pilihan terakhir setelah tidak ada jalan pilihan.

Sesungguhnya Islam adalah agama keamanan dan menuntut supaya setiap umatnya berusaha ke arah keamanan, tanpa mengira agama, bangsa dan negara selagi kehormatan agama Islam dan keamanan orang Islam terjamin dan tidak dicabuli. Allah Subhanahu Wata’ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 190 tafsirnya:

*“Dan perangilah pada jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”*

Semangat perwira seharusnya bukan hanya ada pada tentera tetapi perlu ada pada semua lapisan masyarakat kerana negara memerlukan rakyat yang mahu berjuang dan berkorban bagi mempertahankan negaranya. Oleh itu, perasaan cinta pada agama, Raja dan negara perlu disemai, nilai kemerdekaan dan keamanan perlu dihargai. Jadikanlah pemuda-pemudi negara ini pemuda-pemudi yang cergas dan gagah dari segi fizikal dan mental.

Marilah kita sama-sama menanamkan semangat cinta pada agama, cinta pada kemerdekaan, negara dan bangsa kerana dengan demikian akan lahir perasaan

kasih dan rela berkorban. Kita berdoa semoga negara kita yang tercinta ini sentiasa di bawah lindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Ali 'Imran, ayat 139 tafsirnya:

*“Dan janganlah kamu merasa lemah dalam menegakkan Islam, dan janganlah pula kamu bersedih pada hal kamulah orang-orang yang tertinggi darjatnya jika benar kamu orang yang beriman.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan Jun 2016**

## Persediaan menjelang bulan Ramadan

Keluaran Pelita Brunei 4 Jun 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, iaitu istiqamah dalam mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya dengan demikian, mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik dan unggul serta mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah, tidak terasa beberapa hari sahaja lagi kita akan menyambut bulan Ramadan yang penuh dengan rahmat dan keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya bulan Ramadan adalah penghulu segala bulan, bulan yang sentiasa dirindui oleh sekalian umat Islam yang hidupnya sentiasa dihiasi dengan mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Bulan yang diwajibkan bagi seluruh umat Islam di bumi ini untuk mengerjakan ibadat puasa, iaitu salah satu daripada rukun Islam yang lima, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa.”*

Jelas di dalam ayat tadi, seluruh umat Islam diwajibkan untuk mengerjakan ibadat puasa, barang siapa yang meninggalkan dengan sengaja tanpa ada keuzuran yang diharuskan oleh syarak, bukan sahaja dosa besar baginya bahkan tidak dapat ditebus dengan apa jua cara sekalipun. Tidak boleh ditukar ganti, sekalipun ia berpuasa seumur hidup.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu berkata: bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: sesiapa berbuka satu hari pada bulan Ramadan*

*tanpa ada rukhsah (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat melunaskan (mengganti) puasa yang ditinggalkannya itu, sekalipun dia berpuasa seumur hidup.” (Riwayat Al-Imam At-Termizi).*

Sebelum kita melangkah ke bulan Ramadan Al-Mubarak, kita perlu mempersiapkan diri untuk menghadapinya, antaranya ialah:

Pertama: Mensucikan diri kita dari segala sifat-sifat yang keji dan dibenci oleh Islam dan juga kepada segala sesuatu yang boleh mengganggu hati serta melalaikannya daripada mengingati Allah Subhanahu Wata’ala. Memelihara lidah daripada bercakap-cakap yang kosong, memelihara seluruh anggota tubuh badan yang lain daripada membuat dosa dan daripada segala yang dibenci.

Kedua: Berjihad melawan hawa nafsu, iaitu menanamkan dalam diri keazaman yang tinggi untuk mengejar segala kebaikan di bulan Ramadan. Imam Ghazali pernah berpesan bahawa nafsu tidak dapat dikalahkan melainkan dengan melawannya dengan bersungguh-sungguh dan beristiqamah. Lebih-lebih lagi di bulan Ramadan ini, jihad melawan hawa nafsu itu dapat dilakukan dengan berpuasa.

Ketiga: Sentiasa berdoa memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata’ala, beriman kepada-Nya dan menerima kedatangan bulan Ramadan dengan penuh takwa. Kita mesti yakin bahawa jika kita bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan taubat yang sebenar-benarnya, maka Allah Subhanahu Wata’ala akan membuka pintu rahmat dan menerima taubatnya.

Sedarlah bahawa kita adalah manusia yang tidak pernah lari dari membuat kesilapan dan dosa sama ada dosa besar atau dosa kecil. Oleh itu, adalah elok bagi kita membersihkan diri dengan memohon keampunan dan bertaubat. Jika seseorang mahu bertaubat ketika memasuki bulan Ramadan, maka dia akan keluar dari bulan Ramadan dengan berbekalkan taubat dan keampunan.



Apabila seseorang menyambut Ramadan dengan bertaubat dan sembahyang malam, maka pada bulan-bulan yang lain dia juga akan melakukan sedemikian. Dia akan keluar dari bulan Ramadan dengan membawa puasa bersama Allah Subhanahu Wata'ala, membawa zikir bersama Allah Subhanahu Wata'ala, membawa bacaan Al-Quran bersama Allah Subhanahu Wata'ala, membawa kebaikan bersama Allah Subhanahu Wata'ala, membawa kerinduan, cinta dan ketaatan kepada yang Maha Agung lagi Maha Tinggi. Sebaliknya, apabila seseorang menyambut bulan Ramadan dengan kemaksiatan, maka dia akan melepaskannya dengan kemaksiatan dan apabila dia menyambut dengan kelalaian, maka dia akan melepaskannya dengan kelalaian.

Oleh itu dengan menjelangnya bulan Ramadan ini, jangan lepaskan peluang untuk memohon keampunan kerana Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menerima taubat hamba-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 118 tafsirnya:

*“Sesungguhnya Allah Maha penerima taubat lagi maha pengasih.”*

Dan Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala daripada Allah, akan diampunkan dosanya yang terdahulu.”* (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Sama-samalah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Bulan Ramadan yang akan datang inilah masanya untuk kita melipatgandakan amalan dan mengabdikan diri kepada-Nya. Sesungguhnya bulan yang penuh berkah dan rahmat ini merupakan anugerah dari Allah Subhanahu Wata'ala bagi insan yang terpilih.

Hiasilah diri kita dengan amalan-amalan yang berkebaikan dan jauhilah daripada segala perbuatan yang dilarang, bentuklah ahli keluarga kita menjadi

insan yang bertakwa dengan menunaikan puasa wajib, diiringi dengan amalan-amalan sunat yang digalakkan siang dan malam di sepanjang bulan Ramadan.

Surah Fatir ayat 10 tafsirnya:

*“Sesiapa yang menghendaki kemuliaan maka hendaklah dia memohon kepada Allah kerana kemuliaan itu semuanya milik Allah. Kepada Allah jualah naik (diterima) segala perkataan yang baik dan amalan soleh pula diangkat-Nya naik (diterima). Dan orang-orang yang merancang kejahatan akan ditimpa azab yang berat dan rancangan jahat mereka itu akan binasa.”*

## Tingkatkan amalan di bulan Ramadan

Keluaran Pelita Brunei 11 Jun 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah diberi peluang untuk berada di bulan yang penuh keberkatan ini, iaitu bulan Ramadan Al-Mubarak, bulan yang permulaannya rahmat, pertengahan pengampunan dan penghujungnya terlepas daripada api neraka. Maka kita sebagai umat Islam semestinya menyambut kedatangan bulan Ramadan ini dengan penuh rasa syukur dan gembira kerana berpeluang melipatgandakan amal ibadat di bulan yang dijanjikan pahala berlipat kali ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya puasa adalah ibadat yang istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala kerana ganjaran dan balasan bagi orang yang berpuasa dinilai sendiri oleh Allah Subhanahu Wata'ala sepertimana yang disebutkan dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu katanya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Allah Subhanahu Wata'ala berfirman: Setiap amalan anak Adam adalah untuknya, melainkan puasa, maka sesungguhnya puasa itu adalah untuk Ku dan oleh sebab itu Aku sendirilah yang akan menentukan berapa balasan yang perlu diberikan kepada mereka yang berpuasa.”* (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari).

Kita dituntut untuk meningkatkan amal ibadat lebih-lebih lagi di bulan Ramadan, iaitu dengan memperbanyakkan istighfar, bertaubat, sembahyang sunat, bersedekah, berzikir dan membaca Al-Quran. Begitu juga dengan melatih diri kita

sembahyang berjemaah di masjid. Bayangkanlah jika kita sembahyang berjemaah di luar bulan Ramadan sudah digandakan sebanyak 27 kali ganda, apatah lagi pada bulan Ramadan. Begitu juga dengan amalan, bersedekah yang pada lazimnya gandaan ganjaran yang disebut dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Al-Baqarah ayat 261, tafsirnya:

*“Perbandingan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya, dan Allah Maha Luas lagi Maha Mengetahui.”*

Di samping bersedekah kita juga digalakkan untuk memperbanyakkan berdoa, kerana doa orang yang berpuasa terutama ketika waktu berbuka adalah sangat mustajab, sepertimana yang dinyatakan dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, riwayat Ibnu Majah, maksudnya:

*“Dari Abdillah bin Amru bin Al-Ash katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya bagiku orang yang berpuasa ketika dia berbuka itu adalah waktu berdoa yang tidak akan tertolak.”*

Apa yang perlu diketahui di dalam kita melakukan ibadat puasa ialah mengamalkan perkara-perkara sunat ketika berpuasa, antaranya ialah bersahur. Ingatlah bahawa dalam waktu bersahur itu mempunyai keutamaan dan keberkahannya yang tersendiri. Oleh itu, janganlah kita meninggalkan bersahur walaupun dengan hanya meminum seteguk air. Ketahuilah bahawa adalah afdal kita mengakhirkan waktu bersahur dengan anggaran membaca lima puluh ayat Al-Quran antara waktu sahur dan azan Subuh dilaungkan.

Manakala pada waktu berbuka pula, kita disunatkan menyegerakan berbuka. Dalam pada itu harus diingat janganlah kita berlebih-lebihan makan ketika berbuka, sehingga perut kita terlalu kenyang. Apalah gunanya, kita berpuasa menahan nafsu di siang hari, tetapi gagal mengawal nafsu ketika berbuka. Jika ini

kita jadikan amalan, maka akan hilanglah konsep berpuasa yang melatih individu untuk mengawal diri daripada berlebih-lebihan, sesungguhnya berlebih-lebihan itu merupakan suatu pembaziran yang amat dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 27 tafsirnya:

*“Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang salah) itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya.”*

Matlamat puasa itu bukan semata-mata menjaga kewajipan-kewajipan zahiriyah, bahkan wajib juga menjaga kewajipan batiniah. Antara kewajipan-kewajipan batiniah yang perlu dijaga menurut Imam Ghazali ialah:

Pertama: Menjaga mata daripada memandang perkara yang dilarang oleh Islam dan yang boleh mengganggu hati serta melalaikan diri daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua: Memelihara lidah daripada berkata-kata kosong, bohong, mengumpat, membuat fitnah, mengucapkan kata-kata angkuh, takjub dan riak atau apa-apa pun yang boleh menimbulkan permusuhan.

Ketiga: Menjaga telinga daripada mendengar hal-hal yang dilarang dan dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala, kerana setiap apa yang haram diucapkan, haram pula didengarkan.

Keempat: Memelihara seluruh anggota tubuh badan yang lain daripada membuat dosa dan segala perkara yang dibenci. Begitu juga menahan perut daripada berbuka dengan makanan yang syubhah, kerana apalah gunanya berpuasa dengan menahan lapar dan dahaga, kemudian berbuka dengan makanan yang haram.

Akhirnya marilah kita sama-sama saling berpesan dan ingat-mengingati serta nasihat menasihati di antara satu sama yang lain, akan perkara-perkara yang

telah disebutkan tadi kerana umat Islam itu adalah seperti sebuah bangunan, sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain. Sama-sama kita berdoa semoga puasa kita kali ini adalah puasa yang terbaik daripada yang sebelumnya, dan mudah-mudahan segala ibadah dan amal kebajikan kita diterima Allah Subhanahu Wata'ala, Amin Ya Rabbal Alamin.

## Nuzul Al Quran

Keluaran Pelita Brunei 18 Jun 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Ramadan adalah bulan yang istimewa kerana ganjaran pahala melakukan amal ibadat pada bulan ini akan dilipatgandakan. Bulan Ramadan menjadi lebih istimewa kerana di dalamnya telah berlaku salah satu peristiwa yang paling bersejarah dalam kalangan umat Islam, iaitu turunnya Al-Quran kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Peristiwa ini dikenali sebagai “Nuzul Al-Quran” yang telah berlaku pada 17 Ramadan. Penurunan ini berlaku dengan tujuan untuk membuktikan ketinggian Allah Subhanahu Wata'ala. Al-Quran merupakan salah satu mukjizat agung yang diberikan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara beransur-ansur melalui perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam selama 23 tahun, iaitu 13 tahun diturunkan di Mekah dan 10 tahun di Madinah. Ayat yang mula-mula sekali diturunkan ialah lima ayat daripada Surah Al-Alaq, tafsirnya:

*“Bacalah wahai Nabi Muhammad dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Maha Pemurah. Yang mengajar manusia menulis dengan kalam (pena). Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.”*

Al-Quran diturunkan sebagai pegangan, pedoman dan petunjuk buat sekalian manusia agar hidup sejahtera, aman, tenteram dan selamat di dunia dan di akhirat.

Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajiban kita untuk memelihara, menjaga dan mempertahankan kesucian dan kebenarannya hingga ke akhir zaman.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185, tafsirnya:

“Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah.”

Al-Quran adalah senjata yang paling mujarab yang melimpah ruah, di dalamnya penuh dengan nur hidayah, rahmat dan zikir. Membacanya juga merupakan satu ibadat serta melaksanakan hukum di dalamnya adalah satu kefarduan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus, ayat 57, tafsirnya:

*“Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi penyakit batin yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman.”*

Maka beruntunglah orang yang membaca Al-Quran itu dan menjadikannya sebagai amalan harian, tidak kira di bulan Ramadan ataupun pada hari-hari biasa. Adalah lebih baik jika ayat-ayat Al-Quran itu difahami, untuk diambil pengajaran daripada kadungan dan ajarannya. Pada masa ini kemudahan untuk memahami kandungan Al-Quran itu selain melalui berguru ialah juga dengan membaca kitab-kitab atau buku-buku tafsir yang mudah didapati, bahkan melalui aplikasi telefon bimbit dan juga internet melalui web yang dipercayai.

Sesungguhnya membaca Al-Quran terdapat banyak fadilatnya. Antaranya, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis daripada Ibnu Mas'ud Radhiallahuanhu yang bermaksud:



*“Barang siapa membaca satu huruf daripada kitab Allah (Al-Quran), maka baginya satu kebajikan, dan satu kebajikan menyamai dengan sepuluh. Aku tidak mengatakan Alif, Lam, Mim itu satu huruf tetapi Alif, satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf.”* (Riwayat Al-Imam At Termizi).

Bayangkan, betapa banyak pahala yang kita dapat jika kita amalkan bacaan Al-Quran itu. Satu huruf sudah kita dapat satu pahala, apatah lagi jika kita membaca satu muka ataupun satu juzuk, ataupun membaca Al-Quran sehingga khatam, tentulah lebih banyak lagi pahala yang kita perolehi.

Maka ambillah peluang meraih pahala itu walau sesibuk manapun kita dengan urusan dunia, janganlah sesekali kita lupa atau tidak meluangkan masa untuk membaca Al-Quran walaupun sekadar beberapa ayat dalam sehari.

Sementara bagi orang yang tidak pandai membaca Al-Quran dengan alasan apa jua pun, segeralah belajar. Pada masa ini telah banyak kemudahan yang telah disediakan untuk mempelajari Al-Quran seperti kelas Al-Quran di masjid-masjid, sekolah-sekolah dan sebagainya. Apa yang penting ialah kemudahan dan keazaman untuk mempelajarinya demi kebaikan diri sendiri jua.

Alhamdulillah, di negara kita terutama dalam bulan Ramadan ini banyak aktiviti keagamaan diadakan seperti program tadarus Al-Quran, Majlis Khatam Al-Quran dan sebagainya. Aktiviti seperti ini akan mendorong diri kita untuk lebih dekat lagi dengan Al-Quran. Ketahuilah bahawa ganjaran bertadarus Al-Quran sangat banyak sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Abu Hurairah Radhiallahuanhu yang bermaksud:

*“Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Dan tidak berkumpul satu kaum di suatu rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid) mereka itu membaca Al-Quran dan saling bertadarus antara mereka melainkan diturunkan ke atas mereka ketenangan, diselubungi rahmat, dikelilingi para malaikat dan mereka disebut-sebut Allah pada siapa di sisinya.”* (Riwayat Al-Imam Muslim).

Dengan beradanya kita di bulan Ramadan ini marilah kita merebut peluang untuk mendampingi Al-Quran, mempelajari dan mendalami ilmu di dalamnya. Diharap aktiviti keagamaan akan terus diadakan bukan sahaja di bulan Ramadan bahkan pada bulan-bulan yang lain lebih-lebih lagi dalam usaha kita untuk menjadikan negara kita sebagai Negara Zikir, dan negara yang baik, aman dan makmur serta mendapat pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu 'Baladun Tayyibatun Warabbun Ghafur'.

Surah Al-Anam, ayat 155, tafsirnya:

*“Dan Al-Quran ini ialah kitab yang Kami turunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diberkati maka ikutilah ia dan bertakwalah supaya kamu dirahmati.”*

## Lailatul Qadar

Keluaran Pelita Brunei 25 Jun 2016

**M**ARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Lebih-lebih lagi ketika kita berada di bulan Ramadan yang Mubarak ini. Mudah-mudahan segala amal ibadat kita diterima dan seterusnya kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sekarang kita telah berada di sepuluh malam terakhir bulan Ramadan yang terdapat di dalamnya satu malam yang mempunyai keberkatan dan kelebihan dari seribu bulan, iaitu Lailatul Qadar. Sebagai umat Islam kita hendaklah melipatgandakan lagi usaha kita untuk merebut kelebihan malam tersebut dengan mengerjakan amal ibadat sebanyak mungkin.

Lailatul Qadar merupakan satu malam yang paling utama di antara malam-malam yang lain. Malam di mana Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa-dosa bagi mereka yang beribadat dengan penuh keikhlasan serta mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis, bermaksud:

*“Dari Abi Hurairah Radhiallahuanhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda : Barang siapa mengerjakan ibadat di malam Lailatul Qadar kerana imannya kepada Allah dan kerana mengharapkan keredaan-Nya nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu.”* (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Malam yang istimewa ini dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi memuliakan mereka, bahkan pemberian ini tidak pernah berlaku kepada umat-umat yang sebelumnya. Ini adalah kerana mereka (umat-umat yang sebelumnya) memiliki

nikmat umur yang panjang dalam mengerjakan amal ibadat. Perkara ini telah menyebabkan timbulnya perasaan cemburu dalam diri para sahabat kerana tidak mungkin mereka akan mampu menandingi amalan umat-umat sebelumnya. Oleh sebab itu, Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan Lailatul Qadar.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qadr, ayat 1 - 5 tafsirnya:

*“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatul Qadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatul Qadar itu? Malam Lailatul Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Malam itu penuh kesejahteraan hingga terbit fajar.”*

Banyak riwayat yang mengatakan bahawa Lailatul Qadar berlaku pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Besar kemungkinan ia berlaku pada malam yang angka ganjil, iaitu malam 21, 23, 25, 27 atau malam 29, ini adalah berdasarkan daripada riwayat Abu Said Al-Khudri Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

*“Hendaklah kamu cari ia (Lailatul Qadar) itu pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan dan kamu cari ia pada tiap-tiap malam yang ganjil.”* (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Menurut Imam Syafie, tarikh berlakunya Lailatul Qadar berlaku secara berbeza-beza pada setiap tahun. Jika tahun ini berlaku pada malam 21, pada tahun yang lain pula berlaku pada malam yang lain. Jelas di sini, malam Lailatul Qadar tidak dapat ditentukan secara pasti, akan tetapi di sebalik ketidakpastian ini ada hikmahnya yang sangat besar. Ia membuatkan kita bersungguh-sungguh berusaha untuk mencari malam Lailatul Qadar dengan beribadat setiap malam dengan harapan dapat bertemu dengan malam yang mulia ini, dan bukannya dengan hanya beribadat pada malam yang tertentu sahaja. Terdapat tanda berlakunya Lailatul Qadar itu, antaranya ialah suasana malam yang sunyi dan sepi, penuh

dengan ketenangan serta bercahaya, segar, tidak panas dan tidak sejuk. Keadaan ini berterusan sehinggalah terbitnya waktu fajar. Pada waktu pagi pula, matahari akan naik berwarna putih, tidak memancarkan cahaya atau sinar yang terang.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menghidupkan malam-malam Ramadan dengan melakukan berbagai amalan-amalan kebajikan melebihi dari yang biasa Baginda lakukan pada malam-malam yang lain. Di antara amalan Baginda dalam menyambut kedatangan Lailatul Qadar ialah berikhtiqaf.

Berikhtiqaf ialah satu sunah yang amat tinggi nilainya yang boleh mewujudkan suasana kejiwaan dan memfokuskan fikiran dalam beribadat dan menambahkan keimanan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Selagi mana ia dalam keadaan berikhtiqaf, selagi itulah dia termasuk dalam golongan orang yang beribadat, sekalipun dia tidak melakukan apa-apa jenis ibadat yang lain dalam iktiqafnya. Bahkan orang yang berikhtiqaf itu diberi ganjaran seperti orang yang melakukan kebaikan.

Janganlah kita memandang remeh terhadap segala amalan-amalan sunat, kerana amalan sunatlah yang akan menampal kekurangan serta kecacatan yang kita lakukan dalam amalan fardu yang diwajibkan ke atas kita. Oleh itu, rebutlah peluang keemasan ini dengan memperbanyakkan sembahyang-sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir dan berdoa bagi memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala dosa yang telah dilakukan, dan antara doa yang telah dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam sebuah hadis, bermaksud:

*“Sayidina Aisyah Radhiallahuanha meriwayatkan, aku berkata: Wahai Rasulullah, apakah pandangan tuan hamba sekiranya aku mengetahui suatu malam itu Lailatul Qadar, apakah yang aku katakan (doa) pada malam itu? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: katakanlah (berdoalah): Ya Allah, sesungguhnya Engkau lah yang mengurniakan keampunan terhadap dosa-dosa ku. Engkau lah Maha Pengampun, maka ampunkanlah aku.”* (Riwayat Al-Imam Ahmad).

Surah At-Zumar, ayat 10,tafsirnya:

*“Katakanlah (sampaikanlah firmanKu ini wahai Nabi Muhammad): wahai hamba-hambaKu yang beriman! Bertakwalah kepada Tuhan kamu. Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini akan mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat. Dan bumi Allah ini luas untuk kamu berhijrah. Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabar sahaja akan disempurnakan pahala mereka tanpa batasan.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan Julai 2016**

## Adab ziarah kubur

Keluaran Pelita Brunei 2 Julai 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Lebih-lebih lagi ketika kita berada di bulan Ramadan yang Mubarak ini. Mudah-mudahan segala amal ibadat kita diterima dan seterusnya kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sekarang kita berada di penghujung bulan Ramadan dan beberapa hari lagi akan menjelang Hari Raya Aidilfitri. Ramai di kalangan kita mengambil kesempatan untuk menziarahi tanah perkuburan. Sebenarnya amalan menziarahi kubur adalah amalan yang lazim dilakukan oleh umat Islam di negara ini dan amalan tersebut semakin meningkat semasa bulan Ramadan dan di pagi Hari Raya Aidilfitri. Ziarah ke tanah perkuburan ini, pada hakikatnya tidaklah tertumpu pada bulan Ramadan atau bulan Syawal sahaja, akan tetapi kita digalakkan berziarah ke tanah perkuburan pada bila-bila masa. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah, maksudnya:

*“Dari Abu Mas’ud Radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: pada mulanya aku melarang kamu menziarahi kubur, kini bolehlah kamu menziarahinya kerana sesungguhnya menziarahi kubur itu boleh menzuhudkan (menjadikan hidup tidak dikuasai oleh kemewahan dan keseronokan dunia) dan mengingati akhirat.”*

Sesungguhnya amalan ziarah kubur ini mempunyai tujuan dan hikmahnya tersendiri, antaranya akan menimbulkan perasaan insaf dan taubat di dalam hati tentang menghadapi hari kematian, alam kubur dan alam akhirat, iaitu dengan muhasabah diri, adakah amalan kita sudah cukup untuk dijadikan bekal di dalam alam barzakh dan alam akhirat.



Ziarah kubur juga bertujuan untuk menggembirakan penghuni kubur, lebih-lebih lagi kepada roh kedua ibu bapa kita, iaitu dengan memberi salam, memohon doa-doa agar dilimpahi dengan rahmat dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Perlulah diketahui bahawa doa anak soleh yang sentiasa mendoakan kedua ibu bapa mereka yang telah meninggal dunia akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta ditulis oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai anak yang taat kepada ibu bapanya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: apabila seseorang manusia itu mati, akan terputuslah daripadanya segala amalannya melainkan tiga perkara: sedekah yang berterusan manfaatnya, ilmu yang dimanfaatkan, atau anak yang soleh yang mendoakan baginya.”*

Perlu diingat apabila kita menziarahi tanah perkuburan, jangan pula kita lupa panduan dan adab-adab ziarah kubur yang patut diikuti, antaranya sebelum menziarahi kubur, disunatkan kita berwuduk serta hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dan menutup aurat. Apabila kita sampai di tanah perkuburan, kita disunatkan memberi salam kepada semua ahli atau penghuni kubur seperti:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَإِنَّا إِن  
شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ. أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ.

Ertinya: “Mudah-mudahan Allah melimpahkan salam sejahtera kepada kamu sekalian wahai penghuni kubur orang-orang Mukminin dan Muslimin, dan sesungguhnya Kami ini insyaaAllah akan bertemu kamu, Kami memohon kepada Allah keafiatan untuk Kami dan bagi kamu juga.”

Setelah berada di kubur keluarga yang hendak diziarahi, afdal berdiri di tepi kubur dengan membelakangi kiblat dan menghadapi ke arah muka ahli kubur yang kita ziarahi sambil memberi salam secara khusus seperti “Assalamu’alaikum

wahai ibuku”. Setelah itu disunatkan duduk menghadapi ke arah mukanya serta membaca ayat suci Al-Quran dan menghadiahkan pahala kepada ahli kubur tersebut. Kemudian disunatkan menghadap kiblat dan berdoa semoga Allah mengampuni dosa dan melimpahkan rahmat ke atas roh ahli kubur.

Az-Zakfarani berkata: “Saya pernah bertanya kepada Imam Syafie mengenai bacaan Al-Quran di kubur. Ternyata beliau itu (As-Syafie) adalah membolehkannya.” Demikian juga kenyataan Imam An-Nawawi dalam Syarhul Muhadzab” disunatkan bagi orang ziarah kubur itu membaca ayat-ayat Al-Quran yang mudah-mudahan baginya dan mendoakan mereka setelah membaca ayat-ayat Al-Quran. Al-Qurubi telah menukilkan bahawa Al-Sheikh Izzuddin bin Abdul Salam telah mengeluarkan fatwa bahawa pahala bacaan Al-Quran itu tidak sampai kepada orang mati. Ketika dia telah meninggal, sebahagian sahabatnya bermimpi bertemu dengannya. Mereka bertanya kepadanya: “Wahai Izzuddin, tuan telah berfatwa bahawa pahala bacaan Al-Quran tidak sampai kepada orang yang telah meninggal dunia. Lalu bagaimanakah tuan telah menyaksikan perkara itu?” Izzuddin menjawab: “Saya mengatakan perkara itu ketika masih di dunia, tetapi sekarang saya sudah meninggalkannya. Saya telah menyaksikan adanya kemurahan Allah Subhanahu Wata’ala dalam perkara ini, yakni pahala itu memang sampai kepada orang yang telah meninggal dunia.”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, maksudnya:

*“Dari Ma’kal bin Yasar katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Bacalah Surah Ya Sin untuk si mati kamu.”*

Berkata Al-Qurtubi mengenai hadis ini: “Ia adalah mencakupi bacaan ketika orang akan mati dan juga bacaan di kuburnya.”

Setelah itu disunatkan pula menjirus air dan meletakkan pelepah yang masih hijau serta tumbuh-tumbuhan wangi yang masih basah di atas kubur. Seperti lazimnya di negara kita, amalan bersedekah selalu dilakukan selepas ziarah kubur,

amalan itu sememangnya amalan baik dan terpuji kerana bersedekah adalah antara sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan diniatkan kepada ahli kubur agar pahalanya akan sampai kepada penghuni kubur tersebut. Walau bagaimanapun, janganlah dijadikan bersedekah di kubur itu suatu kewajipan atau kemestian.

Marilah kita sama-sama menjaga adab-adab ziarah kubur dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang, apatah lagi yang boleh merosakkan akidah dan keimanan kita. Mudah-mudahan kesan dari amalan ziarah yang kita lakukan itu dapat memberi keinsafan dan kesedaran kepada kita dengan sentiasa mengingati mati dan segera bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita juga berharap agar penghuni-penghuni kubur akan mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat keampunan serta terhindar dari seksa kubur dan azab api neraka. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Yunus, ayat 25, tafsirnya:

*“Itulah dia kesudahan kehidupan dunia dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayah-Nya kepada sesiapa yang dikehendakinya menurut undang-undang peraturan-Nya ke jalan yang betul lurus yang selamat itu.”*

## Suasana hari raya

Keluaran Pelita Brunei 9 Julai 2016

**D**hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, iaitu istiqamah dalam mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan demikian, mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik dan unggul ('ummatan wasatan') serta mendapat keredaaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan selamat di akhirat.

Kita masih dalam suasana berhari Raya Aidilfitri. Maka dalam bulan Syawal ini, selain kita merayakan Hari Raya Aidilfitri, kita digalakkan untuk melakukan ibadah sunat, iaitu puasa sunat enam hari di bulan Syawal. Adapun puasa enam di bulan Syawal itu bermula pada 2 Syawal, mengerjakannya dengan berturut-turut adalah lebih afdal dan utama. Walau bagaimanapun, tidak menjadi kesalahan jika puasa enam itu dilakukan secara berselang hari atau dibuat pada bila-bila masa asalkan di bulan Syawal.

Sesungguhnya ganjaran bagi orang yang mengerjakan puasa enam hari di bulan Syawal setelah berpuasa sebulan Ramadan, seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun. Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bermaksud:

*Dari Abu Ayub al-Ansari Radhiallahuanhu, ia menceritakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun." (Riwayat al-Imam Muslim).*

Puasa sunat enam pada bulan Syawal sunat dikerjakan oleh orang yang telah mengerjakan puasa Ramadan sebulan penuh dan juga sunat dikerjakan oleh orang yang tidak berpuasa penuh di bulan Ramadan disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syarak. Manakala bagi orang yang sengaja meninggalkan puasa,

Ramadan tanpa keuzuran syarak, hukumnya adalah haram melakukan puasa sunat enam selagi belum mengqada puasa itu.

Dalam merayakan hari raya, memang sudah menjadi kelaziman masyarakat di negara kita untuk menghulurkan sedekah atau pemberian duit raya. Amalan ini adalah amalan yang baik kerana ia berkonsepkan sedekah atau pemberian. Sememangnya agama kita sangat menggalakkan kita bersedekah atau memberi sumbangan dan menjadikannya sebagai budaya dan kebiasaan.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261, tafsirnya:

*“Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas rahmat dan limpah kurnia-Nya lagi mengetahui.”*

Dengan amalan bersedekah atau pemberian itu boleh membentuk akhlak yang luhur serta sifat yang mulia seperti melahirkan sifat pemurah, berlemah lembut dan belas kasihan terhadap saudaranya yang memerlukan. Bersedekah atau memberi sumbangan juga adalah jalan keluar bagi meringankan beban hidup golongan fakir dan miskin kerana kesusahan mereka diambil perhatian dan mendapat hak yang sewajarnya.

Selain itu, dengan bersedekah atau memberi sumbangan dapat mengeratkan ukhuwah islamiah (persaudaraan Islam), dapat menghilangkan rasa iri hati di antara kita khasnya di kalangan orang-orang yang susah terhadap orang yang hidup senang, dengan ini dapat mengurangkan jurang perbezaan antara kita.

Manakala pemberian duit raya, bukan sahaja menambahkan pahala, bahkan lebih daripada itu melahirkan kepuasan, kenikmatan dan kegembiraan, melihat

wajah anak-anak kecil yang kita berikan duit raya itu. Mungkin dengan pemberian itu dapat membantu perbelanjaan keluarganya yang memerlukan.

Walau bagaimanapun, pemberian duit raya itu bukanlah satu kemestian sehingga berasa malu jika tidak memberinya. Selain itu, sebagai ibu bapa atau penjaga juga adalah berperanan untuk memahami dan mendidik anak-anak supaya berkunjung ke rumah saudara-mara dan sahabat handai, bukanlah untuk mengharapkan duit raya semata-mata. Jika tidak diberikan duit raya janganlah tuan rumah itu dikatakan kedekut, bakhil dan sebagainya.

Dalam keghairahan kita meraikan hari raya, jangan pula kita sampai lupa akan kewajipan kita sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu sembahyang fardu lima waktu. Jika telah masuk waktu sembahyang, tunaikanlah sembahyang terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan. Jika telah masuk waktu sembahyang semasa dalam perjalanan singgahlah di masjid-masjid, surau-sarau ataupun balai-balai ibadat yang berhampiran.

Alhamdulillah dalam suasana kita menyambut hari raya ini, rakyat dan penduduk di negara ini rasa beruntung kerana dapat meraikan dua perayaan di bulan Syawal ini, iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-70 Tahun.

Oleh itu, kita menyeru kepada para jemaah sekalian, bersempena dengan perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-70 Tahun ini, marilah kita hadir ke masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bagi sama-sama membaca Surah Ya Sin, Tahlil dan Doa Kesyukuran pada hari Khamis, 14 Julai 2016 dengan niat mudah-mudahan Raja yang kita kasihi akan dilanjutkan usia, sihat walafiat dan kekal karar memerintah negara di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala terhadap kedaulatan Raja boleh berhasil menerusi doa terhadapnya. Adapun berdoa untuk Raja, untuk para pemimpin Islam dan untuk kaum Muslimin sejagat adalah amalan tradisi bagi masyarakat Islam di negara kita. Amalan seperti ini merupakan identiti berharga serta keunikan bagi Negara Brunei Darussalam yang sepatutnya terus dipertahankan sampai bila-bila kerana ia selari dengan tuntutan agama.

Akhirnya marilah kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga Raja kita dilanjutkan usia, sihat walafiat dan memimpin negara dengan petunjuk dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan negara kita serta sekalian rakyat dan penduduk akan hidup aman dan makmur di bawah kepemimpinan baginda yang bijaksana. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Mukmin, ayat 60, tafsirnya:

*“Dan Tuhan kamu berfirman: berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.”*

## Sempena Hari Keputeraan

Keluaran Pelita Brunei 16 Julai 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana agama Islam mula bertapak di Negara Brunei Darussalam pada Kurun Ke-14, iaitu kira-kira 600 ratus tahun yang lalu dan menjadi agama rasmi dan anutan Raja-Raja dan pembesar-pembesar negara serta rakyat negara ini. Bahkan ia telah mempengaruhi cara dan corak kehidupan masyarakat Brunei dari dahulu hinggalah sekarang.

Pengaruh yang paling besar ialah falsafah dan konsep Melayu Islam BeRaja atau lebih dikenali sebagai 'MIB'. Ia merupakan asas kenegaraan kita bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang mengamalkan cara hidup dengan nilai-nilai kebudayaan Melayu yang berpandukan agama Islam sebagai agama rasmi negara, menurut akidah Ahli Sunnah Waljemaah, Mazhab Syafie yang menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul kerana agama Islam adalah agama yang benar dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 19 tafsirnya:

*“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.”*

Kita juga bersyukur kedaulatan negara, rakyat dan penduduk negara ini sentiasa di dalam nikmat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Negara kita juga sentiasa terpelihara, aman dan sejahtera di bawah pemerintahan, pemedulian dan keprihatinan Raja yang sentiasa mengutamakan kebajikan serta keharmonian negara. Baginda juga adalah Raja yang sentiasa menitikberatkan ajaran Islam dan hukum-hukum Allah dalam pentadbiran dan undang-undang negara.



Oleh yang demikian, janganlah kita lupa bahawa nikmat-nikmat ini tidak akan kekal selama-lamanya seandainya tidak dijaga dan dipelihara. Bahkan boleh mengundang azab atau bala bencana. Bukankah Allah Subhanahu Wata'ala telah menerangkan kepada umat Islam bahawa kunci untuk mengekalkan nikmat tersebut adalah dengan menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala sepertimana janji Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7, tafsirnya:

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmatKu tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azabKu sangat keras.”*

Sesebuah negara sememangnya memerlukan seorang ketua negara dan pemerintah atau keRajaan bagi memimpin rakyat menuju keamanan dan kesejahteraan. Kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam amatlah beruntung kerana mempunyai seorang Raja yang adil lagi bijaksana yang berusaha membangun serta memajukan negara kita seiring dengan negara-negara lain di dunia ini dalam berbagai bidang seperti bidang agama, politik, ekonomi, kesihatan dan lain-lain lagi.

Maka sesuai pula dengan ajaran agama, bahawa kita sebagai rakyat mestilah mentaati segala perintah dan kepimpinan Raja atau Ulil Amri, kita hendaklah melaksanakan dengan sempurna, jujur dan amanah, sentiasa memberikan sokongan dan dukungan yang padu bagi mewujudkan sebuah negara yang maju dan berjaya supaya kita selamat di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 59 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul Allah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu.”*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada mengingatkan kita untuk mentaati pemimpin selagi arahan tersebut tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam, sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada Abdullah Radhiallahuanhu katanya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, yang maksudnya:

*“Mendengar dan taat kepada ketua adalah menjadi kewajipan ke atas orang Islam sama ada yang disukainya dan yang tidak disukainya selagi ia tidak diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, tiadalah boleh mendengar dan taat.”*

Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa hari ini genaplah usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun. Bagi memanjatkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati serta melanjutkan usia baginda, adil berdaulat menaungi nusa, memimpin rakyat kekal bahagia dengan sentiasa mendapat rahmat dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Baqarah, ayat 186, tafsirnya:

*“Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenaiKu maka beritahu kepada mereka: sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir kepada mereka. Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanKu dengan mematuhi perintahKu, dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran.”*

## Pendidikan anak kewajipan ibu bapa

Keluaran Pelita Brunei 23 Julai 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Ilmu pengetahuan itu amat berharga, dan ilmu itu dapat diperolehi dari berbagai kaedah dan salah satu daripadanya ialah melalui pendidikan. Sesungguhnya ilmu itu nilainya tinggi melebihi harta duniawi. Realitinya jika seseorang mempunyai harta yang banyak, masyarakat akan beranggapan mereka hidup dalam kemewahan berbanding orang lain, dan kemewahan dan harta yang banyak jika disertai dengan ilmu, akan lebih memberi manfaat dengan mempergunakannya berpandukan kepada ilmu khususnya ilmu keagamaan.

Ilmu yang diperolehi melalui pendidikan adalah satu keperluan bagi perkembangan otak manusia. Sehebat mana pun akal pemikiran seseorang itu, pastinya memerlukan pendidikan sama ada diperolehi secara formal ataupun tidak formal. Justeru, mendapatkan ilmu menerusi pendidikan adalah salah satu proses utama untuk kita mengharungi kehidupan ini.

Sesungguhnya Islam meletakkan usaha ke arah menuntut ilmu di tempat yang amat penting yang mana ditegaskan dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah, maksudnya:

*“Daripada Anas bin Malik ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: menuntut ilmu adalah satu kefarduan ke atas setiap Muslim.”*

Tanpa ilmu, manusia boleh membuat kesilapan, sering tersesat, mudah tertipu dan terjerumus ke arah penyesalan. Sebagai ibu bapa adalah bertanggungjawab

untuk memberikan didikan yang sempurna kepada anak-anak kerana anak-anak merupakan penerus generasi akan datang, bukan setakat menyediakan makanan, pakaian, tempat tinggal dan memberikan kasih sayang sahaja. Semuanya ini bermatlamat bagi memastikan bahawa ia membawa kesejahteraan hidup dan kedudukan yang tinggi di dunia dan juga di akhirat kepada anak-anak.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadalah, ayat 11 tafsirnya:

*“Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”*

Perlu diingat bahawa ibu bapa kanak-kanak dan penjaganya hendaklah memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka dan menyekolahkan mereka. Perlu diingat bahawa adalah hak kanak-kanak untuk memperolehi pendidikan atau pelajaran. Pendidikan wajib secara formal adalah sangat penting kerana melalui pendidikanlah corak kehidupan yang sejahtera.

Menyedari akan hakikat ini, maka berikanlah perhatian terhadap proses pendidikan anak-anak seawal mungkin. Pendidikan yang diberikan hendaklah merangkumi pendidikan akidah, ibadat dan akhlak. Didikan yang sempurna pula merangkumi pengajaran dan pembelajaran berbagai amalan yang turut melengkapi keperluan hidup kanak-kanak khususnya dari segi rohani, jasmani, emosi, intelektual yang turut meliputi penguasaan kemahiran menulis dan membaca. Kemahiran menulis dan membaca adalah kemahiran yang terungkap pada wahyu pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu Iqra' di mana ayat ini telah menegaskan bahawa bagi mendapatkan ilmu adalah dengan membaca.

Perkara ini menunjukkan bahawa kemahiran menulis dan membaca adalah kunci kepada mendapatkan ilmu pengetahuan dan merupakan kunci kepada memahami, menghayati kandungan kitab suci Al-Quran yang di dalamnya mengandungi berbagai pengetahuan dan ilmu yang berguna kepada manusia. Malah kemahiran

menulis dan membaca juga adalah cara berkesan dalam mengajar dan menyebarkan ilmu dan maklumat yang bermanfaat kepada seluruh masyarakat.

KeRajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pula dalam memastikan bahawa semua kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan yang sempurna telah mewujudkan Akta Pendidikan Wajib yang mula dikuatkuasakan sejak tahun 2007, manakala Perintah Pendidikan Agama Wajib mula dikuatkuasakan sejak tahun 2012. Ini adalah usaha negara melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memastikan semua kanak-kanak mengikuti persekolahan umum dan bersekolah agama.

Melalui Akta Pendidikan Wajib ini, para ibu bapa yang gagal menghantar ke sekolah, anak mereka yang telah cukup umur wajib bersekolah akan dikenakan hukuman denda kewangan atau boleh dikenakan hukuman yang lebih berat. Perintah itu antara lain bertujuan memastikan kanak-kanak berumur di antara 6 dan 15 tahun di negara ini menerima pendidikan rendah dan menengah sama ada di sekolah keRajaan ataupun swasta secara berdaftar rasmi serta menerima pendidikan yang bersesuaian di sekolah. Kemudian tidak setakat itu ibu bapa dan penjaga kanak-kanak perlu pula memastikan kehadiran atau kedatangan anak-anak mereka itu ke sekolah mengikuti jadual pelajaran sekolah.

Apa yang penting, semua ibu bapa dan ahli keluarga perlu sama-sama menanai amanah dan tanggungjawab ini supaya negara akan mampu menghasilkan modal insan yang benar-benar boleh membawa negara ke tahap pembangunan yang lebih baik dan berkesan bagi membentuk dan mengembangkan minda, jiwa dan rohani ke arah mengenali diri dan mencapai tahap kehidupan bermasyarakat yang sempurna.

Dalam pada itu, harus juga diingat bahawa setakat menghantar anak-anak ke sekolah sahaja belumlah dikira memadai di mana pendidikan yang khususnya bersifat 'Tarbiyah Islamiyah' hendaklah dimulakan dari rumah lagi di mana ibu bapa memainkan peranan utama menerapkan atau mengajar pengetahuan asas agama seperti membaca 'Basmallah' ketika melakukan sesuatu atau ketika hendak

makan atau minum, membaca dua kalimah syahadat, memberi salam, mendirikan sembahyang lima waktu dan lain-lain lagi. Perkara ini jika diperhatikan merupakan perkara remeh-temeh bagi sebilangan masyarakat, namun harus diingat perkara ini adalah persediaan awal dan tepat dalam menyemaikan roh Islam ke dalam jiwa kanak-kanak.

Bersempena dengan musim penggal ke-3 persekolahan pada tahun 2016 ini, adalah diharapkan para ibu bapa serta penjaga mereka akan terus merangsang anak-anak mereka supaya mencintai ilmu kerana sesungguhnya ilmu merupakan alat atau senjata paling berkesan untuk mencapai kemajuan serta kejayaan dalam hidup. Pendidikan agama dan akademik hendaklah juga diberikan penekanan yang seimbang memandangkan kedua-duanya merupakan cabang ilmu yang diperlukan bagi mendapatkan kebahagiaan serta kesempurnaan dalam menjalani kehidupan dunia dan akhirat.

Surah At- Tahrim, ayat 6 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras layanannya, mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa jua yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan.”*

## **Amalan pemakanan sihat tanggungjawab semua**

Keluaran Pelita Brunei 30 Julai 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Syawal disambut di negara ini dengan semangat yang tinggi dan masing-masing menghulurkan tangan memohon maaf atas segala kesalahan dan kekhilafan yang dilakukan. Walaupun Syawal sudah pun tiba kepada penghujungnya, namun amalan kunjung-mengunjungi dan menjamu selera masih diteruskan. Sememangnya kita digalakkan untuk saling kunjung-mengunjungi dan menjamu tetamu yang datang. Akan tetapi kita janganlah lupa bahawa agama kita mengajarkan untuk mengamalkan gaya hidup bersederhana. Ini termasuk bersederhana dalam pengambilan makanan dan minuman.

Sesungguhnya makan dan minum secara berlebihan, bukan sahaja menyebabkan ketidakselesaan pada tubuh badan, malahan juga boleh menjejaskan kesihatan. Makanan yang berlebihan terutama pengambilan makanan yang kaya dengan gula dan karbohidrat akan mendatangkan rasa letih, malas, penat dan mengantuk. Makanan berkarbohidrat seperti nasi, mee atau tepung mengandungi kanji akan dihadam menjadi glukosa. Hal yang sedemikian juga akan menyebabkan paras gula dalam darah meningkat tinggi dan boleh menyebabkan penyakit kencing manis.

Dengan amalan kunjung-mengunjungi sambil menjamu selera secara tidak langsung kita akan makan secara berlebihan dan mengambil lebih banyak kalori daripada yang diperlukan. Jika itu tidak dikawal, ia akan memudaratkan kesihatan tubuh badan. Maka hal itu tidak selaras dengan ajaran agama kita yang meletakkan kesihatan dan kesejahteraan itu di tempat yang tinggi selepas keimanan, Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, maksudnya:

*“Dari Abu Bakar Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan, kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik daripada kesihatan yang diberikan kepada seseorang selepas iman.”*

Baru-baru ini kita mendengar Laporan Pemakanan Global 2016 yang menempatkan Brunei Darussalam sebagai negara yang mempunyai *ranking* atau tahap tertinggi bagi obesiti ataupun berat badan berlebihan dalam kalangan orang dewasa di rantau ASEAN. Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan baginda sempena Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini telah bertitah mengenai perangkaan obesiti di negara ini amat mencemaskan dan tidak dapat dipandang ringan, melainkan kita perlu mendisiplinkan diri dari sekarang untuk mengatasi gejala ini daripada terus meningkat.

Perkara ini sangat mendukacitakan apatah lagi Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk menjadikan negara ini menjadi antara 10 yang mempunyai kualiti hidup yang tertinggi di dunia.

Sehubungan ini, rakyat sihat yang mempunyai nilai tinggi terhadap agama dan negara adalah diperlukan untuk menjadi sumber tenaga manusia yang lebih berdaya tahan dan produktif yang sudah setentunya meningkatkan kemahiran dan ekonomi negara.

Oleh yang sedemikian, marilah kita sama-sama menjaga dan berhati-hati dalam pemilihan pemakanan pada setiap masa kerana usaha mencegah itu lebih baik daripada mengubati dan Islam sendiri menganjurkan umatnya agar dapat membuat keseimbangan dalam pengambilan pemakanan, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Termizi, maksudnya:



*“Tidaklah memenuhi anak Adam itu sebuah bejana atas bekas yang lebih jahat (hina) melainkan memenuhi perutnya. Sekiranya ia makan memadai dengan suapan yang kecil yang mampu mendirikan (menguatkan) tulang sulbi (tulang belakangnya). Sekiranya dia dikuasai oleh nafsunya, maka hendaklah diisi perutnya dengan sepertiga untuk makanan, sepertiga untuk minuman dan sepertiga untuk nafasnya.”*

Ingatlah wahai kaum Muslimin, untuk kekal sihat, cergas dan cerdas, kita hendaklah mengamalkan cara hidup sihat setiap masa. Antara cara-cara menjaga kesihatan yang boleh diamalkan ialah seperti:

- Melakukan kegiatan-kegiatan aktif sekurang-kurangnya 30 minit sehari seperti bersenam, membersihkan halaman rumah dan seumpamanya.
- Mengamalkan minum air putih sekurang-kurangnya lapan gelas sehari.
- Mengurangkan minum minuman bergas.
- Bagi minuman panas seperti teh atau kopi, kurangkanlah gula dalam minuman tersebut.
- Menggantikan susu pekat manis kepada susu rendah lemak dalam penyediaan minuman.
- Amalkan memakan sayur-sayuran dan buah-buahan.
- Utamakan masakan makanan tanpa menggunakan santan atau memasak dengan minyak yang sedikit.

Ketahuilah bahawa menjaga kesihatan bukan setakat merawat penyakit yang dihadapi, tetapi ia juga bermaksud menjauhkan diri daripada melakukan apa jua perkara-perkara yang boleh menjejaskan kesihatan kita sama ada dari segi jasmani mahupun rohani. Sebahagian orang ada yang masih tidak mengambil endah untuk menjaga pemakanan, malah ada yang berkata “Jangan watir..... ubat ada.”

Ini jelas bercanggah dengan perintah Allah Subhanahu Wata’ala agar kita tidak melakukan sesuatu yang mendatangkan mudarat kepada diri sendiri, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 tafsirnya:

*“...dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan...”*

Adalah menjadi kewajiban kita untuk menjaga kesihatan diri sendiri, keluarga dan masyarakat kerana tanpanya nikmat hidup akan berkurangan. Tanggungjawab dan usaha menaikkan tahap kesihatan seharusnya disokong dan didukung oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Akhirnya marilah kita sama-sama menitikberatkan pengambilan pemakanan yang seimbang dan mengamalkan cara hidup yang sihat. Semoga dengan kesihatan yang dinikmati, kita akan dapat melakukan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Surah Al-A'raf, ayat 31, tafsirnya:

*“Serta makanlah dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan Ogos 2016**

## Berwaspada dalam perniagaan

Keluaran Pelita Brunei 6 Ogos 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam sangat menggalakkan umatnya untuk mencari rezeki dengan titik peluh sendiri seperti melalui usaha bidang pertanian atau perniagaan. Namun dalam bidang perniagaan, kita hendaklah berhati-hati dengan mengikut syarat-syarat perniagaan atau jual beli yang telah ditentukan oleh syarak. Tidak dinafikan di antara kita yang ingin hidup senang dan mewah dengan cara yang mudah dan cepat.

Sebagaimana yang kita ketahui, penipuan kewangan ataupun diistilahkan sebagai Skim Cepat Kaya bukanlah perkara baharu yang kita dengar, malahan ia sering berlaku dan akan terus berlaku akibat daripada perbuatan individu atau kumpulan tertentu yang merancang untuk melakukan penipuan kewangan tersebut. Pelaburan seperti ini nyata salah dari segi undang-undang apatah lagi dari segi hukum syarak. Ia juga mungkin berlaku akibat daripada kelalaian dan sifat tamak individu-individu tertentu yang menginginkan keuntungan dengan mudah dan cepat tanpa melihat kehalalan pendapatan yang diperolehinya.

Oleh itu, adalah menjadi perkara sia-sia dan mendatangkan dosa apabila kita terlibat sama dengan aktiviti pelaburan seperti ini sama ada secara langsung ataupun tidak. Bagi mengelakkan perkara ini terus berlaku, maka amatlah penting supaya perniagaan berbentuk pelaburan tersebut dikenal pasti berdaftar dan diperakui oleh pihak berkuasa berdasarkan undang-undang demi menjaga kemaslahatan umat khasnya orang-orang Islam agar pendapatan yang diperolehi adalah halal lagi baik dan mendapat berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah

Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 168 tafsirnya:

*“Wahai manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya ia (syaitan) adalah musuh yang nyata bagi kamu.”*

Mereka yang melakukan penipuan kewangan melalui skim yang tidak sah dari segi undang-undang itu begitu licik dan akan sentiasa mencari jalan mudah untuk meyakinkan perniagaan tersebut benar-benar menguntungkan seperti menggunakan daya tarikan media internet, Facebook dan WhatsApp dan menjanjikan pelbagai keuntungan, kekayaan, pendapatan besar dan kenikmatan yang bakal dimiliki oleh mereka yang mengikuti perniagaan tersebut. Kita hendaklah berhati-hati dan sering bertanya serta merujuk kepada pihak berkuasa apabila menerima sebarang tawaran atau maklumat mengenai skim-skim tersebut.

Apa yang amat menyedihkan ialah terdapat dalam kalangan masyarakat Islam kita terpengaruh dengan skim-skim penipuan kewangan ini, tanpa memikirkan hasil pendapatan yang diperolehi ini adalah halal atau sebaliknya. Apa yang membimbangkan lagi hasil pendapatan tersebut dibelanjakan pula untuk memberi nafkah isteri, anak-anak dan keluarga seperti makan minum, pakaian dan tempat tinggal.

Sesungguhnya makanan yang tidak halal dan syubhah sangat bahaya kerana boleh menjauhkan seseorang dari orang yang berbuat kebajikan, meninggalkan dan mengeraskan hati serta memberatkan hati untuk melakukan kebajikan, menjadikannya lupa akan akhirat dan mencintai di dunia sahaja.

Skim pelaburan kewangan seperti ini tidak memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat jual beli dalam Islam, antaranya:

Pertama: Akidah jual beli yang tidak jelas.

Kedua: Barang perniagaan yang diragukan kesihatannya dari segi undang-

undang dan hukum syarak, dan mendatangkan unsur-unsur syubhah yang membawa kepada hukum haram.

Ketiga: Jahalah (tidak diketahui atau kekurangan maklumat) dan Gharar (ketidakpastian) merupakan unsur penipuan dan sudah pasti mewujudkan ketidakpatuhan syarak dan berdosa apabila dilakukan. Unsur Jahalah berlaku kerana skim itu tidak diketahui dengan jelas identiti pengurusan dana atau syarikat, tiada lesen untuk membuktikan kewujudan mereka dan tanggungjawab mereka terhadap skim tersebut. Berjual beli dan melabur tanpa mengetahui pengurusannya boleh menyebabkan akad terbatal disebabkan satu daripada syarat sah akad tidak dipenuhi. Sesungguhnya Islam melarang keras jual beli yang berunsurkan penipuan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Maksudnya: *“Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: bukanlah dari golongan kami orang yang menipu.”* (Hadis riwayat Imam Muslim).

Maka kita sewajarnya berwaspada dalam apa jua bentuk taruhan skim pelaburan meragukan yang menjanjikan pulangan keuntungan yang lumayan dan berlaku dalam jangka waktu yang singkat. Bahkan kita tidak pasti apakah tujuan pelaburan tersebut sebenarnya dan kita hendaklah berusaha sedaya upaya untuk tidak bersyubhah atau terlibat dengan kegiatan pelaburan yang menyalahi undang-undang seperti perjudian, pelacuran, rasuah dan seumpamanya.

Bagi mengelakkan diri kita dari menjadi mangsa penipuan kewangan ini, kita hendaklah sentiasa berwaspada dengan berpandukan kepada hukum syarak dan mematuhi undang-undang negara. Oleh itu, mana-mana skim yang ditawarkan kepada orang ramai di negara ini hendaklah dirujuk kepada pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). Apa yang penting adalah kita diwajibkan untuk mencari rezeki daripada sumber yang halal agar kita mendapat berkat dan kebaikan hidup di dunia dan di akhirat seperti mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata’ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 29 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang bathil (seperti makan riba, merampas, menipu dan berjudi), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.”*

## Ibadah haji wajib dikerjakan umat Islam

Keluaran Pelita Brunei 13 Ogos 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita sekarang berada dalam bulan Zulkaedah. Pada bulan ini bakal tetamu Allah akan bertolak ke tanah suci untuk mengerjakan ibadah haji. Setentunya mereka sudah membuat persiapan yang rapi bagi memastikan pemergian ke tanah suci itu akan memperolehi haji yang mabrur. Bayangkan, mengerjakan amal ibadah di Masjid Nabawi di Madinah dilipatgandakan pahalanya sehingga seribu kali ganda dan di Masjidil Haram di Mekah digandakan pahalanya sehingga 100 ribu kali ganda. Peluang seumpama ini tidak akan kita perolehi selain di dua kota suci itu. Oleh itu, rebutlah peluang ini untuk mengaut pahala yang berlipat ganda. Mudah-mudahan ibadah haji yang dikerjakan itu akan diterima dan mendapat balasan syurga daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu: Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Satu umrah kepada umrah yang lain adalah kafarah (menghapuskan segala dosa) di antara keduanya dan haji yang mabrur (diterima) itu tiada balasan baginya selain syurga.”* (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Selain itu, para (Dhuyufurahman) diberi kelebihan di mana doa-doa dan permohonan mereka tidak ditolak oleh Allah Subhanahu Wata'ala, sesuai dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:



*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu, dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bahawa Baginda telah bersabda: Orang-orang yang menunaikan haji dan umrah itu adalah tetamu Allah. Jika mereka berdoa kepada-Nya, nescaya Allah akan memakbulkannya, jika mereka memohon keampunan kepada-Nya, nescaya Allah mengampunkan mereka.”* (Hadis riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Ibadah haji adalah rukun Islam yang kelima yang wajib dikerjakan oleh setiap orang Islam yang berkemampuan yang sudah mencukupi syarat-syaratnya. Bakal jemaah haji perlu mempunyai persiapan yang rapi sama ada ilmu pengetahuan, kesihatan dan bekalan perbelanjaan yang mencukupi untuk diri sendiri dan orang-orang yang di bawah tanggungan yang ditinggalkan.

Sebagaimana yang dimaklumi bakal jemaah haji di negara ini telahpun mengikuti kursusKursus ibadah haji dengan mempelajari segala rukun-rukun haji, wajib-wajib haji, sunat-sunat haji dan segala adab dan perkara-perkara yang boleh membatalkan ibadah haji. Mudah-mudahan dengan ilmu yang telah dipelajari akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan tidak terikut-ikut atau meniru-niru apa orang lain lakukan, tanpa berpandukan ilmu yang dipelajari.

Para bakal jemaah haji juga perlu memastikan kesihatan masing-masing dengan mengamalkan cara hidup sihat, menjaga pemakanan, rehat yang cukup, mengikut arahan atau nasihat doktor perubatan dan lain-lain. Kesihatan itu sangat penting bagi memastikan bakal-bakal jemaah haji dapat melaksanakan pekerjaan-pekerjaan haji atau umrah dapat dilaksanakan dengan sempurna. Apatah lagi, pekerjaan-pekerjaan ibadah haji dan umrah tersebut sebahagian besarnya memerlukan tenaga yang bukan sedikit.

Untuk mengerjakan ibadah haji bukanlah suatu perkara yang mudah dan memerlukan wang perbelanjaan yang mencukupi. Oleh itu, kita hendaklah mempunyai perancangan awal seperti membuat wang tabungan untuk melaksanakan ibadah haji. Dengan usaha yang demikian, tidak mustahil kita sebagai umat Islam dapat melaksanakan rukun Islam yang kelima, iaitu menunaikan Fardu Haji.

Setiap musim haji, ibadah menyembelih binatang korban merupakan ibadah sunat yang sangat dituntut oleh agama Islam untuk menzhahirkan rasa syukur atas nikmat rezeki yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ibadah korban boleh dilaksanakan secara persendirian mahupun berkumpulan, sama ada di rumah-rumah, di masjid-masjid atau di pejabat-pejabat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surat Al-Kausar, ayat 2, tafsirnya:

*“Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban kerana mensyukuri nikmat-nikmat-Nya.”*

Sesungguhnya ibadah korban mendidik kita supaya bersifat pemurah dan dermawan, kerana sebahagian besar dagingnya akan disedekahkan kepada fakir miskin dan orang-orang yang memerlukan. Apa yang membanggakan, ada di antara kita yang berusaha menabung atau menyimpan wang sedikit demi sedikit dengan tujuan ingin melaksanakan ibadah korban tersebut.

Memandangkan ibadah korban akan dilaksanakan pada 10 hingga 13 Zulhijjah, maka bagi yang hendak melaksanakan ibadah korban pada tahun ini, masih ada kesempatan dan peluang untuk melaksanakannya sama ada secara persendirian atau berkumpulan. Ketahuilah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran yang lebih baik terhadap ibadah korban yang telah dilaksanakan oleh hamba-hamba-Nya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

*“Berkata Abu Isa: dan diriwayatkan dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: Orang yang berkorban itu akan dikurniakan bagi setiap bulu binatang korbannya dengan satu kebajikan.”* (Hadis Riwayat Al-Imam At-Tirmizi).

Akhirnya, marilah kita sama-sama memanjatkan doa, agar bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam khasnya dan jemaah haji seluruh dunia amnya akan dapat melaksanakan ibadah tersebut dengan sempurna, selesa dan sentiasa di bawah lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat haji yang mabrur. Amin Ya Rabbal Alamin.

Dari Surah An-Nahl, ayat 18, tafsirnya:

*“Dan jika kamu menghitung nikmat yang dilimpahkan kepada kamu, tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu per satu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi.”*

## Elakkan permainan melalaikan

Keluaran Pelita Brunei 20 Ogos 2016

**M**ARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam adalah agama yang cukup sempurna mencakupi pelbagai sudut sama ada dari segi kehidupan, syariah, akidah dan juga akhlak seseorang individu. Oleh itu, sebagai umat Islam adalah menjadi kewajipan kita untuk menjaga agama, jiwa, akal, keturunan, harta dan akhlak. Islam juga melarang umatnya melakukan perkara-perkara yang sia-sia dan boleh mendatangkan kemudaratan dan kebinasaan seperti fitnah, perjudian atau permainan yang melalaikan dan seumpamanya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

*“Dari Ibnu Abbas Radhiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: jangalah seseorang itu melakukan kemudaratan dan mengenakan kemudaratan itu kepada orang lain.”* (Hadis riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Dalam peralihan dunia ke zaman informasi dan teknologi maklumat ini janganlah kita mudah terikut-ikut dengan perkembangannya, tetapi kita perlu lebih berhati-hati dalam bertindak serta melakukan sesuatu perkara dengan berlandaskan ajaran Islam. Antara perkembangan teknologi maklumat yang terkini adalah rekaan permainan aplikasi telefon bimbit, iaitu Pokemon Go.

Fenomena aplikasi permainan ini telah menarik perhatian masyarakat dunia khususnya dunia teknologi permainan dan baru-baru ini telah dilancarkan aksesnya di Negara Brunei Darussalam. Permainan ini merupakan aplikasi

permainan telefon mudah alih yang menggunakan teknologi realiti berperantara dan perisian berasaskan lokasi. Dalam pada itu, kita melihat perkembangan semasa trend permainan ini dari pelbagai sudut termasuk keagamaan, kemasyarakatan, perindustrian, sosial dan kemanusiaan.

Perlu disedari bahawa permainan ini boleh mengancam pemain kerana mendedahkan lokasi pemain kepada pihak-pihak yang mengambil kesempatan. Ini termasuklah ancaman pengodam, pencerobohan ruang peribadi dan ancaman jenayah rompak dan curi. Permainan ini berisiko membawa pemain ke kawasan-kawasan terlarang dan terkawal seperti stesen minyak, stesen elektrik, pangkalan tentera dan seumpamanya. Ia juga dipercayai boleh mendedahkan bahagian keselamatan negara kepada dunia luar. Permainan ini juga boleh menjejaskan nilai kemurnian dan kesucian tempat-tempat ibadat apabila pemain aplikasi berkenaan memasuki premis masjid semata-mata untuk bermain, bukannya untuk beribadat.

Umat Islam di negara ini hendaklah membetulkan niat dan iktikaf ketika kawasan masjid, surau dan balai ibadat di mana niat utamanya adalah untuk beribadat, beriktikaf, berzikir dan meraih keberkatan serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan bukanlah untuk lalai dan leka dengan permainan dan urusan dunia atau perkara-perkara yang merugikan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbia, ayat 1, tafsirnya:

*“Telah dekat kepada manusia waktu hisab mereka (Hari kiamat) sedang mereka dalam keadaan lalai lagi berpaling daripada beriman kepada-Nya.”*

Kita hendaklah berhati-hati, berwaspada dan mengawal diri, anak-anak serta keluarga daripada terjebak kepada kelalaiian, kerosakan, bahaya dan juga pelbagai kemudaratan akibat kelekaan bermain permainan tersebut yang boleh membawa kebinasaan. Ingatlah akan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195, tafsirnya:

*“Dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu dalam kebinasaan dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan.”*

Hindarilah daripada menganjurkan atau menyertai perkumpulan bermain permainan tersebut di tempat awam kerana ia boleh mengganggu orang ramai dan boleh mendatangkan bahaya seperti kemalangan lalu lintas dan termasuk bersesak-sesak. Begitu juga bermain di rumah atau di mana-mana sahaja boleh melalaikan dan boleh pula menyebabkan hal-hal yang buruk terjadi. Di samping itu juga, ia boleh menjejaskan keharmonian dan kemaslahatan hidup bermasyarakat dan bernegara.

Kita berharap rakyat di negara ini akan sama-sama memberikan reaksi yang positif dalam mengawal obsesi penggunaan permainan ini agar tidak berlaku perkara-perkara yang boleh menjejaskan keharmonian dan kemaslahatan hidup bermasyarakat serta mengambil langkah-langkah dalam memastikan kesejahteraan penduduk negara ini terjamin sesuai dengan maqasid syariah (objektiviti utama penjagaan kehidupan berasaskan syariah), iaitu penjagaan agama, penjagaan nyawa dan tubuh badan, penjagaan akal, penjagaan keturunan dan penjagaan harta.

Sesungguhnya kita diciptakan bukannya sia-sia tetapi ada asas tujuan dan matlamatnya, iaitu sebagai hamba Allah Subhanahu Wata’ala untuk beribadat kepada-Nya. Sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata’ala akan mengurniakan limpah rahmat dan berkat kesejahteraan kepada Negara Brunei Darussalam. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Adz-Dzariyat, ayat 56 tafsirnya:

*“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku.”*

## Dekatkan diri kepada Allah dengan banyak berdoa

Keluaran Pelita Brunei 27 Ogos 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sebagai seorang Muslim, kita tidak lari daripada memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu dengan berdoa. Doa merupakan senjata dan cara kita sebagai hamba untuk bermunajat dengan Allah Subhanahu Wata'ala, kerana hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang berkuasa dan menentukan atas segala-galanya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 186 tafsirnya:

*“Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu wahai Nabi Muhammad mengenai Aku, maka katakan kepada mereka: Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir kepada mereka. Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanKu dengan mematuhi perintahKu dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran.”*

Sesungguhnya seorang yang berdoa itu kedudukannya lebih dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala kerana ketika seorang itu berdoa, dia akan meletakkan keyakinan dan bergantung sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan hanya Allah Subhanahu Wata'ala yang dapat mengabulkan permintaan hamba-hamba-Nya.

Ketahuiilah, orang yang berdoa itu tidak akan pernah rugi sedikit pun. Sebaliknya, dialah yang paling beruntung. Dengan doa, dapat mewujudkan sesuatu yang luar biasa, apatah lagi apabila ia dipohonkan pada saat-saat dan suasana yang menjadikan doa itu cepat terkabul.

Berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala bukan setakat mendirikan sembahyang, berpuasa, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan sebagainya, bahkan ibadah itu merangkumi semua amal perbuatan dan kebajikan yang kita lakukan. Begitu juga dengan berdoa dan memohon sesuatu daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

*“Dari an-Nu'man bin Basyir, katanya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: ‘Doa itu Ibadah’.”* (Riwayat Imam Ibnu Majah)

Ini bermaksud, jika seseorang hamba itu banyak berdoa, sesungguhnya dia adalah ahli ibadah yang dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Begitu juga sebaliknya, jika kurang berdoa, maka akan menempatkan dirinya jauh daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan hamba-Nya untuk memohon kepada-Nya dengan berdoa, dan ketahuilah orang yang enggan berdoa kepada-Nya adalah orang yang sombong. Orang seperti itu, kelak dimasukkan ke dalam neraka dalam keadaan hina.

Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al-Mu'min, ayat 60 tafsirnya:

*“Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kepadaKu nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepadaKu akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina.”*



Pada kebiasaanya, jika kita berkehendakkan sesuatu daripada seseorang, kita sering menjaga adab dan tatasusila, maka apatah lagi jika kita memohon sesuatu kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, kita hendaklah menjaga adab-adab dalam berdoa, antaranya adalah dengan berwuduk, mengadap kiblat, memulakan dan mengakhiri doa dengan memuji nama Allah Subhanahu Wata'ala serta membaca selawat dan salam kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Kita juga disunatkan untuk merendahkan dan melembutkan suara, menadah tangan, merendahkan diri dengan rasa syukur dan takut, agar hati lebih ikhlas dalam berdoa serta yakin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala akan mengabulkan doa kita.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 55 - 56 tafsirnya:

*“Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan rendah hati dan dengan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi dengan syirik dan maksiat sesudah Allah memperbaikinya dengan mengutus Rasul-Rasul dan menetapkan syariatnya dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan takut kalau-kalau tidak akan diterima dan dengan penuh harapan supaya dimakbulkan. Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang berbuat kebaikan.”*

Apabila kita merasakan doa kita tidak terkabul, maka janganlah mudah berputus asa, teruskanlah berdoa dan janganlah terburu-buru mengharap supaya doa kita cepat dikabulkan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari bermaksud:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: “Doa seorang hamba di antaramu akan dikabulkan selagi dia tidak tergesa-gesa hingga dia mengatakan: Aku sudah berdoa tetapi belum juga dikabulkan.”*

Oleh itu, hendaklah kita berasa yakin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala akan mengabulkan doa kita, sama ada cepat ataupun lambat. Allah Subhanahu Wata'ala

pasti akan mengabulkan doa seorang hamba sesuai dengan hajat yang dipohonkan, asalkan tetap bersabar dan tidak putus asa.

Sesungguhnya hanya Allah Subhanahu Wata'ala tempat kita berdoa dengan mengadu apabila kita ditimpa masalah. Dengan cara demikian, pasti jiwa kita akan berasa tenang dan tenteram serta beban kita akan terasa lebih ringan. Inilah cara dan kaedah penyelesaian yang terbaik sebagai umat Islam dalam menghadapi sebarang permasalahan dan kesusahan yang menimpa.

Oleh itu, marilah kita sama-sama merenung dan muhasabah diri kita, sujudlah dan berdoalah memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Apabila kita dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala, dia pasti akan mempermudah segala urusan kita, membantu kita ketika susah dan senang. Berdoalah pada setiap masa walau dalam apa pun jua keadaan, yang penting berdoalah dengan niat yang ikhlas dan yakin kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Surah Qaf, ayat 16 tafsirnya:

*“Dan demi sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan Kami mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat nadinya.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan September 2016**

## Seamatkan belia dari dadah

Keluaran Pelita Brunei 3 September 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Belia merupakan aset yang berharga dan bernilai bagi sesebuah negara. Belia adalah pewaris pimpinan, pewaris para ulama dan generasi penerus kepada kehidupan akan datang. Pelbagai harapan dan cabaran tertumpu pada golongan ini. Oleh sebab itu, mereka perlu diberikan bimbingan dengan sebaik-baiknya dan sempurna sama ada aspek rohani, jasmani dan etika. Justeru, bimbingan ini akan mengukuhkan jati diri mereka ke arah menjadikan mereka belia yang bertanggungjawab pada agama, bangsa dan negara.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, daripada Uqbah bin Amir, bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah Azawajalla sangat kagum kepada pemuda yang tidak ada padanya kelakuan pelik dan menyelubungi.”* (Riwayat Al-Imam Ahmad)

Dalam Al-Quran telah dicatatkan kisah segolongan belia yang berjuang demi mempertahankan agama, iaitu dalam Surah Al-Kahfi menjelaskan kisah tujuh orang belia yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, mereka tinggal di negara yang mempunyai Raja yang zalim bernama Dakyanus. Raja Dakyanus meminta rakyat di negaranya sampai menyembah berhala, tetapi mereka enggan berbuat demikian. Hakikatnya mereka diancam bunuh oleh Raja itu. Namun, mereka tetap berpegang teguh pada iman mereka dengan melarikan diri bersembunyi di dalam gua. Demikian antara contoh iman yang kuat dan pendirian yang kuat belia cemerlang yang perlu diikuti oleh belia masa kini.

Kita hendaklah meletakkan agama Islam sebagai cara hidup dengan meletakkan akidah sebagai asas kehidupan bagi mendapatkan keredaan dan kebahagiaan dunia dan akhirat. Seseorang belia yang ditunjangi dengan teras kehidupan nilai-nilai Islam, akan dapat menyelamatkan diri mereka daripada terpesong ke lembah kehinaan dan kemaksiatan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 85 tafsirnya:

*“Dan sesiapa yang mencari agama selain Islam maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.”*

Percayalah bahawa agama Islam adalah agama yang membawa rahmat kepada sekalian alam termasuk manusia kerana agama Islam mengajak umatnya sentiasa menjadi sebaik-baik manusia yang sempurna keperibadiannya, mulia budi pekertinya dan menjadi teladan yang baik kepada orang lain.

Manusia yang baik menurut pandangan Islam adalah orang yang selalu memberi contoh yang baik kepada orang lain dengan menggunakan sepenuhnya potensi yang ada untuk memajukan keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara. Namun tidak dinafikan ada juga sebilangan belia yang terpengaruh dengan budaya tidak sihat seperti terlibat dalam penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 195 tafsirnya:

*“...Dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu dalam kebinasaan dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan.”*

Mengikut kajian pada tahun 2012, golongan belia yang berumur di antara 30 hingga 34 tahun adalah kelompok tertinggi yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, iaitu seramai 118 orang. Manakala para belia yang berumur di antara 35 hingga 39 tahun pula seramai 92 orang.

Penglibatan golongan belia dalam lingkungan umur 20 hingga 24 tahun turut membimbangkan, iaitu seramai 40 orang. Hasil kajian ini mendapati faktor utama yang mendorong para belia terlibat dalam penyalahgunaan dadah adalah:

Pertama: Diri sendiri, iaitu ‘perasaan ingin tahu atau ingin mencuba.’

Kedua: Pengaruh rakan sebaya yang terlibat dengan dadah.

Ketiga: Masalah keluarga, iaitu kurang perhatian dan kasih sayang terhadap anak-anak.

Terdapat juga faktor belia yang merokok terlibat dengan dadah, setelah biasa dengan dadah nikotin di dalam rokok barulah mereka berjinak-jinak dengan dadah jenis lainnya. Masalah penyalahgunaan dadah ini jika tidak dibendung dan tanpa kerjasama daripada semua pihak, ia amat membimbangkan dan tidak mustahil penglibatan belia akan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Ingatlah penyalahgunaan dadah merupakan musuh negara yang tertindih secara senyap, namun pengaruhnya mampu melumpuhkan pembangunan masyarakat dan negara. Situasi itu turut melanda masyarakat Brunei dan menjadi antara fokus utama negara untuk membendungnya dari terus meningkat.

Ketahuiilah bahawa terdapat beberapa perkara yang boleh mencegah dan mengawal belia kita daripada terjebak dan terjerumus dengan gejala dadah serta perkara-perkara mungkar yang lain, iaitu:

Pertama: Sentiasa mendirikan sembahyang fardu lima waktu, sesungguhnya sembahyang itu boleh mencegah dari melakukan perbuatan keji dan mungkar.

Kedua: Memperbanyakkan membaca Al-Quran. Al-Quran adalah mukjizat teragung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan penawar segala penyakit.

Ketiga: Menegakkan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan.

Keempat: Memperbanyak zikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya orang yang sentiasa berzikir akan mendapat rahmat dan ketenangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram, marilah kita sama-sama mengambil berat dan membuat langkah-langkah yang positif dalam usaha membanteras gejala penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram ini, iaitu dengan menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya penyalahgunaan dadah.

Marilah kita terus berusaha untuk menjadikan belia kita, belia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara dengan mengajak semua golongan masyarakat di negara ini berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran. Mudah-mudahan negara kita mendapat keberkatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Ali-'Imran, ayat 104 tafsirnya:

*“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang makruf serta melarang dari yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”*

## Virus Zika cara mencegahnya

Keluaran Pelita Brunei 10 September 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama Islam sangat mementingkan soal kebersihan dan kesihatan. Kerana itu kita hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan mewujudkan suasana yang selesa walau di mana kita berada. Dengan kebersihan kita juga akan terselamat daripada sebarang penyakit dan hidup dalam kebahagiaan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 tafsirnya:

*“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri.”*

Ketahuilah bahawa menjaga kebersihan adalah salah satu cabang daripada iman. Sebagaimana dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

*“Daripada Abu Malik Al-Ashari berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Kebersihan itu sebahagian daripada Iman.”*

Sebagaimana yang kita maklum, dunia kita digemparkan lagi dengan satu penyakit yang berjangkit, iaitu penyakit jangkitan nyamuk Virus Zika. Virus Zika terjadi akibat daripada gigitan nyamuk Aedes. Perlu diketahui bahawa antara simptom orang yang dijangkiti Virus Zika adalah demam panas yang berpanjangan, merah mata, pening kepala, sakit sendi dan ruam kulit. Jika jangkitan Virus Zika ini terkena kepada ibu-ibu yang mengandung ia boleh menyebabkan kecacatan



kelahiran yang serius, iaitu saiz kepala yang kecil daripada yang biasa dan lain-lain kecacatan otak yang teruk.

Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk negara ini kita seharusnya mengambil langkah pencegahan daripada pembiakan nyamuk seperti:

- Memusnahkan tempat pembiakan nyamuk dan sering memeriksa kawasan persekitaran rumah atau bangunan adalah bebas daripada pembiakan nyamuk.

- Membersihkan longkang-longkang yang tersumbat supaya air tidak bertakung.

- Tutup rapat atau kosongkan semua tempat penyimpanan air yang tidak digunakan lagi seperti baldi, tong dan sebagainya.

- Gunakan racun penghalau nyamuk yang dibolehkan dan patuhi arahan penggunaannya.

Selain daripada kita melakukan langkah-langkah pencegahan tersebut, janganlah kita lupa untuk memohon pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala melalui doa dan zikir. Kerana dengan Zikrullah kita akan mendapat ketenteraman dan ketenangan jiwa serta hidup makmur dan bahagia, sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang maksudnya:

*“Dari Abu Said dan Abu Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya keduanya telah menyaksikan bahawa sesungguhnya Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: Dan aku bersaksi kepada mereka berdua, tidak ada satu pun yang duduk dengan berzikrullah kecuali dikelilingi malaikat ke atas mereka. Diturunkan kepada mereka ketenangan dan diliputi bagi mereka akan rahmat dan mereka akan disebut-sebut oleh Allah di antara para malaikat.”* (Riwayat Al-Imam Ahmad).

Sebagai rakyat yang prihatin dan sayang kepada negara, kita perlu sama-sama berganding bahu dan menyokong usaha pengawalan ini secara berterusan. Ketahuilah rakyat yang berpenyakit secara fizikalnya akan lemah, kesihatan mental juga teruk terjejas dan kualiti kehidupan sesuatu bangsa juga akan terancam. Wabak ini boleh dikawal sebaik mungkin jika langkah pencegahan ini

mendapat kerjasama semua pihak. Selain itu, selaku umat Islam sama-samalah kita mempertingkatkan usaha dengan berdoa dan berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan usaha, doa dan amalan zikir yang telah kita lakukan, negara kita akan terselamat dan terhindar daripada segala penyakit dan bala bencana serta aman damai dan sentiasa dalam perlindungan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Isra', ayat 82 tafsirnya:

*“Dan Kami turunkan daripada Al-Quran suatu penawar bagi penyakit rohani dan jasmani dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang zalim (orang-orang tidak beriman) selain kerugian.”*

## Ibadah Korban

Keluaran Pelita Brunei 17 September 2017

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan sifat Ar-Rahman dan belas kasihan-Nya, kita dapat menikmati kehidupan yang selesa dalam aman tenteram, di samping diberi peluang untuk meningkatkan amal ibadat. Allah Maha Berkuasa untuk menjadikan segala apa yang ada di muka bumi ini. Tujuan Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan seluruh makhluknya adalah semata-mata untuk mengabdikan diri kepada-Nya. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Adz-Dzariat, ayat 56 tafsirnya:

*“Dan ingatlah Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembahKu yakni beribadat kepadaKu.”*

Oleh itu, sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala kita hendaklah sentiasa berusaha untuk mendekati diri kepada-Nya agar kita menjadi hamba yang dikasihi dan diredai. Antara cara untuk kita menghampirkan diri dengan Allah Subhanahu Wata'ala adalah dengan melaksanakan dan mengutamakan perkara wajib, di samping memperbanyakkan ibadah sunat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala sangat mengasihi hamba-Nya yang melakukan ibadah sunat. Sebagaimana di dalam hadis qudsi yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

*“dari Abu Hurairah Radhiallahu anhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah Azza Wajalla berfirman, barang siapa*

*memusuhi waliKu, sungguh Aku mengumumkan perang kepadanya. Tidaklah hambaKu mendekat kepadaKu dengan suatu yang lebih Aku cintai daripada hal-hal yang Aku wajibkan kepadanya. HambaKu tidak henti-hentinya mendekatkan diri kepadaKu dengan ibadah-ibadah sunat hingga Aku mencintainya. Jika ia meminta kepadaKu, Aku pasti memberinya. Dan jika ia meminta perlindungan kepadaKu, Aku pasti melindunginya.”*

Berdasarkan hadis tersebut jelas menunjukkan kepada kita betapa tingginya darjat orang yang sentiasa melakukan ibadah sunat, maka rebutlah peluang untuk meraih ganjarannya. Adapun antara ibadah sunat yang dimaksudkan adalah seperti sembahyang-sembahyang sunat, puasa-puasa sunat, bersedekah, membaca Al-Quran, berzikir, melakukan ibadah korban dan sebagainya,

Ibadah korban merupakan antara amalan-amanlan sunat yang sangat dituntut dan disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di mana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sentiasa menggalakkan sahabat-sahabatnya melakukan ibadah korban. Ini kerana, ibadah korban itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan-kelebihan yang antaranya:

Satu, dengan melaksanakan ibadah korban kita akan memperolehi ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

*“Daripada Zaidi ibni Arkram Radhiallahuanhu dia berkata: para sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya: Wahai Rasulullah!, apakah yang ada pada korban itu? Jawab Rasulullah: Ia adalah sunat bapa kamu Ibrahim. Mereka bertanya lagi: Apa yang akan kami perolehi daripadanya wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab: bagi setiap helai rambut ada kebajikannya.” Mereka bertanya lagi: “Bagaimana pula dengan bulunya wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab: “Bagi setiap helai bulu ada kebajikannya.” (Riwayat Ibnu Majah)*

Dua, ibadah korban juga dapat melahirkan rasa syukur terhadap nikmat hidup yang telah diberikan-Nya.

Tiga, ibadah korban dapat memupuk sikap pemedulian dan keprihatinan terhadap masyarakat, di samping dapat mengeratkan tali persaudaraan sesama Muslim melalui pengagihan daging-daging korban tersebut.

Alhamdulillah, negara kita Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan untuk meraikan Hari Raya Aidiladha dengan melaksanakan ibadah korban seperti di masjid-masjid, surau-sarau, balai-balai ibadat, pejabat-pejabat mahupun di rumah-rumah persendirian.

Alhamdulillah, ibadah korban secara bermajlis telah ditunaikan setiap tahun semenjak tahun 1997 oleh Raja kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan majlis tersebut berlangsung di pekarangan Jame 'Asr Hasannil Bolkiaah sejurus selesai menunaikan Solah Sunat Aidiladha.

Pada tahun ini apa yang lebih mengesankan lagi majlis ibadah korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda dan Sambutan Hari Raya Aidiladha buat julung kalinya telah berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kedua-dua acara itu diserikan dengan gema laungan takbir hari raya bagi menepati seruan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya kita memperbanyakkan zikir dalam sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah termasuklah Hari Raya Aidiladha yang mana dengan itu mensyiarkannya sebagai hari yang berfadilat besar dengan memperbanyakkan amal ibadat dan amal kebajikan.

Sambutan Hari Raya Aidiladha di Istana Nurul Iman itu adalah satu syiar Islam dan penghayatan beragama menurut cara dan calak kebruneian kita. Ianya merupakan manifestasi kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang mengizinkan kita berkehidupan aman damai, saling bersefahaman khasnya saling mendukung antara Raja dengan rakyat.

Hal ini juga menjelaskan kepada kita betapa Raja yang kita kasihi sangat-sangat mengambil berat perkara yang berkebajikan, di samping ia juga dapat menanamkan roh keimanan kepada orang-orang Islam supaya mengambil contoh yang ditunjukkan oleh baginda selaku Ulil Amri. Sama-samalah kita mendoakan semoga baginda dan kerabat baginda sentiasa dilindungi dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala atas ibadah korban yang telah dilaksanakan.

Akhirnya marilah kita berdoa semoga segala amal kebajikan dan ibadah kita akan sentiasa diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga ibadah korban yang telah kita lakukan akan diterima dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Surah Al-Hajj, ayat 37 tafsirnya:

*“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah. Tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa daripada kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuknya. Dan sampaikanlah berita gembira dengan balasan yang sebaik-baiknya kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya.”*

## Sedekah amalan terpuji

Keluaran Pelita Brunei 24 September 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Betapa banyak nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah dianugerahkan kepada manusia. Tidak kira ia seorang Muslim ataupun tidak, seperti nikmat kesihatan, umur, rezeki, harta kekayaan, kebahagiaan, keselamatan, keamanan dan lain-lain. Allah Subhanahu Wata'ala memberikan nikmat-nikmat tersebut sesuai dengan kehidupan. Dia tidak pernah mensia-siakan hamba-hamba-Nya terutama sekali bila hamba-Nya sentiasa mensyukuri segala nikmat tersebut, malahan nikmat-nikmat itu akan bertambah, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba', ayat 39 tafsirnya:

*“... dan apa sahaja yang kamu belanjakan untuk kebaikan maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki.”*

Adapun cara kita mensyukuri nikmat tersebut adalah dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya seperti mendirikan sembahyang fardu lima waktu, mengeluarkan zakat, sentiasa berzikir mengingatkan Allah dalam apa pun keadaan dan seumpamanya. Selain daripada itu, untuk mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, kita juga disunatkan memperbanyakkan amalan bersedekah.

Bersedekah adalah amalan yang terpuji dan sangat dianjurkan di dalam Islam. Bersedekah mewujudkan keberkatan dalam harta yang dimiliki, menanamkan rasa keinsafan kepada diri manusia, mengeratkan silaturahim, belas kasihan dan rasa

tanggungjawab sesama manusia. Namun, sejauh manakah amalan bersedekah ini kita amalkan dalam kehidupan kita?

Ramai orang berangan-angan untuk bersedekah bila mempunyai harta yang banyak, Namun apabila sudah memiliki harta yang banyak, lupa pula untuk bersedekah atau mensyukuri akan nikmat harta yang telah dimiliki. Harta yang banyak sering digunakan untuk kepentingan sendiri, sehingga terlupa untuk menggunakan sebagai saham di akhirat kelak. Untuk ini, bila kita hendak bersedekah, jangan ditunggu apabila kita sudah mempunyai harta yang banyak, kerana harta yang banyak kadang-kadang membuat hati kita menjadi terlalu sayang kepadanya dan berat pula untuk mengeluarkannya.

Ingatlah kaum Muslimin, harta itu tidak lain hanyalah sebagai perhiasan dan fitnah atau ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala, untuk menilai sejauh mana kita dapat menggunakannya ke jalan yang diredainya. Janganlah kita asyik mengumpul harta sehingga lupa tanggungjawab kita sebagai seorang hamba kepada pencipta-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Munafiqun, ayat 9 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah harta kamu dan anak-anak kamu melalaikan kamu daripada mengingati Allah. Dan sesiapa yang melakukan demikian maka mereka itu orang-orang yang rugi.”*

Perlu diingat, dalam kita bersedekah hendaklah disertakan dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala, janganlah kita mengharap kepada pujian dan sanjungan. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menjelaskan bahawa setiap amal kebajikan hamba-Nya, sama ada kecil atau besar, banyak atau sedikit, akan tetap diberikan ganjaran yang setimpal.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az-Zalzalah, ayat 7 - 8 tafsirnya:



*“Maka siapa yang mengerjakan kebaikan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat ganjarannya. Dan siapa mengerjakan kejahatan sekalipun seberat zarah nescaya dia akan melihat balasannya.”*

Ketahuiilah bahawa harta yang kita miliki sama ada banyak atau sedikit bukan milik kita sepenuhnya kerana ada hak orang lain di dalamnya. Oleh itu, gunakanlah ia ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata’ala seperti bersedekah, berwakaf, membantu orang-orang yang memerlukan, orang-orang fakir, miskin, anak-anak yatim, menyumbang ke tabung-tabung masjid, atau ke tabung-tabung kebajikan dan seumpamanya. Rezeki yang sedikit tidak semestinya tidak mencukupi atau membuat kita hidup susah dan merana. Begitu juga sebaliknya, harta yang banyak, wang yang banyak, tidak semestinya dapat menjamin kebahagiaan hidup di dunia apatah lagi kebahagiaan di akhirat. Yakinlah bahawa rezeki dan keberkatan di dalamnya adalah anugerah Allah Subhanahu Wata’ala. Yang penting, kita tahu bagaimana mensyukurinya dengan mengikut landasan-landasan yang dianjurkan dalam agama.

Apa yang penting, dalam kehidupan kita selaku orang-orang Islam, adalah amalan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Orang yang kaya membantu orang yang miskin, dan yang miskin pula membalas dengan hal yang terbaik yang mampu dilakukannya, sekurang-kurangnya memanjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Dengan demikian, tidak akan berlaku jurang antara yang kaya dengan yang miskin dan kehidupan di dunia ini akan sentiasa aman dan makmur. Semoga dengan amalan bantu-membantu dan bersedekah kita akan terus mendapat berkat, rahmat dan reda dari Allah Subhanahu Wata’ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah At Taubah, ayat 71 tafsirnya:

*“Dan orang-orang mukmin, laki-laki dan perempuan-perempuan, sebahagian daripada mereka itu menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada mungkar, dan mereka*

*mendirikan sembahyang, dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan dikurniakan rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan Oktober 2016**

## Islam memandang mulia tugas seorang guru

Keluaran Pelita Brunei 1 Oktober 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah pada setiap tahun, negara akan menyambut Sambutan Hari Guru. Ia merupakan satu pengiktirafan yang tinggi kepada guru yang telah berjasa terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Bahkan pada setiap tahun Anugerah Guru Cemerlang dan sebagainya juga diberikan kepada guru yang terpilih sebagai penghargaan terhadap jasa bakti guru yang berkualiti tinggi dalam menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan. Wajarlah kita meletakkan taraf guru sebagai insan yang mulia kerana guru adalah seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dan seterusnya mendidik kita sehingga menjadi insan yang berguna kepada bangsa dan negara.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az-Zumar, ayat 9 tafsirnya:

*“Katakanlah: adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai akal yang dapat memikir dan memahaminya.”*

Ketahuilah ilmu tidak akan diperolehi jika tidak dicari dan dipelajari. Oleh itu, semua orang perlu berusaha mencari dan menuntut ilmu sebanyak mungkin dan terus meningkatkannya dari semasa ke semasa. Maka guru atau pendidik memainkan peranan yang sangat besar dan diperlukan untuk membimbing kita dan generasi seterusnya untuk menjadi insan yang berilmu dan berakhlak mulia. Justeru guru hendaklah bersifat amanah terhadap apa yang telah dipertanggungjawabkan

kepada mereka. Kerana guru yang bijaksana akan dapat melahirkan generasi berwawasan yang akan mencorak kecemerlangan dan kegemilangan bangsa dan negara.

Sesungguhnya guru yang berkualiti adalah guru yang dapat menjadi 'role model' kepada para pelajar dan mempunyai akhlak mulia, sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan, bermotivasi tinggi, kreatif, inovatif dan efektif dalam pengajarannya, menggunakan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran yang berkesan dan seterusnya sentiasa berusaha memperbaiki mutu pengajaran mereka dari semasa ke semasa.

Selain itu, apa yang paling penting adalah para guru hendaklah tulus ikhlas dalam mendidik dan membimbing pelajar mereka. Dengan cara yang demikian akan menjadikan mereka guru yang sabar dan tabah dalam menghadapi apa jua situasi dan kerehuan anak didik mereka.

Pelajar hari ini adalah pemimpin hari esok, maka guru-guru bertanggungjawab untuk memastikan keimanan, keamanan, kemakmuran dan jati diri yang dimiliki oleh bangsa Brunei akan dapat terus ditanai dan diperkukuh dengan iltizam yang tinggi sebagai akidah utama untuk memperkasa keupayaan bangsa kita.

Dengan yang demikian, bangsa dan Negara Brunei akan mampu untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa dan negara lain di dunia ini.

Oleh itu, melihat kepada besarnya jasa seseorang guru kepada masyarakat, bangsa dan negara, maka sudah sewajarnya mereka dihormati, dikasihi dan dihargai. Bahkan Islam memandang mulia tugas seseorang guru dan mereka juga telah dijanjikan ganjaran yang sangat besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadalah, ayat 11 tafsirnya:

*“Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa derajat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”*

Dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda bermaksud:

*“Dari Abi Ad-Darda ia berkata: Saya mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Dan sesungguhnya para ulama adalah pewaris para Nabi. Dan sesungguhnya para Nabi tidak mewariskan umatnya dengan wang ringgit, tetapi mereka mewariskan ilmu pengetahuan.”*

Sesungguhnya jasa guru itu sangat besar dan amat bernilai, kerana jasa guru kita menjadi insan yang pandai dan berilmu serta berguna kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata’ala agar para guru sentiasa dilimpahkan taufik dan hidayah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka terutama dalam mendidik anak bangsa, sekali gus dapat menjadikan negara kita maju dan aman makmur. Dan sama-samalah kita berdoa semoga para guru dan pendidik akan sentiasa mendapat rahmat, petunjuk dan pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Fathir, ayat 28 tafsirnya:

*“Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut melanggar perintah Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.”*

## Berhijrah dari baik kepada lebih baik

Keluaran Pelita Brunei 8 Oktober 2016

**MARILAH** kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmatnya kita masih lagi diberi nikmat untuk terus hidup di dunia ini. Dengan nikmat umur yang panjang ini kita berkesempatan berada di Tahun Baharu 1438 Hijrah.

Awal Tahun Hijrah telah disambut dengan bacaan Doa Akhir Tahun dan disusuli pula dengan bacaan Doa Awal Tahun Baharu Hijrah. Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah bukan hanya satu acara rutin disambut oleh negara pada setiap tahun, akan tetapi ia adalah permulaan keazaman kita untuk membuat perubahan kepada yang lebih baik, serta sentiasa bertaubat dan mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta mencari reda-Nya dalam apa saja yang kita lakukan. Oleh itu, sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala kita hendaklah sentiasa berusaha mempertingkatkan amal ibadah agar menjadi hamba yang dikasihi dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam menggalakkan umatnya untuk berhijrah dari yang tidak baik kepada yang baik dan dari yang baik kepada yang lebih baik. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah membuktikan melalui hijrah agung Baginda dengan meninggalkan kota Mekah bumi kelahiran Baginda sendiri menuju ke kota Madinah demi menegakkan syiar Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 20 tafsirnya:

*“Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah.”*

Cuba kita renung peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda dari Mekah Al-Mukaramah ke Madinah Al-Munawarah yang telah membuka lembaran sejarah yang paling agung, bukan sahaja dalam perkembangan agama Islam, tetapi juga pada tamadun manusia keseluruhannya. Kerana dengan adanya hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka terbentuklah negara Islam pertama di Madinah yang melahirkan satu umat yang bersatu padu, bersaudara, dihormati dan menjadi contoh bahkan dapat melahirkan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyatnya secara adil dan saksama. Sementara dari segi muamalat (jual beli) pula, amalan riba, penipuan dan kezaliman telah diharamkan. Segala kegiatan ekonomi yang halal dan bertepatan dengan ajaran Islam dalam perdagangan pula adalah digalakkan.

Peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah banyak memberikan pengajaran yang amat berharga dan ia adalah warisan yang tidak ternilai harganya untuk umat Islam dalam usaha melahirkan Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur, iaitu negara aman makmur dan mendapat keampunan serta pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata’ala.

Antara pengajaran yang dapat diambil dari peristiwa tersebut ialah kesabaran dan ketekunan hati mempertahankan cita-cita. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menunjukkan contoh bagaimana seharusnya kaum Muslimin mempertahankan cita-cita dan menegakkan dakwah islamiah. Walaupun mengalami kesulitan, tetapi tetap mempertahankan keyakinan, akidah dan pendirian.

Biar pun hijrah bersama Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah pun berakhir, namun tuntutan Hijrah dalam konteks meninggalkan segala perkara yang dilarang dan menuju keredaan Allah tetap berkekalan sehingga hari kiamat. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:



*“Daripada Muawiyah katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Hijrah tidak akan berakhir sehingga peluang bertaubat tidak berakhir sehingga matahari terbit dari sebelah Barat.”*

Maka bersempena awal tahun Hijrah ini, marilah kita laksanakan hijrah dalam bentuk meninggalkan larangan-larangan Allah Subhanahu Wata’ala dan memperkasakan diri kita selaku makmum sejati agar tidak mudah tunduk dengan hawa nafsu dan hasutan syaitan yang sentiasa tidak berputus asa menyesatkan kita. Tanpa muhasabah dan muhadjadah dari kita pasti kita akan cenderung untuk mengulangi kesilapan yang lalu.

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata’ala dan membuat hijrah ke arah yang lebih baik, mudah-mudahan dengan demikian kita dapat bekerjasama untuk membangun bangsa, agama dan negara dengan petunjuk dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah An-Nisa’ ayat 100 tafsirnya:

*“Dan siapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati dalam perjalanannya, maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah, dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”*

## Hormati dan sayangi warga emas

Keluaran Pelita Brunei 15 Oktober 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama Islam memerintahkan umatnya agar saling hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, darjat ataupun keturunan. Sikap hormat-menghormati ini perlu disemai sejak kecil lagi lebih-lebih lagi untuk menghormati dan berbuat baik terhadap kedua ibu bapa. Sedarlah, ibu bapa telah bersusah payah menjaga dan membesarkan kita sejak dari kandungan ibu lagi sehinggalah kita dewasa. Sememangnya jasa mereka ini tidak dapat untuk dibalas apatah lagi dengan wang ringgit. Oleh itu, sentiasalah kita menghormati, berbakti dan berbuat baik kepada mereka hingga ke akhir hayat mereka.

Sesungguhnya hukum menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa adalah wajib kerana ia merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Jika kita tidak berbuat baik terhadap keduanya, maka kita melakukan dosa besar kerana melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Ahqaf, ayat 15 tafsirnya:

*“Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah.”*

Sesungguhnya terdapat banyak cara untuk kita berbakti dan berbuat baik terhadap ibu bapa, contohnya kita wajib berlaku sopan dan hormat, tidak dibolehkan bercakap kasar, hendaklah memanggil mereka dengan suara yang lemah lembut dan panggilan yang menyenangkan.

Apabila mereka memanggil hendaklah kita mendatanginya serta menjawab pertanyaannya dengan segera, apabila mereka meminta makanan atau pakaian, kita adalah wajib untuk menunaikannya, apabila mereka menyuruh berbuat sesuatu atau meminta bantuan kita hendaklah melaksanakannya kecuali perkara yang dilarang oleh agama dan jangan sekali-kali kita lupa mendoakan mereka suapaya Allah Subhanahu Wata'ala akan mengampunkan dosa-dosa mereka.

Sebenarnya begitu tinggi keutamaan berbuat baik kepada ibu bapa menurut ajaran agama Islam, sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya berkenaan hak ibu bapa terhadap anaknya. Baginda menjawab maksudnya:

*“Kedua mereka adalah yang menyebabkan engkau masuk syurga (jika engkau mentaati mereka) atau menyebabkan engkau masuk neraka (jika engkau derhaka kepada mereka).”* (Riwayat Imam Ibnu Majah).

Sebagai anak adakah kita sudah menunaikan tanggungjawab kita dalam menjaga kedua ibu bapa? Ketahuilah adalah wajib bagi kita untuk menunaikan tanggungjawab dalam menjaga ibu bapa, lebih-lebih lagi ibu bapa yang telah tua dan uzur yang tidak berupaya untuk mengurus diri mereka lagi. Dalam menghadapi situasi sedemikian sebagai seorang anak hendaklah bersabar melayani kerenah mereka, jangan mudah hilang sabar, melenting dan marah kerana perbuatan demikian akan menggores dan menyakiti hati mereka. Jika hati mereka tergores, ini akan membuatkan kita menjadi anak yang derhaka dan balasannya adalah neraka, Nauzubillah min zalik.

Salah satu tanda-tanda anak yang derhaka kepada kedua ibu bapa ialah anak yang mengakibatkan kedua ibu bapa mereka menangis disebabkan perbuatan anak tersebut melukakan hati mereka. Ini jelas sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma, beliau berkata, maksudnya:

*“Menyebabkan kedua ibu bapa menangis termasuk di antara perkara derhaka dan dosa-dosa besar.”*

Adapun tuntutan berbuat baik, bukan terhad kepada ibu bapa sahaja bahkan termasuk juga kepada orang-orang tua atau warga emas, sama ada yang ada hubungan kekeluargaan ataupun tidak. Sesungguhnya warga emas juga mempunyai hak untuk mendapat kasih sayang dan penghormatan dengan menjaga hak-hak mereka. Alhamdulillah, warga emas di negara kita tidak diabaikan dan mereka tidak terkecuali menerima kemudahan dari pihak keRajaan.

Mereka diberikan perbelanjaan bulanan, iaitu pencen umur tua. Ini menunjukkan pengiktirafan serta keprihatinan keRajaan terhadap warga emas. Walau bagaimanapun sebagai seorang anak tidak akan terlepas tanggungjawab untuk terus membantu kedua orang tua sama ada dari segi kawangan mahupun bantuan-bantuan yang lain. Tetapi apa yang menyedihkan terdapat segelintir anak-anak yang mengambil kesempatan meminta wang atau menggunakan wang pencen umur tua ibu bapa mereka untuk menampung perbelanjaan keluarga mereka sedangkan wang itulah sahaja yang diharapkan oleh ibu bapa mereka untuk sekadar perbelanjaan jika mereka itu tiada mempunyai pendapatan lain. Kebanyakan ibu bapa berdiam diri demi mengelakkan pertengkaran dan mengelakkan daripada diri mereka tidak dipedulikan.

Kadang-kadang terdapat pula ibu bapa yang sudah uzur disuruh untuk menjaga cucu pada hal mereka sendiri tidak berupaya untuk menjaga diri mereka sendiri. Mereka sendiri sebenarnya perlukan penjagaan dan perhatian, namun disebabkan terlalu kasihkan anak, beban tersebut ditanggung juga dengan memendam rasa.

Antara tanggungjawab yang perlu kita laksanakan adalah memberi kasih sayang dan perhatian terhadap ibu bapa dan orang-orang tua, iaitu dengan memedulikan keperluan dan kebajikan mereka serta menggembarakan hati mereka. Jangan sampai terjadi pengabaian ibu bapa dengan membiarkan mereka tinggal bersendirian dalam keadaan uzur dengan alasan terlalu sibuk atau tidak ada masa dan tidak ada sesiapa yang boleh diharapkan untuk menjaga dan mengurus mereka. Perlu diingat bahawa pengabaian itu adalah perbuatan derhaka terhadap ibu bapa yang patut kita hindari.

Kita jangan lupa bahawa kita tidak selamanya muda. Tetapi akan melalui zaman tua, maka pada ketika itulah baru kita merasakan apa yang orang tua rasa pada masa ini. Jika kita tidak menghormati mereka, maka kelak, kita juga tidak akan dihormati. Inilah hasil balasan atas tingkah laku anak yang tidak melaksanakan tanggungjawab terhadap orang tua mereka.

Saudara sekalian, kalau ibu bapa sanggup menjaga anak-anaknya yang ramai, kenapa pula kita tidak sanggup menjaga mereka, lebih-lebih lagi mereka yang sudah tua dan tidak berupaya menyara hidupnya sendiri. Sebenarnya apa pun yang kita lakukan atau korbankan kita tidak akan mampu untuk membalas jasa kedua ibu bapa kita. Oleh itu, ketika mereka masih hidup, inilah kesempatan untuk kita berbakti dan berbuat baik kepada mereka dengan sebaik-baiknya seperti memberi perhatian, pemedulian dan kasih sayang, menghulurkan wang ringgit dan begitu juga kita hendaklah selalu menziarahi ibu bapa yang tinggal berasingan dengan kita. Dan juga mereka yang sudah tiada, ziarahilah tanah perkuburan mereka dengan mendoakan keampunan dan rahmat untuk mereka. Dan buatlah amal kebajikan seperti sedekah dengan diniatkan pahalanya untuk arwah kedua ibu bapa.

Akhirnya, sama-samalah kita menghormati dan menjaga kebajikan kedua ibu bapa dan orang tua atau warga emas dan janganlah kita abaikan dan sia-siakan hidup mereka, berikanlah kasih sayang dan pastikanlah kehidupan mereka sempurna, terjamin dan sejahtera. Semoga mereka akan sentiasa mendapat keampunan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah An-Nisa', ayat 36 tafsirnya:

*“Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apapun. Dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya yang terputus perbelanjaannya dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai kepada orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri.”*

## Transformasi ke arah Perkhidmatan Awam yang progresif

Keluaran Pelita Brunei 22 Oktober 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam menyuruh umatnya bekerja mencari rezeki bagi memenuhi keperluan kehidupan seharian. Rezeki yang diperolehi hendaklah daripada sumber yang halal dan baik serta diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, dalam melakukan suatu perkerjaan hendaklah disertakan dengan niat yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyebutkan tentang perkara tersebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Nasa'i yang maksudnya:

*“Daripada Abi Amamah Al-Bahiliyie, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesungguhnya Allah tidak menerima suatu amalan melainkan dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala sahaja.”*

Sesungguhnya keikhlasan dalam bekerja sangat penting dalam mempengaruhi budaya kerja seseorang. Orang yang ikhlas akan sentiasa berusaha memanfaatkan waktu bekerja dengan sebaik-baiknya secara produktif dan berkesan dan juga memastikan bahawa perkara-perkara asasi dan utama tidak diabaikan seperti kehadiran bekerja, komitmen, dedikasi, disiplin dan integriti, di samping menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah. Setiap pekerja juga dituntut supaya mentaati ketua atau majikan yang juga merupakan Ulil Amri kepada mereka.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 59 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”*

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala suka kepada hamba-hamba-Nya yang tekun bekerja, titih dan lutan serta sentiasa berusaha memperbaiki diri sendiri dari semasa ke semasa. Kerana amalan tersebut bukan sahaja mendatangkan kecemerlangan kepada dirinya sendiri bahkan dapat meningkatkan taraf dan kualiti perkhidmatan sesebuah organisasi dan seterusnya dapat memajukan bangsa dan negara. Ketahuilah mereka yang berusaha dengan gigih dalam meningkatkan kualiti kerja juga dianggap sebagai ibadah atau melakukan amal kebajikan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-An'am, ayat 160 tafsirnya:

*“Sesiapa yang membawa kebajikan pada hari kiamat, maka baginya pahala sepuluh kali ganda dari amalnya. Dan siapa yang membawa kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan seimbang dengan kejahatan. Sedang mereka sedikit pun tidak dianiaya.”*

Pada setiap tahun negara kita meraikan sambutan Hari Perkhidmatan Awam dengan matlamat agar warga Perkhidmatan Awam memberikan perkhidmatan yang efisien, bersih, tulus ikhlas, jujur, berkualiti dan produktif. Oleh itu, warga Perkhidmatan Awam hendaklah mempunyai kekuatan dan semangat bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035, iaitu membuat transformasi atau perubahan daripada cara lama yang boleh mengongkang kemajuan, kepada cara yang positif dan konstruktif selaras dengan kemajuan dan kehendak semasa dan akan datang. Dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Ke-21 juga menyarankan supaya warga Perkhidmatan Awam sentiasa membangun dan maju mengikut kemampuan serta keupayaannya sendiri berlandaskan ajaran Islam, dalam keadaan dan suasana yang aman, makmur, tenteram di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketahuiilah untuk mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang hanya boleh dicapai menerusi transformasi minda dan sikap yang positif dan murni yang akan bertindak sebagai pemangkin dan pencetus kepada kecemerlangan dan keberkesanan perkhidmatan.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga warga Perkhidmatan Awam menjadi pekerja yang ikhlas, kreatif dan produktif, tabah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan dedikasi, tabah menghadapi cabaran, serta dapat pula membawa masyarakat semua ke arah satu hidup yang terpuji dan diberkati. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang dilakukan akan mendapat ganjaran pahala, berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Qashash, ayat 26 tafsirnya:

*“Sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah.”*



## Belia Berwawasan: Pemangkin Tansformasi

Keluaran Pelita Brunei 29 Oktober 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Belia adalah salah satu aset negara yang sangat berharga, Islam juga memandang kepentingan belia dalam pembangunan ummah. Al-Quran banyak menceritakan kisah para belia contohnya perjuangan para Nabi dan Rasul Alaihissalam yang kesemuanya adalah orang-orang yang terpilih daripada kalangan pemuda dan belia. Ibnu Abbas Radhiallahuanhu pernah berkata yang maksudnya:

*“Tidak ada seseorang Nabi pun yang diutus Allah, melainkan ia dipilih dalam kalangan pemuda sahaja(tiga puluh hingga empat puluh tahun). Begitu pula tidak ada seorang alim pun yang diberi ilmu melainkan ia hanya daripada golongan pemuda.”*

Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diangkat menjadi Rasul ketika Baginda berumur 40 tahun. Pengikut-pengikut Baginda yang membentuk generasi pertama Islam kebanyakannya juga terdiri daripada kalangan pemuda dan belia, bahkan ada yang masih kecil, yang paling muda ketika itu Ali bin Abi Thalib dan Az-Zubair bin Al-Awwam yang baru berusia lapan tahun, manakala yang termasuk dalam usia belia seperti Ja'far bin Abi Thalib yang berusia lapan belas tahun, Qudaamah bin Abi Mazh'un berusia sembilan belas tahun, Said bin Zaid dan Shuhaib Ar Rumi berusia di bawah dua puluh tahun, 'Aamir bin Fahirah dua puluh tiga tahun, Mush'ab bin Umair dan Al Miqdad bin Al Aswad berusia dua puluh empat tahun, Abdullah bin Al Jahsy dua puluh lima tahun, Umar bin Al Khattab dua puluh enam tahun dan ramai lagi yang berusia di sekitar tiga puluh tahun.

Malah ramai lagi para pejuang Islam yang terdiri daripada golongan pemuda dan belia. Mereka memperjuangkan dakwah Islam dan menjadi pembawa panji-panji Islam di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ataupun sesudah itu. Usamah bin Zaid ketika dilantik oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panglima untuk memimpin pasukan kaum Muslimin memasuki wilayah Sham dalam usia lapan belas tahun.

Oleh yang demikian, belia-belia kita di negara ini hendaklah mencontohi kehebatan belia-belia di zaman tersebut, kerana merekalah yang akan menjadi tunggak kekuatan negara sebagai pewaris kepimpinan di masa hadapan, mereka perlu diasuh, dididik dan dibimbing di jalan yang betul agar menjadi manusia generasi berilmu, beriman, bertakwa dan berakhlak mulia kerana dengan demikian sahajalah akan dapat melahirkan belia yang menjadi sumber tenaga yang mampu menyumbangkan ke arah pembangunan dan kemajuan negara.

Di negara kita, jumlah belia adalah merupakan lima puluh peratus daripada jumlah penduduk negara ini. Jumlah tersebut separuh daripada penduduk di negara ini, maka amat wajarlah golongan ini dididik dan dibimbing menjadi generasi belia yang mempunyai wawasan dan cintakan negara. Generasi berwawasan yang melibatkan para belia adalah generasi penerus pembangunan negara yang akan dapat mendukung usaha dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035, iaitu ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdayatahan.

Keterlibatan para belia sebagai pemangkin transformasi di dalam proses transformasi negara adalah penting. Perubahan, penghijrahan dan transformasi adalah kemestian dalam usaha menuju negara yang maju dan dinamik. Ia memerlukan asas-asas dan pendekatan yang transformatif bagi mencapai cita-cita tersebut.

Maka adalah diharapkan dengan pelaksanaan sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11 ini akan dapat menggalakkan lebih ramai lagi penglibatan golongan belia di dalam aktiviti-aktiviti kebeliaan khususnya dan terlibat sama dalam usaha-

usaha pembangunan negara amnya termasuk dalam kerja sukarelawan. Seandainya para belia di negara ini mempunyai wawasan, sudah pasti belia tersebut adalah belia yang hebat dan seterusnya menjamin kemakmuran dan kemajuan negara di masa hadapan.

Dalam sirah ada menceritakan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh terbaik dalam membimbing belia agar taat beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, taat kepada pemimpin, sayang kepada negara, berakhlak mulia, menjaga kesihatan akal, kebersihan jasmani dalam semua sudut yang membawa kepada kesempurnaan. Bimbingan ini akan mencorakkan jati diri belia itu sendiri agar bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara dan seterusnya menyediakan belia yang dikagumi Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis bermaksud:

*“Daripada Uqbah bin ‘Amir katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah Azzawajala sangat kagum kepada pemuda yang tidak ada padanya kelakuan pelik dan menyeleweng.”*

Sebagai seorang belia Muslim yang beriman, mereka wajib taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Adapun taat kepada Rasul ialah mencontohi keperibadian dan akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam semua aspek. Begitu juga para belia wajib mentaati kedua ibu bapa. Mereka hendaklah mengasihi, menghormati, berbakti, bersikap lemah lembut dalam tutur kata dan tingkah laku kepada keduanya selagi tidak bertentangan dengan hukum Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 23, tafsirnya:

*“Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dengan sebaik-baiknya.”*

Belia juga berperanan dalam menegakkan syiar Islam dengan menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran, kerana amalan tersebut boleh menjadi benteng untuk menangkis segala gejala buruk dari merosakkan jiwa dan meracuni minda yang akibatnya nanti merosakkan belia dan masa depan negara. Para belia inilah yang menjadi harapan bangsa dan masa depan negara.

Mereka menjadi contoh dan ikutan baik untuk diteladani, yang membawa kepada kecemerlangan ummah. Bahkan hasrat negara untuk berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya juga akan dapat dilengkapi dengan adanya generasi belia syumul, iaitu belia yang bukan sahaja cerdik pandai tetapi juga belia yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya golongan belia yang beriman dan bertakwa telah dijanjikan dengan kedudukan yang tinggi dan tergolong ke dalam tujuh golongan yang mendapat perlindungan di hari kiamat ketika berada di Padang Mahsyar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

*“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda: ada tujuh golongan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam naungan-Nya, iaitu pada hari tiada naungan lagi melainkan naungan yang dimiliki oleh Allah pada hari kiamat, mereka itu ialah imam yang adil, pemuda yang hidup sejak kecil hingga matinya sentiasa beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.”*

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua dan belia-belia negara kita mempunyai keimanan yang kuat, akidah yang mantap dan keperibadian yang kukuh. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah An-Nahl, ayat 97 tafsirnya:

*“Sesiapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman, maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik, dan Kami sudah tentu akan membalas mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan November 2016**

## Bahaya penyakit hati

Keluaran Pelita Brunei 5 November 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan manusia dengan tubuh badan yang cukup sempurna dan anggota yang paling istimewa adalah hati. Peranan hati adalah cukup besar kerana ia yang menentukan dan mencorakkan cara hidup seseorang individu. Hati adalah ibarat raja dan anggota tubuh badan yang lain adalah pengawalanya. Hatilah yang memerintahkan segala tindakan yang dilaksanakan oleh anggota-anggota badan yang lain, kerana itu setiap anggota tubuh badan akan dipertanggungjawabkan dan disoal di akhirat kelak tentang kelakuan serta amalan yang dilakukan di dunia ini.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 36 tafsirnya:

*“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semuanya itu akan dipertanggungjawabkan mengenainya.”*

Sebagai umat Islam kita hendaklah berusaha untuk menjaga dan membersihkan hati, kerana jika hati itu kotor, maka akan binasa dan buruklah segala amalan yang dilakukan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

*“Dari An- Nu'man bin Bashir berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya di dalam diri manusia itu ada seketul daging. Apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota. Dan apabila daging itu rosak, rosaklah seluruh anggota, ketahuilah itulah hati.”* (Riwayat Al-Imam Al Bukhari)

Ketahuiilah bahawa hati itu dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

Pertama: Hati yang sakit (Qalbun Maridh), iaitu hati yang dipenuhi dengan pelbagai penyakit seperti sifat riak, hasad, ‘ujub (bangga diri), ghibah (berkata buruk tentang orang lain) dan sebagainya. Jika tidak dirawat akan boleh mematikan hati.

Kedua: Hati yang mati (Qalbun Mayyit), iaitu hati yang tertutup daripada menerima segala nasihat kerana telah dikawal oleh nafsu dan syaitan laknatullah sehingga berpaling daripada Allah Subhanahu Wata’ala.

Ketiga: Hati yang sihat (Qalbun Salim), iaitu hati orang-orang yang beriman, yang hidup dengan zikrullah dan sentiasa terbuka untuk menerima nasihat dengan penuh ketaatan sehingga menjadikan pemiliknya sentiasa berada dalam ketenangan dan kesejahteraan.

Marilah kita berusaha menjauhi perkara-perkara yang boleh mematikan hati. Antara punca utama yang boleh mematikan hati adalah, kegagalan menjaga dan mengawal lidah yang akan mengakibatkan berlakunya sifat-sifat keji seperti mengumpat, mencaci, mengadu domba dan memfitnah. Justeru, cara yang paling mudah untuk mengatasi semua ini adalah dengan berdiam diri, kerana berbicara akan menimbulkan pelbagai masalah yang mungkin mendatangkan mudarat kepada manusia. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

*“Janganlah banyak berkata-kata kecuali untuk mengingatkan Allah kerana ia membuat hatimu menjadi keras dan sesungguhnya manusia yang paling jauh daripada Allah Subhanahu Wata’ala adalah orang yang memiliki hati yang keras.”*

Selain itu, kegagalan mengawal mata juga boleh merosakkan hati dan kesucian jiwa dengan memandang sesuatu yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata’ala yang akhirnya boleh menjatuhkan seseorang itu ke dalam kancah maksiat seperti zina dan sebagainya. Begitu juga halnya jika tidak mampu mengawal perut dengan makan makanan yang haram atau syubhah, atau makan secara berlebihan.



Perbuatan ini boleh mematikan hati dan melalaikan jiwa daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Adapun antara cara untuk mengawal perut adalah dengan berpuasa kerana dengan berpuasa boleh membersihkan serta mensucikan jiwa dan tubuh badan daripada segala penyakit.

Namun terdapat juga penyakit hati yang tidak kurang bahayanya kepada kita, kerana penyakit ini tidak disedari oleh para penghidapnya, iaitu penyakit waswas dan seumpamanya. Cara mengatasi penyakit ini adalah dengan memperbanyakkan zikir dan meningkatkan ilmu pengetahuan serta mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berdoa kepada-Nya supaya dilindungi daripada penyakit waswas dan segala gangguan serta hasutan syaitan laknatullah kerana sesungguhnya penyakit waswas itu datangnya daripada syaitan.

Adapun cara terbaik dalam mengubati penyakit hati adalah dengan membaca Al-Quran serta memahami segala isi kandungan di dalamnya dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus, ayat 57 tafsirnya:

*“Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi penyakit batin yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman.”*

Akhirnya, marilah kita sama-sama berusaha untuk menjaga dan mengubati hati kita dan sentiasa mencari iktibar dalam membersihkan jiwa, kerana setiap penyakit itu ada ubatnya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan orang yang mempunyai hati yang suci dan bersih yang sentiasa mengingati dan mencintai Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 2 tafsirnya:

*“Sesungguhnya orang-orang yang benar-benar beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambah kuat iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertakwa.”*

## Kesusahan, kesenangan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala

Keluaran Pelita Brunei 12 November 2016

**MARILAH** kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kita hidup di dunia ini dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan berbagai-bagai ujian sama ada kesusahan ataupun kesenangan. Apabila memperkatakan tentang nikmat kesenangan, maka terbayang di fikiran kita tentang kemewahan, kejayaan dan sebagainya, dan apabila kita memperkatakan tentang kesusahan, maka kita terbayang pula tentang kesempitan, kesukaran, kesakitan, kemiskinan, dan sebagainya. Walau apapun yang kita hadapi, sama ada susah ataupun senang kita wajib beriman dan meyakini bahawa semuanya itu adalah ketentuan daripada Allah Subhanahu Wata'ala ke atas hamba-hamba-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'la, ayat 1 - 3 tafsirnya:

*“Dan bertasbihlah memuji nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi daripada segala sifat kekurangan. Yang telah menciptakan sekalian makhluk dan menyempurnakan penciptaan itu. Dan yang telah menetapkan keadaan makhluk-makhluk-Nya serta memberikan petunjuk.”*

Dalam ayat tersebut ada menyentuh khusus ayat **وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى** yang menjelaskan bahawa hanya Allah Subhanahu Wata'ala yang menentukan apa yang dikehendaki-Nya, dan Allah jualah yang memberi petunjuk kepada apa yang ditentukan-Nya sama ada berupa amal kebaikan atau amal keburukan. Walau bagaimanapun manusia dikurniakan akal fikiran untuk membezakan atau

membuat pilihan sama ada membuat amalan yang baik atau yang buruk untuk menentukan perjalanan hidupnya di dunia dan di akhirat.

Dalam situasi hari ini, ada yang beranggapan apabila dirinya ditimpa kesusahan seperti banjir, rumah terbakar, kehilangan nyawa dan harta, huru-hara, kesempitan wang ataupun seumpamanya, maka dia merasakan bahawa dia sedang diuji oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Namun pada saat dirinya diberi nikmat kesenangan, dia terlupa bahawa sebenarnya nikmat itu juga adalah ujian Allah Subhanahu Wata'ala yang boleh menyebabkannya hanyut, lalai dan alfa jika tidak tahu mensyukuri dan memanfaatkannya ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Yunus, ayat 12 tafsirnya:

*“Dan apabila manusia (orang-orang kafir) ditimpa kemudaratan, dia berdoa kepada Kami, dalam keadaan berbaring atau duduk ataupun berdiri. Tetapi setelah Kami menghilangkan kemudaratan itu daripadanya, dia kembali semula ke jalan yang sesat seolah-olah dia tidak pernah berdoa kepada Kami memohon dihilangkan kemudaratan yang telah menimpanya. Demikianlah dihiaskan (dijadikan) pada pandangan orang yang melampaui batas itu apa yang mereka telah kerjakan.”*

Sesungguhnya kesusahan tidak mengenal sesiapa bahkan para Nabi dan Rasul juga mengalami kesusahan, sebagaimana Nabi Ayub Alaihissalam telah diuji dengan penyakit kulit, Nabi Yunus Alaihissalam ditelan ikan nun, Nabi Nuh Alaihissalam yang belayar dalam bahteranya mengharungi banjir besar bersama kaumnya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Radiallahuanhum juga pernah dianiaya, diseksa, dipulaukan, dicaci, dicerca, dilempar batu dan pelbagai lagi ujian berat yang ditanggung. Namun semua kesusahan ini sedikit pun tidak melunturkan iman dan takwa mereka, bahkan keimanan mereka semakin kuat dan sentiasa berserah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam menikmati kesenangan pula, kita diingatkan supaya tidak lalai dan leka kerana semuanya itu juga merupakan ujian Allah Subhanahu Wata'ala dan nikmat tersebut hanyalah sementara. Ketahuilah nikmat kesenangan ini merupakan

amanah Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita supaya kita dapat menggunakan dengan sebaik-baiknya dan tidak kufur akan nikmat. Coba kita imbas kembali kisah yang menimpa Karun yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kesenangan berupa harta yang melimpah ruah, tetapi semua itu tidak menjadikan dirinya dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bahkan segala kekayaan dan kemewahan itu menyebabkannya sombong, takabur, lalai dan leka, tenggelam dalam kesesatan dan kekufuran.

Sebagai orang yang beriman apabila ditimpa musibah atau kecelakaan dan kesusahan, ucapilah: **إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ** yang maksudnya:

*“Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”*

Dan dengan kesusahan tersebut janganlah kita mudah berputus asa, sebaliknya hendaklah kita mendekatkan diri dan berserah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan cara tersebut akan dapat mengembalikan semangat dan kekuatan diri.

Ketika kita diberi kesulitan, kesedihan dan cubaan ditimpa musibah, janganlah beranggapan kita adalah orang yang paling malang atau orang yang dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sebaiknya hadapilah ujian itu dengan berusaha mencari jalan keluar, berdoa, bertawakal dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Perlu juga diingat, apabila diberi kebahagiaan, kecukupan dan kenikmatan, sebenarnya ia adalah salah satu ujian yang besar buat kita. Adakah dengan kenikmatan itu boleh menjadikan kita hamba yang bersyukur, mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala ataupun sebaliknya.

Akhirnya sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan kita menjadi orang yang sentiasa bersyukur, tabah dan sabar dalam menghadapi ujian-ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada ketika senang mahupun susah. Dengan yang

demikian kita akan menjadi hamba-hamba-Nya yang beriman dan sentiasa taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Ankabut, ayat 1 - 3 tafsirnya:

*“Alif Lam Mim. Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji? Dan demi sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya dia mengetahui orang-orang yang berdusta.”*

## Adab berkomunikasi

Keluaran Pelita Brunei 19 November 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tin, ayat 4 tafsirnya:

*“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.”*

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian, antaranya dengan menganugerahkan akal fikiran. Dengan akal fikiran, manusia dapat membezakan antara yang hak dengan yang batil, yang baik dengan yang buruk. Dengan akal fikiran juga manusia dapat menyelesaikan apa saja permasalahan yang dihadapi dan mampu mencapai pelbagai kemajuan antaranya mencipta peralatan-peralatan komunikasi. Secara hakiknya dengan terciptanya alat komunikasi ini, maka kita dapat melihat penyaluran maklumat begitu cepat sama ada melalui media massa, media cetak, internet, WhatsApp, Instagram, Twitter dan sebagainya.

Tetapi perlu diingat bahawa peralatan komunikasi masa kini, ibarat sebilah pisau yang dapat memberi kebaikan kepada kita andai kata betul cara menggunakannya. Akan tetapi pisau yang sama juga boleh mendatangkan kemudaratan kepada kita jika disalahgunakan. Kita sebagai manusia kadangkala mudah terlupa akan batasan agama serta dosa dan pahala sehingga ada yang sanggup menggunakan alat komunikasi untuk menjatuhkan atau mendedahkan keaiban seseorang termasuklah menyebarkan fitnah. Dan yang lebih dahsyat lagi, ada yang sanggup mencipta berita palsu, dokumen palsu, gambar palsu yang disebar melalui internet dan media sosial hanya semata-mata untuk tujuan tertentu yang jahat.

Sebagai umat Islam yang takutkan Allah Subhanahu Wata'ala dan percayakan Hari akhirat kita hendaklah menjaga akhlak dan adab-adab kita ketika bercakap dan berkomunikasi, sebagaimana yang disarankan melalui firmam Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 11 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jangalah satu kaum mengejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek satu kaum perempuan yang lain, boleh jadi kaum perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka.”*

Justeru, dalam pergaulan seharian dengan menggunakan alat-alat komunikasi kita hendaklah mengamalkan cara bergaul dan berkomunikasi menurut ajaran agama kita, antaranya:

Pertama: Janganlah berkomunikasi dengan cara merendahkan dan mencaci maki orang lain.

Kedua: Janganlah mendedahkan keaiban seseorang atau menyebarkan keburukkan seseorang, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

*“Seseorang yang tidak menutup keaiban orang lain semasa di dunia nescaya Allah tidak akan menutup keaibannya pada hari kiamat.”*

Ketiga: Janganlah menggelar seseorang dengan gelaran yang tidak disukainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 11 tafsirnya:

*“Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk.”*

Keempat: Jauhilah dari berprasangka buruk. Kerana ia mendatangkan dosa, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12 tafsirnya:



*“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa.”*

Kelima: Janganlah kita mengintip dengan niat jahat mencari kesalahan orang lain, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12 tafsirnya:

*“Dan janganlah kamu mengintip (dengan niat jahat mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain.”*

Keenam: Menjaga tutur kata agar tidak mendatangkan kemarahan orang lain.

Dalam perkara ini khasnya penggunaan alat komunikasi maka hendaklah bertanggungjawab di atas setiap berita yang disampaikan dan memelihara kesahihannya, agar ia tidak mendatangkan pendustaan atau pembohongan, buruk sangka, permusuhan, fitnah, mencela, mengutuk, bertelingkah, mengumpat, melaknat dan sebagainya. Lebih-lebih lagi ia boleh membawa kepada berlakunya kekacauan dan permusuhan dalam masyarakat.

Bayangkanlah, apakah yang akan berlaku kepada masyarakat bahkan kepada umat dan negara yang tercinta ini jika fitnah dan pembohongan menjadi trend dalam media massa, media cetak, internet, WhatsApp, Instagram, Twitter dan sebagainya itu menjadi perkara yang menjadi lumrah? Yang mana sedemikian itu jika terjadi bererti kita sudah terperangkap dalam suatu keadaan di mana nilai-nilai murni bangsa dan negara kita sebagai bangsa dan umat yang berbudi pekerti serta mengamalkan cara hidup terbaik-baik dan saling menghormati telah tiada lagi.

Oleh yang demikian, berkomunikasi dalam perkara yang bermanfaat dan bukan pada perkara yang sia-sia, atau jika takut berkomunikasi dalam perkara yang boleh mendatangkan dosa adalah lebih baik berdiam sahaja kerana itu lebih memberi manfaat daripada berkata-kata.

Sesungguhnya orang beriman tidak akan bercakap dalam perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah. Elakkan daripada terjerumus ke dalam dosa termasuk melemparkan tuduhan, menyebarkan fitnah, prasangka buruk serta bercakap bohong. Ingatlah bahawa setiap apa yang disebar dan diberitakan pasti akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Surah Al-Hujurat, ayat 12 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih.”*

## Melakukan perubahan untuk kejayaan

Keluaran Pelita Brunei 26 November 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kita hidup di dunia ini sememangnya menginginkan kebahagiaan dan kejayaan. Untuk mencapai kebahagiaan dan kejayaan, kita mestilah membuat perubahan dalam hidup. Perubahan merupakan satu penghijrahan atau peralihan, iaitu melakukan perubahan dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik. Kita hendaklah melakukan penghijrahan untuk menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang beriman dengan melakukan amalan-amalan yang diperintahkan dan meninggalkan segala amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Namun untuk melakukan perubahan ke arah kecemerlangan ini, ia bukan dengan angan-angan semata-mata, tanpa disusuli dengan semangat dan usaha yang bersungguh-sungguh. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-'Ankabut, ayat 69 tafsirnya:

*“Dan orang-orang yang berjihad untuk Kami, Kami tentu akan menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar berserta orang-orang yang berbuat kebaikan.”*

Oleh yang demikian jika kita ingin melaksanakan perubahan diri, kita hendaklah menilai beberapa aspek penting antaranya:

- Pertama: Kemahuan untuk berubah.
- Kedua: Sanggup membuat pengorbanan.
- Ketiga: Mempunyai semangat yang tinggi.

Keempat: Mempunyai jati diri yang kuat.

Kelima: Berkeyakinan dan tidak mudah berputus asa.

Ingatlah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi peringatan kepada kita tentang perubahan diri. Adapun untuk membuat perubahan tersebut adalah tergantung kepada diri kita sendiri, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 11, tafsirnya:

*“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah keadaan apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan keburukan (azab) kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka memperoleh perlindungan selain daripada-Nya.”*

Kita sebagai umat Islam mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing, iaitu:

Pertama: Sebagai pemimpin perlulah meletakkan kemantapan akidah, akhlak, ekonomi, sosial dan pembangunan negara untuk mencapai kegemilangan tamadun Islam. Segala unsur-unsur yang boleh menggugat keutuhan akidah, syariat dan akhlak umat Islam perlulah dibanteras dengan sebaik mungkin.

Kedua: Sebagai ibu bapa perlu meletakkan keharmonian rumah tangga sebagai satu matlamat. Jadikanlah rumah tangga ibarat ‘Syurga’, iaitu tempat yang penuh dengan ketenangan, kenikmatan dan kebahagiaan. Segala budaya yang merosakkan hal-hal keluarga hendaklah dihindarkan.

Ketiga: Sebagai individu Muslim kita perlu meningkatkan diri, iaitu untuk menjadi sebagai Muslim yang berkualiti, berpotensi besar, profesional, berdaya tahan dan sentiasa menuju ke arah kemajuan agama dan ummah.

Dalam dunia globalisasi, umat Islam tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran dalam mempertahankan kesucian agama Islam, antaranya ialah

dengan penyelewengan akidah dan syariat, pemalsuan fatwa, pencemaran dan kerosakan akhlak dan budaya ini boleh disebarkan melalui media massa, internet, buku dan majalah selain melalui propaganda dan ideologi.

Sememangnya di tangan kitalah letaknya tanggungjawab bagi memastikan nilai budaya Islam terpelihara dan terjaga dengan menyeru kepada kebaikan dan menghalang kemungkaran. Kita perlu bertindak menghapuskan masalah sebelum masalah itu merebak dan berleluasa dalam masyarakat.

Marilah kita melakukan perubahan dengan membiasakan diri dengan amal perbuatan yang betul untuk menjadi rutin dalam kehidupan kita. Sesungguhnya perubahan diri ini dilakukan untuk tujuan kebaikan yang akan membawa banyak keuntungan. Namun jika sebaliknya akan membawa banyak kerugian dan kebinasaan.

Jadikanlah perubahan diri kita sebagai asas untuk membina sebuah tamadun bangsa yang beretika dan berrmaruah. Hidupkanlah budaya Islam dalam setiap nafas kehidupan kita, insyaaAllah dengan cara ini kita akan menjadi satu umat yang berjaya di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah At-Taubah, ayat 111, tafsirnya:

*“Sesungguhnya Allah membeli daripada orang-orang beriman, jiwa dan harta benda mereka dengan mengurniakan bagi mereka syurga.”*

## **Khutbah Jumaat Bulan Disember 2016**

## Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa

Keluaran Pelita Brunei 3 Disember 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala menyuruh kita agar sentiasa berusaha mencari rezeki yang halal lagi baik, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 172 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah makanan yang baik-baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika benar kamu hanya beribadat kepada-Nya.”*

Allah Subhanahu Wata'ala menyediakan berbagai-bagai sumber rezeki di muka bumi ini untuk manusia berusaha mencari rezeki dengan usaha dan kekuatan yang dikurniakan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, ayat 6 tafsirnya:

*“Dan tidak ada satu pun makhluk yang melata di bumi melainkan Allah yang menjamin rezekinya dan mengetahui tempat menetap dan tempat penyimpanannya. Semuanya itu tertulis dalam kitab yang nyata (Luh Mahfuz).”*

Sungguhpun demikian, dalam mencari rezeki tersebut kita hendaklah sentiasa berwaspada dan mengikut landasan ajaran agama Islam agar tidak dicemari oleh unsur-unsur yang tidak diredai Allah Subhanahu Wata'ala seperti mencuri, pecah amanah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi dan termasuklah juga rasuah.

Fakta kes siasatan Biro Mencegah Rasuah telah menunjukkan bahawa antara penyebab berlakunya rasuah tersebut adalah disebabkan beban hutang. Sekalipun kita perlu berhutang tetapi kita hendaklah memastikan kemampuan kita untuk membayar hutang tersebut. Oleh itu, kita hendaklah bijak dalam merancang dan mengurus kewangan dengan mengamalkan sikap berhemat, berjimat cermat dan berbelanja mengikut kemampuan diri sendiri seperti kata pepatah ‘ukur baju di badan sendiri’. Allah Subhanahu Wata’ala menegaskan di dalam Al-Quran dengan firman-Nya dalam Surah Al-Furqan, ayat 67 tafsirnya:

*“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebihan dan tidak juga bakhil dan sebaliknya perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya.”*

Perkara ini pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Baharu Masihi 2012 bahawa amalan berjimat cermat itu boleh menjadi kunci kepada kestabilan dan kemakmuran negara. Antara isi kandungan titah baginda adalah:

***“... Sikap berhemat dalam berbelanja, sama ada di peringkat keRajaan, rumah tangga mahupun individu adalah tonggak survival ekonomi negara. Kerana itu, berbelanja besar di luar kemampuan adalah satu tragedi pahit ...”***

Oleh yang demikian, wahai kaum Muslimin, sikap boros dan berbelanja di luar kemampuan adalah amalan yang perlu dielakkan kerana ia boleh menyusahkan diri sendiri dan menyebabkan seseorang itu berhadapan dengan masalah kewangan dan hutang keliling pinggang. Dalam Al-Quran juga ada menyebutkan sikap boros adalah sikap syaitan. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam surah Al-Isra’, ayat 27:

*“Sesungguhnya orang-orang yang membazir membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan-Nya.”*



Beralih kita kepada isu rasuah ini, antara sebab seorang individu atau penjawat awam boleh terlibat dalam rasuah adalah apabila mereka gagal mengawal diri serta dipengaruhi oleh sifat tamak haloba, boros berbelanja tanpa memikirkan kemampuan dan berfikir sempit dalam mengatasi masalah kewangan dengan mengambil jalan pintas tanpa memikirkan risikonya.

Tekanan persekitaran yang ingin bersaing dan iri hati dengan kehidupan mewah orang lain tanpa menyedari kemampuan pendapatan masing-masing juga boleh mendorong seseorang melakukan perbuatan rasuah.

Mereka yang melakukan perbuatan rasuah merupakan orang yang tidak berintegriti, tidak jujur dan gagal dalam menjalankan amanah yang diberikan. Mereka sanggup mengadaikan maruah dan jati diri demi habuan yang diberikan tetapi akhirnya merosakkan diri sendiri. Perbuatan rasuah hanya mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan akibatnya juga memberi kesan yang merugikan kepada masyarakat dan negara.

Ingatlah bahawa hasil yang diperolehi melalui rasuah adalah haram dan tidak berkat. Sanggupkah kita memberi makan dan minum kepada anak isteri serta keluarga kita dari sumber yang haram? Sesungguhnya makan makanan dari sumber yang haram itu balasannya adalah neraka, sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud:

*“Dari Jabir bin Abdullah Radhiallahuanhu, bahawasanya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: tidak akan memasuki syurga, daging yang tumbuh daripada yang haram, api neraka lebih utama baginya.”*

Agama Islam mengalakkan umatnya untuk bersederhana dalam menjalani kehidupan seharian serta bijak merancang dalam pengurusan kewangan. Pengurusan kewangan yang berhemat dan berpada dalam perbelanjaan keluarga dapat memberikan kita ruang untuk lebih berupaya dalam menghadapi keadaan sukar atau kekurangan serta dapat menangani permasalahan dengan baik.

Marilah kita sama-sama meningkatkan kesedaran dalam kehidupan dan pentingnya kita mencukupkan keperluan kita melalui pengurusan kewangan yang bijak demi mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Akhirnya, marilah kita berdoa semoga Negara Brunei Darussalam bersih daripada sebarang rasuah, semoga kita semua mendapat rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal Alamin

Surah Al-Baqarah, ayat 188 tafsirnya:

*“Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, pada hal kamu mengetahui salahnya.”*

## Hayati sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

Keluaran Pelita Brunei 10 Disember 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Pada setiap tahun di bulan Rabiulawal seluruh umat Islam kita mengenang dan meraikan Hari Kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda adalah seorang Rasul yang tinggi darjatnya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan mempunyai akhlak yang sangat mulia, sehingga Allah Subhanahu Wata'ala sendiri memperakui kemuliaan akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Hal ini ada dijelaskan di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Qalam, ayat 4 tafsirnya:

*“Dan sesungguhnya engkau Muhammad benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia.”*

Di dalam hadis juga ada dinyatakan tentang kemuliaan akhlak Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Aisyah Radiallahuanha ditanya oleh sahabat Hisham bin Umru Radiallahuanhu tentang bagaimana akhlak Rasulullah, Aisyah Radiallahuanha berkata:

*“Bukankah engkau sering membaca Al-Quran?’ Beliau menjawab: Ya, Aisyah berkata: Akhlak Rasulullah adalah Al-Quran.”*

Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan akhlak itu ialah Baginda memimpin umatnya ke jalan yang lurus yang tidak ada keraguan lagi apa yang dibawa oleh Baginda.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah makhluk yang paling dicintai Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadikan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai khalil (pendamping). Kita selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mengakui, mencintai Allah Subhanahu Wata'ala hendaklah mengikut segala apa yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari segi percakapan, gerak laku dan akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 31 tafsirnya:

*“Katakanlah wahai Nabi Muhammad! Jika kamu mengasihi Allah maka ikutilah Aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”*

Justeru, kita sebagai umat Islam adalah diajak dan diseru bercontoh tauladan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan kita. Cara kehidupan yang ditunjukkan dan dipancarkan oleh sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah sangat unggul, ini bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 tafsirnya:

*“Demi sesungguhnya, pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah dan kebahagiaan hari akhirat, serta banyak berzikir mengingati Allah.”*

Bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini marilah kita menghayati sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dapat kita ambil contoh untuk dijadikan teladan yang baik agar kita menjadi hamba Allah yang benar-benar diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Antara contoh akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang terdapat dalam sirah adalah:

Pertama: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seorang yang tabah.

Ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyampaikan dakwah di bandar Taif, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam telah dicaci dan dihina serta dilempar dengan batu, akibat daripada lemparan tersebut badan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengalami luka-luka dan berdarah. Apabila Baginda telah berada agak jauh dari bandar tersebut, Baginda pun berdoa dengan hati yang sangat sedih, “Ampunilah mereka, sesungguhnya mereka tidak mengetahui.”

Subhanallah, betapa tabahnya hati Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda tidak membalas perbuatan orang yang menganiayanya sebaliknya mendoakan keampunan bagi mereka.

Kedua: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang pemaaf.

Kisahnyanya di mana seorang wanita tua sering menyakiti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan meletakkan duri, kaca, najis-najis bagi menghalang perjalanan yang dilalui Rasulullah, namun Baginda tidak pernah bertindak untuk membalas, apabila wanita tua itu jatuh sakit, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menziarahi dan menunjukkan sikap yang baik terhadapnya walaupun wanita tua itu sering menyakiti Baginda.

Melihat kebaikan yang ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, wanita tua tersebut menyedari betapa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seorang insan yang mempunyai keperibadian yang sangat mulia sehingga wanita tua tersebut mendapat petunjuk dan hidayah untuk memeluk agama Islam.

Ketiga: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang tawaduk.

Ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat berhenti dari perjalanan yang sangat jauh, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh para sahabatnya memasak daging kambing.

Beberapa tugas tertentu dibahagi-bahagikan, lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memilih tugas mencari kayu api. Lantas para sahabat melarang Baginda,

lalu Baginda berkata: Aku tidak mahu membezakan diriku dengan kamu semua kerana Allah Subhanahu Wata'ala tidak menyukai hamba-Nya yang berbuat begitu.

Berdasarkan daripada kisah-kisah tersebut jelas membuktikan betapa indah dan mulianya akhlak Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang sepatutnya kita contohi dan teladani agar kehidupan kita akan sentiasa selamat, diberkati serta mendapat rahmat dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagaimana umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam marilah kita menzahirkan rasa cinta kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengamalkan sunnah Baginda serta memperbanyakkan selawat ke atas Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semoga dengannya kita akan mendapat syafaat di akhirat kelak. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah At-Taubah, ayat 128 tafsirnya:

*“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjadi sangat mengambil berat terhadap kesusahan-kesusahan yang kamu tanggung, yang menginginkan kebaikan kepada kamu, sangat belas kasihan lagi pengasih terhadap orang-orang yang beriman.”*

## Sabar menghadapi ujian

Keluaran Pelita Brunei 17 Disember 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Manusia yang hidup di dunia ini tidak akan terlepas daripada menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, perbezaan hanyalah terletak kepada besar atau kecilnya ujian itu dan berat atau ringannya dugaan yang menimpa. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155, tafsirnya:

*“Dan sesungguhnya! Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.”*

Sebagai umat Islam kita hendaklah mempunyai kekuatan iman dalam menghadapi apa pun jua situasi yang dihadapi, baik berupa ujian untuk umum seperti kemarau panjang, kebakaran, hujan yang turun tidak hentinya sehingga menyebabkan berlakunya banjir, tanah runtuh dan sebagainya atau ujian untuk individu atau perseorangan seperti ditimpa penyakit, kemiskinan, kematian orang yang disayangi, dihina, difitnah dan sebagainya. Semua ujian dan dugaan ini, haruslah dihadapi dengan reda, tabah, tenang dan yang paling utama ialah menghadapinya dengan penuh kesabaran.

Sifat sabar dan tabah dalam menghadapi ujian amat perlu kerana dengan sifat tersebut menjadikan kita reda terhadap Qada dan Qadar Allah Subhanahu Wata'ala sekali gus mengelakkan diri kita daripada bersikap marah, kecewa, berputus asa

dan resah gelisah. Ketahuilah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala mengasihi orang-orang yang sabar, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 146, tafsirnya:

*“....Dan Allah mengasihi orang-orang yang sabar.”*

Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan sabar itu ialah tabah dan kuat dalam menahan dan menanggung penderitaan, kesakitan, kesusahan dan segala seksa yang diterima. Ketahuilah kejayaan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam perjuangan untuk menegakkan Islam adalah hasil daripada ketabahan dan kesabaran Baginda. Baginda sabar menghadapi pelbagai ujian dan rintangan seperti dimusuhi, dihina, disakiti dan sebagainya.

Antaranya Baginda pernah dilemparkan najis unta sewaktu menunaikan sembahyang. Selain itu, Baginda juga sabar dalam menghadapi kelaparan disebabkan kemiskinan, di mana pada suatu hari Baginda pernah bertanya kepada isteri Baginda, apakah ada sarapan pagi atau tidak, lalu isteri Baginda menjawab: Tidak ada. Baginda pun bersabda: Baiklah aku berpuasa pada hari ini, Baginda berpuasa sunat kerana tidak ada apa-apa hendak dimakan.

Sememangnya orang yang paling hebat kedudukan imannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sudah tentulah dalam kalangan para Nabi dan Rasul yang banyak menerima ujian dalam misi dakwah mereka. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah antara Rasul-Rasul yang digelar Ulul Azmi, iaitu Rasul yang memiliki keteguhan hati kerana paling banyak mengalami penderitaan dan ujian dalam berdakwah, namun begitu Baginda telah menghadapinya dengan penuh ketabahan dan kesabaran.

Sebagai umat Islam kita seharusnya menjadi umat yang sentiasa istiqamah dalam berjuang mempertahankan kesucian agama Islam. Kita juga hendaklah menempuh segala ujian tanpa mengenal erti putus asa yang merupakan asas kejayaan umat Islam. Marilah kita hadapi ujian yang datang dengan mengikuti jejak Rasulullah



Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda agar kita sentiasa menjadi orang-orang yang sabar dan reda dengan ujian Allah Subhanahu Wata'ala.

Ujian tersebut sebenarnya adalah jalan untuk Allah Subhanahu Wata'ala menguji kita agar dikurniakan balasan syurga yang abadi. Pandanglah ujian hidup itu dengan sangkaan yang baik kerana itu adalah hikmah di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala Surah Ali-'Imran, ayat 200, tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebjikan, kuatkanlah kesabaran kamu dalam menghadapi orang-orang kafir dan bersiap sedialah dengan kekuatan pertahanan disempadan negeri kamu serta bertakwalah kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).”*

Ketahuiilah bahawa sabar itu amat besar pahalanya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadi ukuran kepada kekuatan iman seseorang. Martabat sabar itu terbahagi kepada tiga:

Pertama: Sabar orang awam, sabar orang kebanyakan. Ia sanggup menerima segala kesusahan dan kesakitan ke atasnya dan ia menahan diri daripada marah atau berputus asa, bahkan sebaliknya ia dalam keadaan tenang menerima segala kesusahan itu.

Kedua: Sabar orang muridin, iaitu golongan penyokong atau pengikut. Ia menerima segala kesusahan dan kesakitan dengan hati yang tidak susah, bahkan diterimanya dengan hati yang ringan kerana melihat dengan mata hatinya bahawa sesuatu yang datang kepadanya itu adalah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ia tidak memandang kepada pahala dan seksa, bahkan ia semata-mata mengikut apa yang disuruh oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Sabar orang-orang zahidin dan salikin, iaitu golongan orang-orang yang hatinya menuju kepada akhirat. Ia menerima dengan sabar segala hukum Allah Subhanahu Wata'ala yang datang kepadanya, kerana segala hukum Allah

Subhanahu Wata'ala itu telah tersurat di Luh Mahfuz yang tidak boleh diubah-ubah, maka ia menerimanya dengan hati yang reda akan segala hukum Allah yang datang kepadanya. Oleh kerana segala hukum Allah itu telah tersurat dalam Luh Mahfuz menurut kehendak Allah, maka orang-orang zahidin dan salikin menyerahkan dirinya dengan penuh sabar kepada Allah. Jika pada zahirnya ia berasa sakit atau susah tetapi hatinya tetap tenang dan tetap sabar serta reda akan segala hukum Allah dan ketentuan-Nya.

Sebagai hamba Allah yang beriman, kita hendaklah bersabar dan tabah menghadapi segala ujian yang menimpa ke atas kita kerana semua itu adalah Qada dan Qadar Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai peringatan kepada hamba-hamba-Nya supaya tidak terus lalai dan leka dalam kesenangan dan kemewahan hidup di dunia. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa bersama kita sebagaimana yang dijanjikan di dalam Al-Quran untuk sentiasa bersama-sama orang-orang yang sabar dan sentiasa melimpahkan rahmat dan hadiah serta memberikan perlindungan kepada kita. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Az-Zumar, ayat 10 tafsirnya:

*“..... Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabar sahaja akan disempurnakan pahala mereka tanpa batasan.”*

## Bersama menjaga keselamatan di jalan raya

Keluaran Pelita Brunei 24 Disember 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan nikmat dan rahmat-Nya jua, negara kita mencapai kemakmuran, kemajuan dan pembangunan sehingga denganya keRajaan dapat menyediakan berbagai-bagai prasarana perkhidmatan dan kemudahan untuk rakyatnya. Adapun antara prasarana itu ialah seperti kemudahan bekalan air, elektrik, perhubungan awam, pengangkutan awam, jalan raya dan sebagainya. Jalan raya adalah kemudahan awam yang disediakan oleh pihak keRajaan dalam sesebuah negara bagi kegunaan orang ramai untuk berhubung dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.

Bagi menjamin jalan raya itu selamat dan selesa digunakan oleh semua pengguna, sama ada kenderaan bermotor, penunggang basikal dan pejalan kaki, keRajaan telah memperuntukan akta dan peraturan-peraturan lalu lintas jalan raya bagi pengguna jalan raya untuk dipatuhi.

Keselamatan jalan raya adalah perkara yang sangat penting untuk diambil berat dan menjadi tanggungjawab semua pengguna untuk menjaga dan memelihara kemudahan ini dan menjadikannya tempat selamat dan bukan tempat kecelakaan. Kita perlu ingat kecuaiannya di jalan raya boleh mengakibatkan kerosakan dan kemusnahan harta benda, kecederaan atau kematian.

Sebagai pengguna jalan raya, kita hendaklah mengikut akta dan peraturan, bersifat sabar, bertolak ansur, bertimbang rasa dan sentiasa berwaspada pada setiap masa terutama sekali pada waktu-waktu tertentu seperti kesesakan jalan raya, pada

musim perayaan, ketika berlaku kemalangan dan termasuklah ketika menghantar dan mengambil anak ke sekolah, di mana terdapat sebilangan orang yang meletakkan kenderaan bukan di tempat yang sepatutnya sehingga menyebabkan jalan raya menjadi sesak dan setentunya menghalang kelancaran aliran lalu lintas.

Sebagai pengguna jalan raya juga mestilah berdisiplin, hormat-menghormati, tolong-menolong apabila berlaku kerosakan kenderaan, berpikiran dengan waras dan bijak dengan memberikan laluan dan ruang kepada mereka yang memerlukan. Percayalah jika kita menolong dan memudahkan urusan orang lain, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan menolong kita. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis, maksudnya:

*“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Dan Allah Subhanahu Wata'ala menolong hamba-Nya selama mana hamba itu mahu menolong saudaranya.”*

Islam mengajar kita agar sentiasa menjaga adab dan menjaga tatasusila di mana pun kita berada apatah lagi kita berada di jalan raya. Ketahuilah bahawa peraturan jalan raya yang dibuat adalah untuk kepentingan dan keselamatan, bukannya untuk menyusahkan kita selaku pengguna.

Manakala antara adab dan peraturan jalan raya itu ialah tidak membuat bising seperti membunyikan bunyi-bunyian yang nyaring dan kuat sehingga mengganggu ketenteraman awam sama ada di persekitaran rumah mahupun di jalan raya. Tidak memasang lampu warna-warni di hadapan kenderaan selain warna putih, seperti warna merah, yang mana boleh mengelirukan pemandu-pemandu lain dan boleh mengundang kemalangan jalan raya.

Bahkan didapati sesetengah pemandu pula tidak menyalakan lampu kenderaan semasa waktu gelap dan perkara ini boleh mengundang kemalangan disebabkan kecuaiannya atau pentingkan diri sendiri, tanpa menghiraukan keselamatan orang lain.

Bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya serta menyelamatkan nyawa dan harta benda daripada sebarang kemalangan, berbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan bukan kerajaan, antaranya:

- Mengadakan sekatan jalan raya dan memeriksa kenderaan untuk mengesan sebarang kesalahan yang bertentangan dengan peraturan-peraturan dan kelayakkan kenderaan ketika berada di atas jalan raya.

- Menguatkuasakan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP) yang bertujuan untuk memastikan pemandu di negara ini memandu kenderaan dengan lebih berdisiplin, berhati-hati dan mematuhi setiap peraturan lalu lintas.

- Menjalankan pemeriksaan kepada para pemandu supaya tidak memandu dalam pengaruh alkohol dan penyalahgunaan dadah yang terkawal dan ubat-ubatan yang terlarang.

- Memberi peringatan kepada para pemandu, para penunggang basikal dan pejalan kaki agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya melalui kempen-kempen dan iklan-iklan.

- Menasihati para pemandu kenderaan supaya sentiasa mencari langkah memastikan keselamatan seperti memakai tali pinggang keselamatan, jangan sama sekali menggunakan telefon bimbit semasa memandu, mematuhi lampu isyarat lalu lintas, mengikut had laju yang dibenarkan, memandu secara berhemah, memeriksa kenderaan sebelum menggunakannya dan lain-lain lagi supaya pengguna jalan raya benar-benar selamat.

Dalam usaha menjaga keselamatan pengguna jalan raya, sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa berzikir dan berdoa bermohon perlindungan kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala. Sememangnya agama Islam menggalakkan umatnya supaya memperbanyakkan doa dan zikir pada setiap masa dan tempat.

Selain itu, kita keluar rumah juga kita dianjurkan bermohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala daripada sebarang bahaya dan kejahatan sama ada daripada manusia, jin dan syaitan. Antara amalan-amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum keluar rumah ialah membaca:

-Surah Al-Fatihah, ayat AlKursi, Doa Keluar Rumah, iaitu:

بِسْمِ اللَّهِ ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Ertinya: *“Dengan nama Allah aku bertawakal kepada-Nya dan tiada daya serta upaya kecuali dengan keizinan Allah.”*

Ketika menaiki kenderaan pula hendaklah membiasakan diri membaca doa, iaitu yang tafsirnya:

*“Maha suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali.”*

Marilah kita sentiasa mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Amalkanlah sifat bersopan santun, hormat-menghormati dan bertolak ansur di jalan raya. Di samping itu, janganlah lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa, keadaan dan tempat dengan mengamalkan doa dan zikir. Sama-samalah kita berdoa semoga kita dihindarkan daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan dan sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah An-Nisa', ayat 103 tafsirnya:

*“... Maka ingatlah Allah ketika kamu berdiri dan duduk serta ketika kamu berbaring...”*

## Kewajipan memelihara akidah

Keluaran Pelita Brunei 31 Disember 2016

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Dalam Islam harta adalah amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala, kita manusia hanyalah sebagai pemegang amanah. Harta adalah sebagai ujian keimanan yang berhubung kait dengan cara mendapat dan memanfaatkannya sama ada sesuatu dengan ajaran agama Islam ataupun tidak. Harta juga adalah sumber kepada ibadah yang berhubung kait dengan Allah (Hablum minallah) dan berhubung kait sesama manusia (Hablum minannas). Harta yang berhubung kait dengan Allah adalah harta yang diinfakkan ke jalan yang diredai Allah seperti zakat, nafkah, sedekah, wakaf dan sebagainya. Dan harta yang berhubung kait sesama manusia adalah harta melalui jual beli dan pelbagai perkhidmatan sesama manusia.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hadid, ayat 7, tafsirnya:

*“Berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya. Belanjakanlah pada jalan Allah sebahagian daripada harta kurnia-Nya yang dijadikannya kamu sebagai penguasanya, maka orang-orang yang beriman antara kamu dan membelanjakan sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah mereka beroleh pahala yang besar.”*

Islam tidak menafikan kepentingan wang dan harta. Namun Islam mengajarkan bahawa harta dan wang adalah semata-mata sebagai alat untuk digunakan dalam proses pertukaran atau jual beli. Justeru, semua barang dan perkhidmatan yang diperdagangkan mempunyai nilai wang, dalam masa yang sama Islam juga

menggalakkan amalan berjimat cermat. Orang yang bijak menguruskan harta dan mengatur kewangan adalah orang yang tahu berjimat cermat dalam berbelanja dan mempunyai perancangan perbelanjaan yang teratur seperti menabung, menyimpan ataupun pelaburan. Tidak dinafikan sifat manusia suka berbelanja dan memiliki sesuatu adalah sebagai naluri semula jadi.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 14 tafsirnya:

*“Dihiaskan (dijadikan indah) bagi manusia kecantikan kepada keinginan nafsu, iaitu menyukai perempuan, anak pinak dan harta benda yang banyak daripada emas dan perak, kuda pilihan lagi terlihat serta binatang-binatang ternakan dan tanaman-tanaman, semua itu ialah kesenangan kehidupan di dunia. Padahal di sisi Allah adalah sebaik-baik tempat kembali, iaitu Syurga.”*

Di sebalik naluri semula jadi ingin memiliki sesuatu, kita sebagai umat Islam hendaklah tidak terkeluar daripada batas-batas yang tertentu seperti melakukan pembaziran atau boros. Sikap berbelanja mengikut hawa nafsu perlu dihindari dan dibendung sebelum ia menjadi tabiat. Ketahuilah sikap boros berbelanja boleh mengundang masalah seperti menanggung hutang dan sebagainya.

Sememangnya tidak salah kita berbelanja, tetapi biarlah berpada-pada. Berbelanja hendaklah sekadar mengikut kemampuan sahaja. Dan sebaik-baiknya biarlah berbelanja secara sederhana sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan ayat 67, tafsirnya:

*“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebihan dan tidak juga bakhil dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah sederhana antara kedua-duanya.”*

Alhamdulillah, pada ketika ini warga Perkhidmatan Awam menikmati pemberian bonus sebagai inisiatif kepada keRajaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Sememangnya pemberian bonus merupakan sangat yang dinanti-nantikan oleh setiap warga Perkhidmatan Awam. Walaupun pendapatan bonus boleh dikatakan



lumayan, namun bukan bererti kita harus berhabis-habisan membelanjakannya untuk sesuatu hal yang tidak mendatangkan faedah dan manfaat.

Bagi itu adalah dinasihatkan agar kita bijak berbelanja dan jangan membazir. Ketika kita menikmati wang bonus ini juga, ibu bapa seharusnya jangan lupa untuk menyediakan keperluan yang sangat penting seperti barangan atau persediaan untuk persekolahan anak-anak seperti pakaian, buku-buku dan seumpamanya. Anak juga perlu dinasihati agar mereka menggunakan semua barang-barang seperti beg dan alat-alat tulis yang masih boleh dipakai.

Berbelanjalah secara bijaksana dengan memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang penting sahaja tanpa melakukan pembaziran, apatah lagi sampai berbelanja melebihi had kemampuan kerana sifat berjimat cermat dalam berbelanja amat dituntut dalam Islam.

Selain kita berbelanja adalah baiknya juga kita merancang untuk keperluan masa depan sama ada duniawi mahupun ukhrawi seperti menambah wang tabungan atau diinfakkan ke jalan yang direcai Allah Subhanahu Wata'ala.

Ingatlah bahawa dalam harta yang kita miliki bukanlah hak milik mutlak kita seorang, sebenarnya terdapat hak orang lain di dalamnya yang perlu kita tunaikan seperti memberi zakat, bersedekah, berwakaf, membantu fakir miskin, menderma kepada orang yang ditimpa bencana, anak-anak yatim dan sebagainya.

Pada ketika ini, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim telah pun membukakan kepada orang ramai untuk mengeluarkan sumbangan mereka melalui perkhidmatan 'SMS' Brunei Prihatin. Projek ini merupakan salah satu usaha yang baik bagi memudahkan orang ramai untuk menghulurkan sumbangan mereka bagi sama-sama membantu anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, negara kita juga sedang mengutip derma bagi Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Lurong Dalam dan Kampung Pandai besi 'A' bermula pda

13 Disember 2016 yang lalu sehingga 31 Januari 2017. Bagi orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan bolehlah berbuat demikian melalui tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, bangunan jabatan-jabatan daerah, bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara dan sumbangan juga boleh disalurkan melalui perkhidmatan ‘SMS’ bagi tabung amal berkenaan.

Mudah-mudahan dengan adanya kutipan derma ini akan dapat meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan mereka yang ditimpa musibah kebakaran itu. Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah Subhanahu Wata’ala tidak memandang berapa banyak sedekah atau sumbangan yang dihulurkan itu, tetapi Allah Subhanahu Wata’ala memandang keikhlasan hati orang yang menghulurkan bantuan itu. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata’ala meluaskan rezeki kita dan menjadikan kita orang yang suka bersedekah. Amin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 262 tafsirnya:

*“Orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan ungkitan dan tidak pula menyakiti perasaan penerima, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidaklah ada ketakutan atas mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.”*





TERBITAN  
JABATAN PENERANGAN